

# PROGRAM KERJA FELDA 2016

Komuniti Sejahtera Integriti Terpelihara





# Kandungan

---



Prakata	4
Visi, Misi, & 5 Teras FELDA	5
Lembaga Pengarah FELDA 2016	6
Pengurusan FELDA 2016	7
Carta Organisasi FELDA	8
Amanat Pengerusi FELDA	10
Bicara Pengarah Besar FELDA	12

## 01 Pembangunan Ekonomi

Perladangan	17
Hal Ehwal Tanam Semula	18
Pembangunan Usahawan	22
Gedung Makanan Negara	31
	37

## 03 Pengurusan

Pentadbiran	85
Kewangan	86
Sumber Manusia	89
Pengurusan Tanah	99
	103

## 05 Sasaran Dan Cabaran

Daftar Risiko Jabatan/ Unit	131
KRA/ KPI Jabatan/ Unit	132
KRA/ KPI Pengurusan Wilayah	181
Kalendar	207
	225

## 02 Pembangunan Komuniti

Jabatan Pembangunan Komuniti	41
Jabatan Inovasi dan Pembangunan Generasi Baharu	42
Jabatan Pendidikan FELDA	58
	65

## 04 Unit Sokongan

Unit Audit Dalam	113
Unit Undang-Undang	114
Unit Pengurusan Risiko/ Integriti	117
Unit Komunikasi Korporat	119
	124

## 06 Maklumat Asas

249

# PRAKATA

Tahun 2016 datang bersama harapan dan cabaran baharu. Dalam suasana ekonomi dunia yang tidak menentu sekarang, kita perlu bersikap positif, bukannya negatif. Kita perlu produktif, progresif, konstruktif, tidak berputus asa dan jangan mudah terpengaruh dengan fikiran sempit dan negatif. Kita perlu terus mara ke hadapan.

Kerajaan komited untuk meningkatkan integriti institusi bagi mengekalkan keyakinan rakyat dan pelabur terhadap ekonomi Negara. Sebagai sebuah organisasi kerajaan, FELDA juga menurut jejak langkah ini.

## “ Komuniti Sejahtera, Integriti Terpelihara ”

---

Tema “Komuniti Sejahtera, Integriti Terpelihara” menegaskan kesungguhan serta fokus FELDA ke arah pembangunan dan mensejahterakan komuniti di samping memelihara integriti dalam institusi pentadbiran seterusnya meningkatkan integriti kepimpinan institusi peneroka.

Struktur organisasi FELDA turut mengalami perubahan pada tahun ini menyaksikan 11 Jabatan, empat (4) unit, satu (1) syarikat dan 11 buah Wilayah disusun di bawah pengurusan tiga (3) orang Timbalan Pengarah Besar.

Jabatan-jabatan dan Unit-unit ini terus melaksanakan program dan aktiviti berpandukan objektif, fungsi dan peranan, Key Result Area (KRA) serta *Key Performance Indicator* (KPI) jabatan masing-masing. Program-program yang dilaksanakan itu meletakkan Visi, Misi dan 5 Teras FELDA sebagai landasan manakala setiap gerak kerja dan pelaksanaan aktiviti jabatan dipimpin oleh kepimpinan jabatan masing-masing.

Buku ini disediakan sebagai rujukan semua petugas di peringkat Ibu Pejabat, Wilayah dan Rancangan agar sasaran, tujuan, kaedah dan jadual pelaksanaan dapat di selaraskan serta lengkap melengkap di antara satu dengan lain.

Secara individunya, setiap petugas seharusnya memainkan peranan yang penting dan bertanggungjawab terhadap kerjayanya dari segi komitmen, penglibatan dan wawasan petugas dalam perancangan kerjaya mereka. Di semua peringkat pengurusan iaitu Rancangan, Wilayah, Unit atau Jabatan, setiap petugas perlu saling berkomunikasi dan berinteraksi, berfungsi mengikut garis panduan yang dipersetujui bersama serta mempunyai peranan dan tanggungjawab untuk menjayakan matlamat FELDA.

# VISI

FELDA sebagai penjana ekonomi kawasan luar bandar yang memberi pendapatan tinggi kepada peneroka dan kawasan sekitarnya

# MISI

Meningkatkan kesejahteraan hidup warga peneroka melalui:


1. Penghasilan Kebun Yang Tinggi
2. Menyediakan Kemudahan Dan Infrastruktur Moden
3. Meningkatkan Potensi Dan Kualiti Modal Insan
4. Mewujudkan Budaya Inovasi Dan Kreativiti
5. Mempelbagaikan Sumber Ekonomi Bagi Menjana Pendapatan Tinggi
6. Memperkasakan Pembangunan Generasi Baharu
7. Memantapkan Pengurusan Felda Bertaraf Dunia
8. Memupuk Budaya Kecemerlangan

# 5 Teras FELDA

Meningkatkan kesejahteraan hidup warga peneroka melalui:

1. Komuniti Felda Menjadi Komuniti Contoh Luar Bandar
2. Warga Peneroka Menjadi Golongan Berpendapatan Tinggi
3. Felda Menjadi Pelaku Global
4. Membangunkan Potensi Generasi Baharu
5. Memperkukuhkan Budaya Felda Sebagai Institusi

# LEMBAGA PENGARAH



## PENGERUSI

1. Y.B. Tan Sri Hj. Mohd. Isa bin Dato' Hj. Samad

## PENGARAH BESAR

2. Datuk Hanapi Suhada
3. YBhg. Datuk Dr. Omar bin Salim
4. YBhg. Datuk Dr. Rahamat Bivi binti Yusoff
5. Encik Samsudin bin Othman
6. Y.B. Datuk Hj. Mohd Suhaili bin Said
7. Y.B Dato' Abu Bakar bin Hj. Harun
8. YBhg. Dato' Mohd Isa bin Abu Kasim
9. Y.B. Dato' Mohd Khusairi bin Hj. Abdul Talib
10. Y.B. Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd Harun Narrashid
11. Y.Bhg Datuk Nozirah binti Bahari

# PENGURUSAN FELDA



Baris pertama (duduk), dari kiri:

Asiah Sohit, Md Salleh Awang, Amir Hamdan bin Yusof, Anuar Malek, Datuk Hanapi bin Suhada, Ab. Ghani bin Mohd Ali, Muzzammil Mohd Noor, Mohd Shahrin bin Mohd Ali, YBhg. Dato' Ahmad Aazmey bin Abu Talib, Helwani Lukman.

Baris kedua (tengah), dari kiri:

Ismail Samingin, Erwan Aman, Tuan Hj. Abdul Ghani Mohd Ali, Muhamad Rizal bin Abdul Rahim, Izham Mustaffa, Shahrizal bin Mohd Salleh, Rajindran s/o Irusan, Lim Eng Hoe, Shahrudin Hassan, Abdul Malek Jalil, Nik Hasrul Mohd Zainudin, Rahimi bin Ab. Ghani

Baris ketiga (belakang), dari kiri:

Abdul Rahman bin Ahmad, Mohd Nasir bin Embong, Saifullah bin Mohd Nor, Che Noh bin Che Pa, Abd Malib Abd Rani, Dato' Saari Din, Hasrin Ismail, Pamuji Kemis, Razuwan Che Rose, Mohd Helmi Fakhzan Abd. Wahab, Datuk Juany bin Salleh, Rahimi bin Ab. Ghani, Muhamad Haidir Moin.



# LEMBAGA

PENGARAH BESAR  
**DATUK HANAPI SUHADA**

UNIT AUDIT DALAM  
**LIM ENG HOE**  
UNIT UNDANG-UNDANG  
**HELWANI LUKMAN**  
UNIT PENGURUSAN RISIKO  
INTEGRITI  
**RAJINDRAN IRUSAN**  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
**SHAHARUDIN HASSAN**

TIMBALAN PENGARAH BESAR  
(PEMBANGUNAN EKONOMI)  
**AB GHANI MOHD ALI**

PERLADANGAN  
**IZHAM MUSTAFA**  
HAL EHWAL TANAM SEMULA  
**MUHAMAD RIZAL ABDUL RAHIM**  
PEMBANGUNAN USAHAWAN  
**DATO' AMIR HAMDAN YUSOF**  
GEDUNG MAKANAN NEGARA


TIMBALAN PENGARAH BESAR  
(PENGURUSAN)  
**MUZZAMMIL MOHD NOOR**

PENTADBIRAN  
**RAHIMI AB GHANI**  
KEWANGAN  
**MOHD SHAHRIN MOHD ALI**  
SUMBER MANUSIA  
**ASIAH SOHIT**  
PENGURUSAN TANAH  
**SHAHRIZAL MOHD SALEH**






# CARTA ORGANISASI



TIMBALAN PENGARAH BESAR  
(PEMBANGUNAN KOMUNITI)  
**ANUAR MALEK**

PEMBANGUNAN KOMUNITI  
**ISMAIL SAMINGIN**  
INOVASI DAN PEMBANGUNAN GENERASI BAHARU  
**NIK HASRUL MOHD ZAINUDIN**  
PENDIDIKAN



Pengurusan Wilayah

Alor Setar    Mempaga  
**Abdul Rahman Ahmad    Hasrin Ismail**

Gua Musang    Raja Alias  
**Che Noh Che Pa    Pamuji Kemis**

Jengka    Sahabat  
**Mohd Nasir Embong    Datuk Juany Salleh**

Johor Bharu    Segamat  
**Saifullah Mohd Nor    Razuwan Che Rose**

Kuantan    Terengganu  
**Dato' Saari Din    Mohd Helmi Fakhzan Abd Wahab**

Trolak  
**Muhamad Haidir Moin**

## AMANAT PENGURUS FELDA

Tahun 2016 menerpa dengan membawa sinar harapan terutama kepada ekonomi dunia yang suram beberapa tahun kebelakangan ini. Tidak terkecuali harga komoditi sawit juga diunjur akan menokok lebih tinggi sejajar dengan perkembangan positif ini. FELDA sudah tentunya akan menerima tempas yang baik dari senario tersebut namun perlu kekal mengamalkan perbelanjaan berhemah untuk memastikan kelestarian pembangunan FELDA itu sendiri.


FELDA perlu kekal relevan dan kukuh supaya dapat terus menjadi paksi dan nadi masyarakat peneroka yang bergantung harap pada pengurusan FELDA yang telus dan berintegriti. Kemaslahatan masyarakat peneroka telah sekian lama menjadi keutamaan kepada pengurusan FELDA dan FELDA akan kekal sebagai entiti yang terus menggalas tanggungjawab ini walau badai apa pun yang datang menduga. Malah kini FELDA juga perlu memastikan generasi baharu FELDA mendapat manfaat sebaiknya seperti yang dinikmati ibu bapa mereka. Pelbagai program komuniti dirangka bagi golongan ini selain pembinaan 20,000 unit Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) seperti yang diumumkan YAB Perdana Menteri.

Dengan waktu yang hanya tinggal empat (4) tahun sebelum Malaysia mencapai status negara maju, organisasi yang besar seperti FELDA perlu lebih agresif dalam mendepani cabaran dan permasalahan yang melanda masyarakat supaya sasaran negara berpendapatan tinggi itu dapat dicapai bertepatan dengan Program Transformasi Kerajaan dan Program Transformasi Ekonomi yang dicanai YAB Perdana Menteri. Oleh itu, bukan sahaja pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang dikejar tetapi pembangunan lebih holistik yang memberikan taraf kehidupan yang lebih baik bagi setiap warganya turut perlu diberikan perhatian. Justeru FELDA dengan kekuatan warga peneroka dan generasi baharu dari 112,635 keluarga mempunyai peranan besar dalam membolehkan matlamat ini menjadi kenyataan.

---

Semoga Program Kerja 2016 ini akan dapat menjadi landasan terbaik bagi mengatur perjalanan FELDA dalam merealisasikan segala aspirasi dan dapat menjadi *mini blueprint* yang membolehkan FELDA melaksanakan dasarnya dengan lebih berimpak tinggi.

**"KOMUNITI SEJAHTERA, INTEGRITI TERPELIHARA".**



**TAN SRI HAJI MOHD ISA DATO' HAJI ABDUL SAMAD**  
Pengerusi FELDA



# BICARA PENGARAH BESAR FELDA

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته dan Selamat Sejahtera

Abu Bakr as-Siddiq, khalifah selepas Rasulullah s.a.w. Insan paling layak untuk menjawat jawatan tersebut. Namun beginilah ucapan pertamanya:

***"Wahai manusia, sesungguhnya aku telah dilantik menjadi pemimpin kamu, bukanlah aku yang terbaik di kalangan kamu. Jika aku betul, tolonglah aku. Jika aku salah, betulkanlah aku. Benar itu adalah amanah, bohong itu adalah khianat. Orang yang lemah di kalangan kamu adalah kuat di sisi sehingga aku mengembalikan haknya. Orang yang kuat di kalangan kamu, lemah di sisiku sehingga aku mengambil daripadanya hak (menghalang apa yang bukan haknya), Insya Allah. Jangan kamu meninggalkan jihad, kerana tidak ada kaum yang meninggalkan jihad, melainkan Allah timpakan mereka dengan kehinaan. Taatlah aku selagi aku taatkan Allah dan RasulNya. Jika aku derhakakan Allah dan RasulNya, maka tiada ketaatan untukku"***

(Ibn Athir, Al-Kamil fi al-Tarikh, 1/361).

"Komuniti Sejahtera, Integriti Terpelihara", tema bagi Program Kerja FELDA 2016, menjuruskan gerak kerja, tindakan dan pemikiran barisan pengurusan FELDA ke arah kemakmuran warga FELDA berteraskan nilai murni seperti jujur, benar, amanah, adil, kebertanggungjawaban, telus, cekap, dan bijaksana. Sejahtera yang dimaksudkan ini ialah keadaan di mana orang-orangnya dalam keadaan makmur, sihat dan damai; dalam erti kata ekonomi yang kukuh dan memperolehi keuntungan. Dalam dasar sosial pula, kesejahteraan menunjuk kepada jangkauan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan masyarakat.

Segala usaha FELDA telah menampakkan kejayaan apabila di pentas global, kita telah menempatkan diri sebagai satu-satunya organisasi pembangunan tanah dan penempatan peneroka yang berjaya meningkatkan kualiti hidup komunitinya ke satu tahap yang lebih baik, dalam erti kata lain "FELDA Hanya 1 Di Dunia". Meskipun kita berbangga dengan pencapaian ini, tidaklah bermakna kita sudah boleh melepaskan sauh untuk berlabuh. *This success does not mean we have accomplished our mission.* Banyak lagi usaha yang perlu dilakukan oleh FELDA bagi melonjakkan kesejahteraan hidup warganya melalui peningkatan produktiviti.

Industri sawit merupakan tunjang kepada ekonomi FELDA bahkan Malaysia dan menghadapi cabaran **baru** dalam era globalisasi secara berterusan. Tindakan segera diperlukan dalam memastikan ianya memenuhi keperluan industri pada masa kini. FELDA sebagai peneraju industri minyak sawit bertanggungjawab menyahut cabaran ini melalui kecemerlangan dalam penghasilan, pembangunan penyelidikan dan perkhidmatan.

Generasi baharu adalah golongan tumpuan FELDA dimana Program Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) adalah antara projek sosial FELDA bagi memenuhi permintaan dan membantu generasi baharu FELDA yang layak memiliki rumah mampu milik yang selesa dan sempurna. Harapan pengurusan, dengan pembinaan rumah kediaman ini, masalah penggunaan tanah kosong di tanah rancangan dapat diselesaikan secara teratur dan semua pihak mendapat manfaat. Di bahu FELDA, YAB Perdana Menteri telah meletakkan tanggungjawab untuk membina 20,000 unit rumah dalam tempoh 5 tahun di tanah rancangan FELDA di seluruh negara. Cabaran ini meningkat satu tahap lagi apabila YAB Perdana Menteri mengumumkan harga **baru** rumah kediaman ini yang boleh dimiliki melalui cara sewa beli. Oleh itu, generasi baharu terutama yang bermastautin di tanah rancangan perlu mempunyai punca pendapatan yang tetap bukan hanya untuk memiliki rumah malah untuk menampung kehidupan mereka.

Salah satu potensi yang sedang diteroka oleh FELDA untuk menyediakan peluang menjana pendapatan bagi generasi baharu ialah melalui projek-projek Gedung Makanan Negara (GMN) di tanah rancangan. Projek GMN diwujudkan untuk merealisasikan hasrat kerajaan Malaysia supaya FELDA menjadi pusat pengeluaran makanan berskala besar untuk menampung keperluan makanan Negara. Seiring dengan hasrat ini, industri pertanian mampu mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan,

meningkatkan keuntungan dan yang lebih penting mengubah persepsi bahawa pertanian adalah kerjaya berprestij rendah kepada orang muda. Persekitaran yang baik untuk orang muda menyertai sektor pertanian perlu disediakan. Akses kepada tanah dan sumber kewangan tidak boleh lagi menjadi kekangan untuk menarik lebih ramai belia menceburi bidang pertanian. Aspek strategi latihan pertanian untuk melahirkan tenaga kerja pertanian seterusnya usahawan dalam bidang pertanian harus diberi tumpuan.

Ini selaras dengan matlamat Dasar Pertanian Negara yang mahukan negara mencapai status *self-sufficiency* bahkan akan berupaya melahirkan lebih ramai orang muda dalam kegiatan pertanian. Hakikatnya, golongan muda adalah nadi pertanian kerana tenaga muda memiliki kreativiti dan inovasi yang diperlukan dalam pengeluaran pertanian moden. Justeru, pembangunan sumber manusia muda secara fokus dalam pertanian perlu diberi perhatian serius khususnya dengan kerjasama empat jabatan di bawah FELDA iaitu Gedung Makanan Negara, Jabatan Inovasi & Pembangunan Generasi Baharu dan Jabatan Pembangunan Usahawan, selaras dengan usaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam memupuk tenaga kerja muda. Apa yang penting, mereka harus mempunyai disiplin dan keinginan untuk maju serta berani berdaya saing untuk mencuba dan mengharungi pelbagai cabaran. Jiwa golongan muda perlu dipupuk sentiasa dengan minat dalam pertanian dan pembangunan kerana hasilnya nanti - negara akan berupaya menangani tahap pergantungan yang tinggi terhadap import makanan dengan wujudnya keseimbangan menerusi pengeluaran domestik yang sekaligus dapat mengelak krisis bekalan dan harga.

Perjalanan kita menuju Wawasan 2020, bagi membantu negara mencapai status negara maju yang berpendapatan tinggi, masih panjang dan penuh berliku. Oleh itu, menjadi tanggungjawab saya mengingatkan mengenai perlunya para petugas FELDA melipatgandakan usaha memastikan kesinambungan inisiatif transformasi yang telah diperkenalkan sehingga membawa kepada kejayaan yang disasarkan. Dalam pada itu, belanja berhemah perlu sentiasa diterapkan dalam setiap program dan aktiviti yang diatur dan dilaksanakan. Ini sangat mustahak dalam memastikan kawalan kewangan FELDA mampu dilaksanakan sebaik mungkin, seterusnya meletakkan kedudukan FELDA dalam keadaan yang lebih stabil.

Menurut Pelan Integriti Nasional, integriti organisasi tercermin dalam pelaksanaan kod etika, piagam pelanggan, sistem dan proses kerja serta pematuhan amalan terbaik, dihayati oleh anggota organisasi sehingga menjadi kebiasaan dan budaya. Nilai, Etika dan Integriti sangat penting kepada individu, masyarakat, organisasi dan negara. Bagi sebuah organisasi, integriti dapat memastikan penyampaian perkhidmatan terbaik, pengamalan tadbir urus terbaik, membina imej dan keyakinan *stakeholders* dan pelanggan. Kerana itulah, semua petugas perlu menghayati nilai integriti dan mempamerkan sifat-sifat nilai integriti tersebut dalam segala gerak kerja dan keputusan ketika melaksanakan tugas masing-masing.

Saya ingin pinta supaya para petugas dapat memainkan peranan memperjelaskan dasar dan usaha FELDA dan untuk menghuraikan keadaan sebenar. Dalam merapatkan hubungan dengan komuniti peneroka, rajin-rajinlah turun padang untuk melihat keadaan sebenar. Apabila bercakap mengenai hubungan dan interaksi kita dengan warga peneroka, kita tidak terlepas daripada pengaruh dan kuasa media sosial. Media sosial sudah mula bertapak sebagai saluran media arus perdana. Kepsatan teknologi yang tidak pernah tewas dalam perlumbaan dengan masa, menyaksikan media sosial sering menjadi medium utama bagi suara

rakyat. Ada kalanya pandangan itu bernas dan bermanfaat, namun terdapat juga segelintir yang menyimpang dan tidak berlandaskan kepada fakta dan kebenaran.


Lalu, di sinilah peranan kita sebagai petugas untuk mengurus persepsi menerusi hikmah dan kebijaksanaan apabila berhadapan dengan mereka yang menggunakan media sosial untuk menyebarkan maklumat palsu atau pandangan yang tidak benar. Jika ini tidak dilakukan, maka segala usaha petugas dalam melaksanakan dasar organisasi tidak akan mendapat kepercayaan ahli masyarakat sekaligus mencalarakan imej organisasi. Sudah pasti, untuk memacu FELDA mencapai visi dan misi sedia ada, para petugas dilihat sebagai aset modal insan yang berharga. Di era *Open Talent* atau Bakat Terbuka ini, penekanan diberikan kepada pegawai yang mempunyai pelbagai kemahiran atau *multi-skills*. Menyedari peredaran era yang begitu pantas, kita harus melihat pengurusan bakat menerusi perspektif yang berbeza; lensa baharu untuk realiti baharu. Mencatur modal insan perlu dilihat dari segi kemampuan menyumbang kepada keberhasilan yang organisasi perlukan.

Demi memastikan cita-cita pemerkasaan bakat terbaik, kita bukan sahaja perlu sentiasa mengasah, bahkan mempelbagaikan bakat dan kebolehan. Seiring dengan transformasi Perkhidmatan Awam, tugas sesebuah unit dan jabatan di sesebuah organisasi atau agensi kerajaan tidak lagi tertakluk kepada gaya kerja rutin. Kini, sektor awam menjadi semakin elastik, bersifat fleksibel dan pantas beradaptasi. Justeru, kepelbagaian keupayaan pada seseorang pegawai atau penjawat awam berupaya memenuhi keperluan ini.



Dalam usaha FELDA membawa perubahan, sudah pastinya akan melibatkan tindakan yang akan memberikan impak kepada warganya. Walaupun demikian, segala usaha transformasi, demi kesejahteraan komuniti dalam jangka masa panjang, akan mengambil kira pandangan dan kepentingan ahli komuniti supaya ia tidak akan mendatangkan beban kepada mereka.


Akhir kata, saya ingin menyeru agar kita sama-sama bertugas dengan jujur dan penuh kesungguhan sebagai satu keluarga. Setiap seorang petugas, tidak kira dimana dan apa pun jawatan yang disandangnya adalah penyumbang kepada kejayaan FELDA. "Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh". Terima kasih di atas segala komitmen anda selama ini dan saya sangat mengharapkan kesetiaan dan usaha yang lebih gigih lagi dari semua petugas agar FELDA tetap relevan dalam pembangunan Negara seterusnya.



**DATUK HANAPI SUHADA**  
Pengarah Besar FELDA










# PEMBANGUNAN

*EKONOMI*



# Perladangan

## LATAR BELAKANG

Jabatan Perladangan berperanan dalam pengurusan hal ehwal produktiviti kebun peneroka, penyelenggaraan dan khidmat nasihat kebun peneroka serta menangani aduan isu-isu kebun peneroka di rancangan. Peningkatan produktiviti dan kualiti diberi penekanan melalui Amalan Pengurusan Terbaik (BMP), Amalan Pertanian Baik (GAP), serta inovasi pertanian dalam pengurusan kebun peneroka.

Tumpuan sasaran kerja bagi 2016 kepada aktiviti-aktiviti dalam memaksimumkan produktiviti kebun bagi menyelaraskan VISI FELDA iaitu sebagai peneraju industri sawit dan warga peneroka berpendapatan tinggi. Pemindahan teknologi pertanian dan mekanisasi turut dilaksanakan dalam usaha meningkatkan produktiviti sawit dan getah. Disamping itu, jabatan bertanggungjawab dalam pembangunan projek baharu iaitu Projek FELDA Limbang dan pemantauan kemajuan Projek Laka Temin dan Kalabakan. Projek Agropolitan merupakan projek di bawah seliaan jabatan ini di mana FELDA telah dilantik menjadi agen pelaksana oleh *East Coast Economic Region* (ECER).

## OBJEKTIF

1. Memaksimumkan pengeluaran hasil (produktiviti dan kualiti) kebun Lot Peneroka dan Lot FELDA dengan:
  - a. Memastikan Amalan Pengurusan Terbaik (BMP) dan Amalan Pertanian Baik (GAP) dilaksanakan
  - b. Menggunakan konsep Ladang Persis (*Precision Farming*) di semua kawasan
  - c. Memberi khidmat nasihat pertanian kepada pihak pengurusan rancangan dan menangani isu-isu kebun peneroka di rancangan
  - d. Melaksanakan program pemindahan teknologi pertanian (TOT) dan inovasi baharu
2. Melaksana dan mengurus Projek Agropolitan mengikut perjanjian yang dimeterai
3. Menguruskan pembangunan Projek FELDA Limbang
4. Memantau kemajuan hasil dan produktiviti projek di Laka Temin dan Kalabakan yang diuruskan oleh FELDA *Global Ventures Plantation Management* (FGVPM)



Lawatan Kerja Pengarah Besar Ke Ladang Felda Tun Ghafar Machap, Wilayah Segamat

## FUNGSI & PERANAN

	IBU PEJABAT	WILAYAH	RANCANGAN/ PROJEK
a.	Merancang dan mengkaji semula dasar-dasar Perladangan FELDA selaras dengan perkembangan semasa untuk dilaksanakan oleh rancangan	Memantau dan memberi khidmat nasihat semasa pelaksanaan kerja-kerja Perladangan di rancangan	Melaksanakan dasar-dasar Perladangan FELDA.
b.	Mengemaskini dan menganalisa data serta maklumat pembangunan Perladangan	Membuat analisa dan rumusan terhadap semua laporan daripada rancangan dan memajukan laporan tersebut ke Ibu Pejabat.	Merekodkan semua kerja-kerja Perladangan di peringkat rancangan dan memajukan laporan ke wilayah secara harian, mingguan dan bulanan
c.	Mengkaji, menilai, menerima teknologi baru berkaitan Perladangan dan memanjangkannya ke wilayah serta rancangan	Mengkaji, menilai, menerima teknologi baharu berkaitan pertanian dan memanjangkannya ke rancangan dan peneroka	Mengkaji, menilai, menerima teknologi baharu berkaitan pertanian dan memanjangkannya ke peneroka dan melaksanakannya
d.	Mengkaji, merancang dan memantau program kerja tahunan dan bulanan bagi Projek FELDA Limbang		Menyelesaikan isu status pemilikan tanah, mendapatkan kebenaran untuk pembangunan daripada pejabat tanah dan kerajaan negeri, serta mengkaji dan melaksanakan pembangun ladang
e.	Merancang dan memantau program kerja tahunan dan bulanan bagi semua Projek Agropolitan		Melaksanakan segala program kerja tahunan dan bulanan bagi semua Projek Agropolitan

## MAKLUMAT ASAS DAN SASARAN PENCAPAIAN

### a. Produktiviti Hasil

Pada tahun 2016, Jabatan Perladangan akan memastikan sasaran pencapaian hasil akan dapat dicapai melalui Amalan Pertanian Baik (GAP) di mana usaha-usaha tuai dan angkut akan diberi fokus disamping memberi penekanan kepada kualiti hasil sehingga ke pintu kilang. Sasaran hasil Sawit Lot Peneroka bagi tahun 2016 adalah 23 tan/hektar melibatkan keseluruhan kawasan berhasil seluas 141,995 hektar manakala sasaran hasil Getah Lot Peneroka adalah 1,600 kg/ hektar meliputi kawasan torehan seluas 10,759.41 hektar.

Bagi sasaran hasil Sawit Lot FELDA tahun 2016 pula adalah 19 tan/ hektar meliputi kawasan berhasil seluas 6,069.3 hektar manakala sasaran hasil Getah Lot FELDA adalah 1,600 kg/ hektar melibatkan kawasan seluas 645.84 hektar.

Produktiviti Sawit mengikut Wilayah bagi tahun 2016

Wilayah	Luas Kawasan Lot Peneroka				Luas Kawasan Lot FELDA			
	Tanam (ha)	Berhasil (ha)	Anggaran Hasil (tan)	Anggaran Hasil 2016 (tan/ha)	Tanam (ha)	Berhasil (ha)	Anggaran Hasil (tan)	Anggaran Hasil 2016 (tan/ha)
Segamat	8,778.46	6,367.04	140,075	22	141.31	63.25	1,202	19
Terengganu	15,787.10	13,150.78	263,016	20	75.24	74.66	1,344	18
Jengka	36,810.11	36,125.01	867,000	24	776.55	750.46	13,508	18
Kuantan	22,570.66	20,713.98	517,850	25	595.07	201.16	3,822	19
Raja Alias	9,138.43	6,695.94	147,311	22	718.73	506.11	9,616	19
Trolak	11,218.79	10,672.40	213,448	20	187.69	177.09	3,188	18
Johor Bahru	18,820.58	18,113.00	452,825	25	1115.04	925.73	18,515	20
Mempaga	23,704.67	22,744.44	568,611	25	1223.88	727.05	13,814	19
Alor Setar	355.08	335.36	6,707	20	632.46	600.11	10,802	18
Gua Musang	5,443.91	4,220.69	80,193	19	2147.91	1486.38	26,755	18
Sahabat	3,223.69	2,856.38	54,271	19	829.81	557.29	10,031	18
<b>Jumlah</b>	<b>155,851.48</b>	<b>141,995.02</b>	<b>3,311,306</b>	<b>23</b>	<b>8443.69</b>	<b>6069.29</b>	<b>112,596</b>	<b>19</b>

Produktiviti Hasil Getah mengikut Wilayah bagi tahun 2016

Wilayah	Luas Kawasan Lot Peneroka				Luas Kawasan Lot FELDA			
	Tanam (ha)	Berhasil (ha)	Anggaran Hasil (tan)	Anggaran Hasil 2016 (tan/ha)	Tanam (ha)	Berhasil (ha)	Anggaran Hasil (tan)	Anggaran Hasil 2016 (tan/ha)
Segamat	3,445.23	2,786.88	3,957,370	1,420	-	-	-	-
Jengka	446.20	446.20	490,820	1,100	-	-	-	-
Raja Alias	4,632.11	5,154.53	7,577,159	1,470	-	-	-	-
Trolak	916.15	1,250.39	1,750,546	1,400	10.84	10.84	12,733	1,175
Alor Setar	3,058.76	2,353.34	3,435,876	1,460	806.19	635.00	1,020,611	1,607
<b>Jumlah</b>	<b>14,763.57</b>	<b>10,759.41</b>	<b>17,211,771</b>	<b>1,600</b>	<b>817.03</b>	<b>645.84</b>	<b>1,033,344</b>	<b>1,600</b>

b. Kualiti Hasil

Pada tahun 2016, Jabatan mensasarkan peningkatan kualiti hasil sawit dan getah mencapai kadar perahan sawit (OER) sawit sebanyak 20.5% dan kandungan getah kering (KGK) sebanyak 55% di kawasan lot peneroka dan lot FELDA.

Kualiti Hasil Sawit dan Getah bagi tahun 2016

	Lot Peneroka		Lot FELDA	
	Sawit	Getah	Sawit	Getah
Sasaran Hasil	23 tan/ha	1,600 kg/ha	20 tan/ha	1,600 kg/ha
Luas Kawasan (Ha)	141,995.02	10,759.41	6,069.29	645.84
	OER: 20.5%	KGK: 55%	OER: 20.5%	KGK: 55%

c. Projek FELDA Limbang dan Projek Agropolitan

Pembangunan projek baharu iaitu Projek Limbang menjadi salah satu projek utama yang menjadi fokus Jabatan bermula tahun 2015. Disasarkan pada tahun 2016, pembangunan tapak projek Limbang melibatkan pembersihan tanah, pembukaan tapak semaian dan pembinaan infrastruktur terlaksana.

Projek Agropolitan adalah projek Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) bertujuan untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi masyarakat desa kawasan Pantai Timur, Semenanjung, Malaysia melalui aktiviti pengeluaran biri-biri Dorper dan perladangan sawit. FELDA telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana (*Implementing agency*) melalui perjanjian yang dimeteri pada 31 Julai 2009. Projek Agropolitan terdiri dari tiga (3) Projek Pengeluaran Ternakan Biri-biri Dorper iaitu Rancangan Penempatan Semula Orang Asli (RPS) Runchang, Pekan, Projek Agropolitan Batu 8, Lepar dan Projek Agropolitan Besut-Setiu (BSA), Terengganu dan satu Projek Peladangan Kelapa Sawit di Tanjung Batu, Pekan.

Bil	Projek	Bilangan Peserta	Populasi Ternakan Biri-Biri Dorper/ Luas Kawasan Sawit
1	Projek FELDA Limbang	-	10,590 hektar
2	Projek Agropolitan Pekan Batu 8	97 orang	5161 ekor
3	Projek Agropolitan Pekan RPS Runchang	96 orang	2745 ekor
4	Projek Agropolitan Besut Setiu	93 orang	2324 ekor
5	Projek Agropolitan Pekan Tanjung Batu	210 orang	1308 hektar

Bil	Produk	Perkara	Sasaran Pengeluaran	Kawasan Terlibat
1	Projek FELDA Limbang	Pembangunan kawasan	Pembersihan ladang 10,590 hektar kawasan Pembukaan tapak semaian Pembinaan infrastruktur	Tapak projek FELDA Limbang
2	Ternakan Dorper	Peratus kematian (%)  Peratus kelahiran (%)	Baka: < 3% Anak: < 10%  Peratus kelahiran: > 130% Peratus Kembar: > 30%	Projek Dorper Batu 8, RPS Runchang dan Besut Setiu  Projek Dorper Batu 8, RPS Runchang dan Besut Setiu
3	Tanaman Kelapa Sawit	Hasil BTS	> 10 tan/ha/ tahun (*untuk kawasan seluas 40 ha berhasil)	Projek Sawit Tg Batu
4	Peserta	Pendapatan peserta (RM)	PAP Batu 8: > RM 1,312 RPS Runchang: > RM 864 BSA: > RM 1,228 Tg Batu: > RM 1,256	Projek Dorper Batu 8, RPS Runchang dan Besut Setiu dan Projek Sawit Tg Batu
5	Jualan ternakan	Jualan Lelong  Jualan runcit (ekor/ bulan)	April 2015 (>200 ekor) Jun 2015 (>200 ekor) November 2015 (>200 ekor)  PAP Batu 8: >150 ekor/ bulan RPS Runchang: >100 ekor/ bulan BSA: >100 ekor/ bulan	Projek Dorper Batu 8, RPS Runchang dan Besut Setiu  Projek Dorper Batu 8, RPS Runchang dan Besut Setiu

# Hal Ehwal *Tanam Semula*

## LATAR BELAKANG

Jabatan ini berperanan dalam hal pembangunan tanam semula yang bertanggungjawab merancang dan melaksanakan/ menguruskan aktiviti program tanam semula bagi keseluruhan kebun peneroka yang terlibat dan juga lot FELDA. Aktiviti tanam semula melibatkan penanaman semula pokok sawit atau getah yang tidak produktif. Antara ciri-ciri pokok yang tidak produktif adalah pokok yang telah berusia melebihi 25 tahun dan penghasilan yang kurang. Bagi menjayakan tanam semula ini banyak melibatkan kerja-kerja lain seperti penyediaan tapak semaian, kontrak tanam semula, penggunaan tenaga kerja asing dan sebagainya.

Oleh itu, semua aktiviti perlu dirancang dengan lebih awal agar memastikan semua aktiviti dapat berjalan dengan lancar dan seterusnya menjayakan program tanam semula. Memberikan khidmat yang terbaik sebagai konsultansi tanam semula kebun berdasarkan Amalan Pertanian Baik (GAP). Dengan penekanan ini, kerja pembangunan ini dapat berjalan dan berhasil dengan baik dan mencapai hasil dan kualiti yang tinggi.

Unit Tenaga Kerja Ladang FELDA telah digabungkan dibawah pengurusan Jabatan Hal Ehwal Tanam Semula. Unit ini bertanggungjawab membekalkan tenaga kerja secukupnya bagi keperluan rancangan-rancangan FELDA dan ladang-ladang FELDA Technoplant Sdn Bhd. Tugas penting ini adalah untuk memastikan ladang dan rancangan mempunyai tenaga kerja yang mencukupi untuk pengeluaran hasil dan melaksanakan kerja-kerja operasi ladang. Unit ini juga bertanggungjawab secara bersama dengan Jabatan Pengajian Tinggi dan Generasi Kedua FELDA, FELDA *Technoplant* Sdn Bhd (FTPSB) serta Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) untuk membentuk kumpulan pekerja ladang dikalangan generasi kedua FELDA dan warga tempatan. Melalui pembentukan kumpulan pekerja tempatan ini, diharap dapat mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing. Program yang dinamakan KESIDANG (Kerjaya di Sektor Ladang) telah menjelajah disemua wilayah dan kini, Bahagian Sumber Manusia FTPSB sedang menguruskan proses perlantikan mereka dan mereka akan dikenali sebagai Operator Operasi Ladang (OOL).

Fokus kepada sasaran kerja 2016 adalah memfokuskan memberi perkhidmatan yang berkualiti dalam aktiviti pembangunan tanam semula kebun dan memastikan bekalan tenaga buruh mencukupi untuk memastikan hasil tercapai selari dengan visi FELDA iaitu 'Sebagai Peneraju Industri Sawit Dan Warga Peneroka Yang Berpendapatan Tinggi'.



## OBJEKTIF

1. Melaksanakan Amalan Pengurusan Terbaik (BMP) dan Amalan Pertanian Baik (GAP) di kebun peneroka.
2. Memastikan penyertaan semua peneroka bersama FELDA di semua kawasan yang akan ditanam semula.
3. Menyediakan dan memastikan bahan tanaman yang dibekal adalah berkualiti.
4. Memastikan program tanam semula mengikut jadual kerja yang telah ditetapkan.
5. Memberi khidmat nasihat Pertanian dan pembangunan tanam semula kepada pihak pengurusan rancangan.
6. Melaksanakan program Pemindahan Teknologi Pertanian (TOT) dan inovasi **baru** di kawasan pembangunan tanam semula.
7. Membekalkan tenaga kerja ladang yang sesuai secukupnya mengikut keperluan sebenar rancangan dan ladang pada masa yang diperlukan. Ini perlu bagi membantu kerja-kerja ladang dan operasi di peringkat ladang supaya mencapai sasaran kerja yang telah ditetapkan.
8. Membentuk kumpulan kerja dikalangan generasi kedua FELDA dan pekerja tempatan untuk mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja asing.

## FUNGSI DAN PERANAN

	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
a.	Merancang dan mengkaji semula dasar-dasar pertanian FELDA selaras dengan perkembangan semasa untuk dilaksanakan oleh rancangan.	Memantau dan memberi khidmat nasihat semasa perlaksanaan kerja-kerja pertanian di rancangan	Melaksanakan dasar-dasar pertanian FELDA
b.	Mengemaskini dan menganalisa data serta maklumat pembangunan pertanian	Membuat analisa dan rumusan terhadap semua laporan daripada rancangan dan memajukan laporan tersebut ke Ibu Pejabat	Merekodkan semua kerja-kerja pertanian di peringkat rancangan dan memajukan laporan ke wilayah secara harian, mingguan dan bulanan
c.	Mengkaji, menilai, menerima teknologi baharu berkaitan pertanian dan memanjangkannya ke wilayah serta rancangan	Mengkaji, menilai, menerima teknologi baharu berkaitan pertanian dan memanjangkannya ke rancangan dan peneroka	Mengkaji, menilai, menerima teknologi baharu berkaitan pertanian dan memanjangkannya ke peneroka dan melaksanakannya

### UNIT TENAGA KERJA LADANG

d.	UNIT PENGAMBILAN PEKERJA		
1.	Monitor keperluan pekerja ladang	1. Mendapatkan keperluan tahunan pekerja dari rancangan/ ladang	1. Menyediakan rumusan keperluan tahunan pekerja
2.	Membuat permohonan kuota pekerja ladang.	2. Menyediakan rumusan keperluan tahunan pekerja	2. Melengkapkan borang penerimaan tenaga kerja asing. Salinan dihantar ke Pejabat Wilayah dan Ibu Pejabat
3.	Menyelaras urusan pemilihan pekerja/temuduga pekerja	3. Memaklumkan kepada pihak Ibu Pejabat sekiranya terdapat rancangan/ ladang yang terdesak memerlukan buruh	3. Menyediakan kemudahan asas selengkapnya sebelum menerima kemasukkan buruh
4.	Mengurus permohonan <i>Calling Visa</i>		4. Merangka dan merancang kerja-kerja yang akan dilakukan oleh buruh sebelum menerima kemasukkan buruh
5.	Mengurus kemasukan pekerja		

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
6. Membuat pengagihan pekerja ladang		
7. Mengemas kini pangkalan data pekerja ladang		
8. Menyediakan laporan pengurusan Jabatan		
<b>e. UNIT KEWANGAN</b>		
1. Pelarasan Akaun Kemasukan Pekerja	1. Memastikan rancangan / ladang melengkapkan borang penerimaan bagi proses bayaran pembekal	
2. Jaminan Bank	2. Mengutip semula wang pendahuluan yang telah diberikan kepada pekerja ladang	
3. Insurans Pekerja	3. Mengutip semula wang ganti rugi bagi buruh yang tidak melengkapkan 3 tahun bekerja (kontrak)	
4. Potongan Pinjaman Pendahuluan Pekerja Ladang		
5. Bayaran Wang Saraan melalui servis pos		
6. Bayaran Wang Amanah Pembekal		
7. Insuran Pinjaman		
8. Levi		
9. Bayaran Tiket Penerbangan		
10. Bajet Jabatan		
11. Pekeliling SKB bagi Kewangan UTKLF		
<b>f. KEBAJIKAN PEKERJA ASING</b>		
1. Menguruskan jenazah ke Negara Sumber		1. Melaporkan ke UTKLF Ibu Pejabat/ Polis/ Pejabat Pendaftaran & Insuran
2. Menerima dan mengambil tindakan aduan-aduan dari mana-mana pihak		2. Memberi maklumbalas keatas aduan-aduan yang diterima.
3. Mengatur program pemantauan pekerja asing ke rancangan-rancangan FELDA		3. Memastikan kebersihan sentiasa dijaga dan dokumen-dokumen disimpan dengan selamat dan tersusun
4. Mendapatkan kelulusan untuk pengiring pekerja asing dalam kes parah/ lumpuh/ mental dan sebagainya		4. Menyediakan kronologi kejadian dan dokumen-dokumen yang ditetapkan sebelum dihantar balik ke Negara Sumber

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
<b>g. UNIT PEKERJA TEMPATAN/ KEBAJIKAN</b>		
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mengatur kempen mendapatkan pekerja tempatan</li> <li>2. Monitor hal ehwal berkaitan dengan kebajikan pekerja tempatan di semua ladang</li> <li>3. Monitor tuntutan insurans pekerja tempatan.</li> <li>4. Monitor pendapatan dan produktiviti pekerja tempatan</li> <li>5. Monitor hal ehwal keselamatan dan kesihatan pekerja tempatan</li> <li>6. Monitor aduan pekerja tempatan.</li> <li>7. Mengatur program mendapatkan pekerja tempatan</li> <li>8. Mengatur temu duga dan pengambilan pekerja tempatan</li> <li>9. Monitor pendapatan dan produktiviti</li> <li>10. Mengurus Bantuan Perumahan Pekerja Tempatan</li> </ol>		<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menyediakan kemudahan kepada pekerja seperti yang telah ditetapkan</li> <li>2. Menguruskan rawatan kesihatan ringan kepada pekerja</li> <li>3. Memastikan semua pekerja di insuranskan</li> <li>4. Menyelesaikan isu/ masalah yang timbul</li> <li>5. Mengemaskini maklumat pekerja didalam sistem RML</li> </ol>
<b>UNIT SISTEM</b>		
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memastikan pihak rancangan membuat pendaftaran didalam Sistem RML bagi pekerja yang baru tiba atau pindah</li> <li>2. Memastikan <i>Database</i> maklumat pekerja sentiasa dikemaskini</li> <li>3. Monitor penghantaran data atau <i>upload</i> data ke Server Sistem RML setiap bulan</li> <li>4. Membantu unit ladang merekod maklumat pekerja menggunakan RML</li> <li>5. Mengatasi masalah sistem di setiap ladang jika ada masalah</li> <li>6. Menghantar laporan untuk tamat permit dan tarikh pasport ke unit pasport untuk membuat peringatan kepada rancangan/ ladang</li> </ol>		

## MAKLUMAT ASAS

Pada tahun 2016 program pembangunan tanam semula yang akan dijalankan meliputi kawasan seluas 13,213.02 hektar yang melibatkan 11,621.54 hektar kawasan peneroka manakala 1,591.48 kawasan lot FELDA. Penglibatan jumlah peneroka seramai 3,653 orang. Pengurusan FELDA menguruskan tanam semula seluas 1,509.08 hektar; kawasan peneroka 1,298.19 hektar melibatkan 225 orang peneroka, kawasan lot FELDA seluas 210.89 hektar dan selebihnya 10,323.35 hektar melibatkan 3,428 orang peneroka akan diuruskan oleh FELDA *Technoplant* Sdn. Bhd. (FTPSB) manakala lot FELDA seluas 1,380.59 hektar.

### Keluasan Kawasan Tanam Semula Ikut Jenis Tanaman

Bil	Tanaman	Bilangan Peneroka	Keluasan Lot Peneroka (hektar)	Keluasan Lot FELDA (hektar)	Jumlah (hektar)
1	Sawit	3,503	11,085.27	1,587	12,672.27
2	Getah	150	536.27	4.48	540.75
	Jumlah	3,653	11,621.54	1,591	13,213.02

### Tanam Semula 2016 diuruskan oleh FELDA (Peneroka)

Wilayah	Rancangan	Jenis Tanaman		Tahun Pembangunan	Pkt.	Bil Peneroka	Keluasan (HEK)
		Asal	Baru				
Sahabat	Umas 01	Sawit	Sawit	1981/1982	01	75	430.82
	Umas 02	Sawit	Sawit	1980/1981	01	34	206.55
	Umas 03	Sawit	Sawit	1981/1982	01	43	241.46
	Umas 04	Sawit	Sawit	1983/1984	01	73	419.36
	Jumlah Wilayah					225	1,298.19

### Tanam Semula 2016 diuruskan oleh FELDA (Lot FELDA)

Wilayah	Rancangan	Jenis Tanaman		Tahun Pembangunan	Pkt.	Keluasan (HEK)
		Asal	Baru			
Sahabat	Sahabat 03	Sawit	Sawit	1981/1982	01	110.89
	Sahabat 03	Sawit	Sawit	1986/1987	02	100.00
	Jumlah Wilayah					210.89

Tanam Semula 2016 diuruskan oleh FTPSB (lot Peneroka)

Wilayah	Rancangan	Tanaman Baru	Tahun Pembangunan	Bilangan Peneroka	Pkt.	Keluasan (HEK)
Sahabat	Pasak	Sawit	1993/1994	55	201	183.10
			1993/1994	15	202	42.81
	Taib Andak	Sawit	1997/1998	1	203	3.25
			1991/1992	128	003	525.76
			1991/1992	11	007	50.76
			1990/1991	128	001	426.32
Jumlah			338		1,232.00	
Segamat	Sri Ledang	Sawit	1991/1992	105	201	284.96
			1992/1993	63	202	168.16
			1994/1995	43	203	128.78
	Chempelak	Sawit	1998/1999	85	002	234.46
			1992/1993	16	202	49.49
			1992/1993	100	203	321.82
	Bukit Serampang	Sawit	1991/1992	27	201	88.25
			1991/1992	109	202	356.63
			1991/1992	105	203	336.12
	Kamelah	Sawit	1991/1992	130	201	395.40
			1991/1992	113	202	344.46
			1991/1992	99	203	310.70
Jumlah			995		3,019.23	
Raja Alias	Bukit Jalor	Sawit	1994/1995	124	202	395.91
			1994/1995	187	203	612.37
	Bukit Rokan	Sawit	1993/1994	98	203	346.73
			1983/1984	18	207	76.12
	Lui Timur	Sawit	1995/1996	24	001	94.74
			1995/1996	21	002	84.85
	Sg. Lui	Sawit	1995/1996	9	004	36.39
			1987/1988	58	003	46.95
Jumlah			539		1,694.06	
Trolak	Ijok	Sawit	1993/1994	29	203	83.43
			1993/1994	17	204	48.40
	Gedangsa	Sawit	1993/1994	230	151U	229.71
			1993/1994	54	001-004	241.65
			1994/1995	159	201	365.00
	Bersia	Sawit	1995/1996	87	202	200.00
				94	203	210.00

Wilayah	Rancangan	Tanaman		Tahun Pembangunan	Bilangan Peneroka	Pkt.	Keluasan (HEK)
		Baru					
		Jumlah			670		1,378.19
Terengganu	Jerangau	Sawit		1991/1992	142	01	470.07
				1992/1993	172	02	566.16
	Seberang Tayor	Sawit		1991/1992	120	03	466.61
				1990/1991	57	001	200.70
				1991/1992	45	002	152.03
	Bukit Bading	Sawit		1992/1993	73	001	240.14
			1993/1994	243	002	790.74	
		Jumlah			852		2,886.45
Alor Setar	Lubuk Merbau	Getah		1995/1996	34	203	113.42
						34	
		JUMLAH BESAR			3,428		10,323.35

Jadual 3: Tanam Semula 2016 diuruskan oleh FELDA (Lot FELDA)

Wilayah	Rancangan	Jenis Tanaman		Tahun Pembangunan	Pkt.	Keluasan (HEK)	
		Asal	Baru				
Johor Bahru	Taib Andak	Sawit	Sawit	1991/1992	005	12.05	
		Sawit	Sawit	1991/1992	006	14.57	
		Sawit	Sawit	1991/1992	003	10.25	
		Sawit	Sawit	1991/1992	007	10.61	
Raja Alias	Raja Alias 05	Sawit	Sawit	1983/1984	001	423.68	
		Sawit	Sawit	1983/1984	005	145.18	
	Sg. Lui 2	Sawit	Sawit	1983/1984	003	280.11	
		Sawit	Sawit	1984/1985	004	111.50	
Trolak	Bukit Rokan	Getah	Getah	1983/1984	907	4.48	
	Bersia	Sawit	Sawit	1993/1994	201	10.84	
	Soeharto	Sawit	Sawit	1993/1994	803	14.79	
Terengganu	Jerangau	Sawit	Sawit	1992/1993	02	2.13	
		Sawit	Sawit	1991/1992	03	102.45	
	Bukit Bading	Sawit	Sawit	1993/1994	001	237.95	
		Jumlah Wilayah					342.53
		Jumlah Keseluruhan					1,380.59

## PROGRAM UTAMA

Jabatan merangka beberapa program utama pada tahun 2016 untuk memastikan program pembangunan tanam semula berjalan dengan lancar dan mencapai sasaran. Sasaran utama ialah memastikan kawasan tanam semula menepati tempoh pembangunan yang ditetapkan supaya kos pembangunan dan penglibatan peneroka dapat dipenuhi seratus peratus bersama FELDA. Selain itu juga, jabatan akan memastikan agen pengurusan yang dilantik iaitu FELDA *Technoplants* Sdn. Bhd. mengikut perancangan yang telah diatur bersama bagi mengelakkan ketirisan makluman dan penglibatan peneroka bersama FELDA.

Kempen penerangan tanam semula akan dipastikan penglibatan sepenuhnya daripada semua pihak dimana Jabatan bekerjasama dengan Jabatan Kewangan, Unit Undang-undang FELDA, FTPSB, wilayah dan juga pengurusan rancangan FELDA didalam memastikan gerak kerja penerangan dapat diperjelaskan dengan selengkapnya sehingga ke akar umbi.

Unit Tenaga Kerja Ladang FELDA (UTKLF) menguruskan kemasukan Tenaga Kerja Asing (TKA) bagi memenuhi keperluan rancangan FELDA dan ladang FTPSB bermula daripada pendaftaran dan permohonan dengan agensi kerajaan yang terlibat sehinggalah urusan permohonan pembaharuan permit kerja daripada pihak rancangan FELDA dan ladang FTPSB melalui Unit Pengambilan dan Unit Pasport. Unit Pasport juga bertanggungjawab menguruskan penghantaran pulang pekerja ke negara asal bagi kes-kes seperti *unfit* semasa pemeriksaan kesihatan serta bagi kes ditamatkan kontrak oleh majikan ataupun petugas terbabit menamatkan kontrak.



Sukan Tenaga Kerja Ladang Felda/FGV di MRSM TUN RAZAK Trolak





Datuk Hanapi bersama Pengurusan melawat ladang FELDA di FELDA Tun Ghafar Machap Menggong Melaka

Unit ini juga menguruskan hal-hal kebajikan pekerja antara lain seperti pengurusan penghantaran pulang jenazah ke negara asal, sambutan Hari Pekerja dan juga penyerahan wang raya kepada semua TKA yang layak. Bagi waris-waris Tenaga Kerja Indonesia (TKI) yang ditinggalkan dikampung-kampung mereka, JTKLF turut terlibat membuat bayaran wang saraan keluarga kepada mereka selepas 3 bulan TKI berada di Malaysia.

UTKLF juga sedang dalam proses untuk menaik taraf Pusat Transit Sendayan bagi kegunaan penempatan sementara Tenaga Kerja Asing yang **baru** sampai ke Malaysia. Ketika ini, pusat ini berperanan dalam memberikan penerangan berkenaan etika kerja di Malaysia serta pemeriksaan FOMEMA sebelum mereka di hantar ke rancangan FELDA dan ladang FTPSB. Pendedahan yang diberikan diharap dapat membantu mereka dalam urusan kerja seharian dan seterusnya dapat meningkatkan produktiviti kerja.

Dalam mengimbangi kemasukan Tenaga Kerja Asing, Utklf dengan kerjasama FELDA *Technoplant Services* Sdn Bhd (FTPSB), Majlis Belia FELDA Malaysia serta Jabatan Pengajian Tinggi dan Generasi Baharu telah merangka Garis Panduan Pekerja Tempatan bagi meningkatkan kadar penyertaan belia-belia di tanah rancangan dalam aktiviti perladangan terutamanya sebagai operator di rancangan dan ladang. Adalah diharapkan dengan adanya insentif-insentif **baru** serta kemudahan yang disediakan, belia tempatan dapat bersama-sama menyumbang dalam mempertingkatkan kejayaan dan kecemerlangan rancangan dan ladang seiring dengan visi dan misi FELDA.

# Pembangunan Usahawan

## LATAR BELAKANG

Jabatan Pembangunan Usahawan bertanggungjawab dalam melahirkan usahawan berdaya maju di kalangan warga peneroka dan generasi baharu FELDA. Pelaksanaan gerak kerja ini adalah selaras dengan strategi dan teras FELDA yang kedua iaitu "Warga Peneroka Menjadi Golongan Berpendapatan Tinggi Menjelang Tahun 2020." Aktiviti keusahawanan yang dilaksanakan merupakan aktiviti *non farm* bagi menambah pendapatan warga peneroka selain daripada hasil kebun iaitu getah dan sawit. Pelbagai program dan latihan bimbingan keusahawanan dianjurkan oleh Jabatan bagi mengukuhkan jalinan sinergi dan meningkatkan kemahiran usahawan sedia ada dan bakal usahawan. Jabatan mengambil inisiatif memasarkan produk keluaran usahawan FELDA ke pasaran domestik dan antarabangsa melalui Outlet Sawari FELDA, *Hypermarket* Tempatan dan Program Eksport (EIBU).

## OBJEKTIF

1. Melahirkan usahawan dalam kalangan generasi baharu.
2. Meningkatkan pendapatan usahawan melalui aktiviti *non-farm*.
3. Menjana pendapatan kepada FELDA melalui Projek Khas dan outlet Sawari.
4. Melestarikan perusahaan dan perniagaan usahawan sedia ada.
5. Meningkatkan bilangan koperasi peneroka dalam kategori kluster besar dan sederhana.
6. Menyediakan peruntukan menerusi pinjaman Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF).
7. Memantapkan ilmu pengetahuan dan kemahiran petugas dalam bidang keusahawanan.



Hasil keluaran Usahawan Peneroka Felda Keratong 5 keluaran "Suri Craft"

## FUNGSI DAN PERANAN

### 1. Pembangunan Ekonomi

	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
a.	Melahirkan usahawan di kalangan generasi baharu	Mengenalpasti generasi baharu yang berpotensi	Mengklasifikasikan peserta yang berpotensi
b.	Meningkatkan pendapatan usahawan FELDA melalui jualan korporat, <i>hypermarket</i> , eksport dan outlet Sawari ke pasaran tempatan dan luar negara	Mengemukakan senarai produk usahawan yang berpotensi	Mengenalpasti produk yang boleh memberi keuntungan dan pasaran yang baik
c.	Menjana pendapatan FELDA melalui Projek Khas, outlet Sawari dan sewaan kemudahan PIRF	Memantau kutipan sewaan dan deposit ke akaun FELDA	Membuat kutipan sewaan
d.	Menaiktaraf produk bagi memenuhi kehendak pasaran	Memantau pengeluaran produk mengikut standard yang ditetapkan	Membantu ibu pejabat/ wilayah dengan memberi maklumat dan data dari masa ke semasa
e.	Mengenalpasti peluang perniagaan bagi pasaran tempatan & luar negara	Memaklumkan <i>respond</i> pasaran terhadap produk kepada pengusaha	
f.	Mempromosikan dan menguruskan pemasaran produk usahawan	Memastikan produk dapat dihasilkan dalam tempoh masa yang dipersetujui	
g.	Menjalin dan mengukuhkan hubungan dengan pelanggan		

### 2. Pengurusan

	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
a.	SIUF Mengurus serta menganalisa Dana & Pinjaman SIUF serta berhubung dengan agensi pembiayaan luar	Menilai, meluluskan/ menyokong pinjaman SIUF ke Ibu pejabat	Menerima permohonan, memantau & membuat kutipan kembali SIUF
b.	Anugerah Usahawan FELDA Melaksanakan Sesi penilaian Anugerah Usahawan FELDA (AUF) peringkat kebangsaan	Melaksanakan penilaian AUF di peringkat wilayah	Mengenalpasti & mencadangkan calon AUF
c.	Kewangan Mengurus, mengawal, menganalisa dan memantau bajet keseluruhan jabatan, projek & wilayah serta hal ehwal berkaitan audit dan kewangan	Memantau bajet & hal ehwal kewangan di peringkat wilayah	Mengenalpasti & mencadangkan keperluan latihan petugas
d.	Sumber Manusia Mengenalpasti keperluan, serta melaksanakan latihan petugas dan hal ehwal berkaitan sumber manusia	Menyusul serta menjalankan latihan petugas di peringkat wilayah dan hal ehwal berkaitan sumber manusia	Memberikan maklumat dan data serta menyediakan laporan usahawan
e.	Laporan Menyelaraskan laporan wilayah dan menyediakan laporan keseluruhan jabatan	Menyelaraskan laporan rancangan & menyediakan laporan wilayah	Mengemaskini Sistem Laporan Usahawan (SEIS) & SLIS (SIUF)

### 3. Khidmat

IBU PEJABAT	WILAYAH	RANCANGAN/ PROJEK
<p><b>a. Program Synergy Entrepreneur Enhancement Day (SEED)</b> Menetapkan pengisian program dan memastikan program dilaksanakan di setiap Wilayah</p>	Mengatur lokasi, mendapatkan peserta usahawan atau syarikat yang terlibat	Mencalonkan peserta dalam kalangan usahawan
<p><b>b. Buletin Usahawan</b> Menyediakan format lengkap buletin usahawan untuk edaran kepada wilayah dan rancangan</p>	Memastikan buletin diedarkan di pejabat wilayah dan outlet sawari.	Edaran buletin diedarkan ke setiap pejabat rancangan
<p><b>c. Latihan Keusahawanan</b> Mengaturkan latihan keusahawanan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan keusahawanan</p>	Memantau kemajuan projek dan melapor ke Ibu Pejabat	Memberi khidmat nasihat kepada usahawan & petugas
<p><b>d. Pembangunan Koperasi</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Membantu memberi pendedahan dan menawarkan peluang perniagaan baharu kepada koperasi</li> <li>Menyelaras kerjasama dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Maktab Kerjasama Malaysia</li> </ol>		
<p><b>e. Program Akreditasi</b> Menaiktaraf perusahaan bagi memenuhi piawaian akreditasi industri makanan</p>	Mengenalpasti usahawan yang berpotensi untuk mendapat persijilan	
<p><b>Pembangunan Produk kraf</b> Membangunkan produk kraf ke arah komersial melalui khidmat latihan dan tenaga pakar serta agensi luar</p>	Kenalpasti usahawan yang berpotensi untuk dimajukan	
<p><b>Pembangunan Asas Tani</b> Mengembangkan pasaran produk sedia ada dan baharu dalam perusahaan asas tani</p>		
<p><b>Memperolehi Geran Bersama SME Corp (Small/ Medium Enterprise Corporation)</b> Menaiktaraf proses pembungkusan &amp; peralatan pemprosesan makanan</p>	Mengenalpasti dan menyenarai pendek calon usahawan dan projek yang layak untuk memohon	Memantau kesinambungan projek-projek usahawan Tunas Mekar di kawasan rancangan
<p><b>Tunas Mekar Lestari</b> Melestarikan perniagaan Tunas Mekar</p>	Kenalpasti lepasan graduan Tunas Mekar yang mempunyai perniagaan dan perusahaan sendiri	
<p><b>Homestay FELDA</b> Mempromosikan homestay FELDA melalui kerjasama dengan agensi pelancongan</p>		Mewujudkan jawatankuasa <i>homestay</i>

## MAKLUMAT ASAS

### a. Bilangan Penyertaan Pengusaha Bilangan Pengusaha Mengikut Wilayah

Bil	Wilayah	Bilangan Peneroka	Bilangan Pengusaha	Peratus Pengusaha Wilayah (%)	Peratus Penyertaan Peneroka Wilayah (%)
1	Johor Bahru	17,552	4,439	20.14	25.29
2	Mempaga	13,117	3,670	16.65	27.98
3	Raja Alias	16,433	2,644	11.99	16.09
4	Jengka	14,957	2,507	11.37	16.76
5	Kuantan	15,050	2,174	9.86	14.45
6	Segamat	11,418	1,700	7.71	14.89
7	Trolak	7,847	1,655	7.51	21.09
8	Terengganu	7,459	1,652	7.49	22.15
9	Gua Musang	3,114	740	3.36	23.76
10	Alor Setar	4,042	539	2.44	13.33
11	Sahabat	1,647	325	1.47	19.73
	Jumlah	112,636	22,045	100.00	
	Pencapaian Penyertaan Keseluruhan (%)				19.57

### b. Bilangan Kategori Projek Laporan bilangan projek mengikut kategori dalam aktiviti *non-farm* adalah seperti berikut: Bilangan Projek Mengikut Kategori

Bil	Kategori Projek	Bilangan Projek	Peratus (%)
1	Perkhidmatan	6,784	30.8
2	Perniagaan	6,670	30.3
3	Ternakan	4,510	20.5
4	Tanaman	1,237	5.6
5	Perusahaan	1,157	5.3
6	Kraf	1,122	5.1
7	Akuakultur	534	2.4
	JUMLAH	22,014	100.00

### c. Bilangan Koperasi Peneroka Bilangan Koperasi Peneroka Mengikut Wilayah

Bil	Wilayah	Bil. Koperasi	Bil. Ahli Koperasi
1	Johor Bahru	42	18,579
2	Raja Alias	43	13,719
3	Kuantan	41	15,254
4	Jengka	37	12,657
5	Mempaga	36	13,042
6	Segamat	33	10,901
7	Terengganu	21	7,911
8	Trolak	16	5,336
9	Gua Musang	10	3,295
10	Alor Star	10	3,054
11	Sahabat	9	1,820
	Jumlah	298	105,568



- d. Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF)  
Laporan kemajuan kelulusan pinjaman SIUF Sehingga Ogos 2015 adalah seperti di bawah:

Bil.	Wilayah	Bilangan Peminjam Sehingga Ogos 2015		
		Dis 14	Ogos15	Perbezaan
1	Raja Alias	912	913	1
2	Kuantan	810	810	0
3	Johor Bahru	744	744	0
4	Mempaga	544	545	1
5	Gua Musang	356	356	0
6	Jengka	326	326	0
7	Terengganu	304	305	1
8	Trolak	312	312	0
9	Segamat	239	240	1
10	Sahabat	216	216	0
11	Alor Setar	106	107	1
	Jumlah	4,869	4,874	5

## PROGRAM UTAMA

Tumpuan utama jabatan bagi tahun 2016 ialah seperti berikut:

1. Menyediakan Latihan /Seminar Keusahawanan Bagi Meningkatkan Penyertaan Warga Peneroka Dalam Aktiviti *Non- Farm*.

Menawarkan program atau seminar pembangunan keusahawanan untuk meningkatkan penglibatan penyertaan warga peneroka dalam aktiviti *Non-Farm*. Antara program yang telah dirancang adalah seperti Projek Lebah Kelulut, Pemulihan Kolam Ikan Terbiar, Program *Homestay* dan Tunas Mekar.

2. Perlaksanaan Program *Synergy Entrepreneur Enhancement Day* (SEED)

Dalam usaha menambahbaik sistem penyampaian maklumat kepada usahawan di rancangan, perlaksanaan *Program Synergy Entrepreneur Enhancement Day* (SEED) akan

dilaksanakan di semua peringkat wilayah dalam usaha untuk mengenalpasti isu atau masalah yang dihadapi oleh pengusaha di samping mewujudkan jaringan perniagaan di antara usahawan.

3. Meningkatkan Perolehan Koperasi Peneroka  
Bagi membantu Koperasi Peneroka meningkatkan pendapatan dan perolehan, beberapa langkah dan strategi dirancang bagi merangsang Koperasi untuk mempelbagaikan aktiviti/ projek seperti Sesi Perkongsian Pengalaman Perniagaan Koperasi, Kursus/ Latihan Lembaga, melibatkan koperasi dalam Pameran/ EXPO Perniagaan Koperasi, Penerangan Projek Khas meliputi projek *Homestay* dan Stesen Minyak dan menggalakkan koperasi menganggotai Konsortium Koperasi.

4. Program Inkubator Bagi Pembangunan Usahawan Generasi Baharu.

Mengadakan program latihan inkubator usahawan dengan melaksanakan Skim Usahawan Perintis (SUPER) dari kalangan generasi baharu dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan, pihak institusi pengajian tinggi, dan syarikat swasta yang berkaitan. Bidang perniagaan yang diberi tumpuan ialah pemprosesan makanan, penternakan, pengedaran dan pemasaran dalam talian (*on-line*).



Promosi Keropok Lekor Usahawan Felda Terengganu di MITC Melaka sempena pameran "Satu Daerah Satu Industri"(SDSI)

**5. Pengeksportan Produk Usahawan**

Mengeksport produk keluaran usahawan FELDA ke pasaran antarabangsa yang telah dikenalpasti terutamanya di Timur Tengah (UAE, Oman dan Qatar), ASEAN (Singapura), Asia (Jepun dan China), Afrika (Senegal). Strategi penembusan pasaran yang akan digunakan ialah melalui kekuatan jenama FELDA BEST atau pembekalan secara Pengilang Reka Bentuk Tulen (ODM); mengikut kesesuaian pasaran.

**6. Pemasaran Produk di Pasaran Domestik**

Memasarkan produk keluaran usahawan FELDA di pasaran domestik melalui saluran outlet SAWARI, *hypermarket*, hotel, syarikat katering dan pelanggan korporat.



**7. Menyediakan Kemudahan Pinjaman Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF)**

Pinjaman Skim Insentif Usahawan FELDA (SIUF) diluluskan penubuhannya melalui Mesyuarat Lembaga FELDA Bil.194 bertarikh 20 Mac 2002. Skim pinjaman tanpa faedah ini diwujudkan untuk menggalakkan peneroka menjalankan aktiviti ekonomi untuk menambah pendapatan keluarga, melahirkan pengusaha baharu dan membantu pengusaha sedia ada menjadi usahawan yang berdaya maju serta merangsang pertumbuhan ekonomi di rancangan. Pinjaman diberi dalam bentuk input dan peralatan. Mulai Oktober 2015, permohonan SIUF hanya akan dipertimbangkan bagi nilai pinjaman RM10,000 dan ke bawah sahaja.

**8. Anugerah Usahawan FELDA (AUF)**

Mesyuarat Lembaga telah meluluskan supaya FELDA mengadakan Anugerah Usahawan FELDA (AUF) mulai tahun 2010 selaras dengan saranan Y.A.B Perdana Menteri Malaysia supaya FELDA muncul sebagai pusat pengeluaran makanan berskala besar melalui projek Gedung Makanan Negara. Pemilihan calon AUF dan penilaian jawatankuasa peringkat wilayah dijalankan pada tahun 2015. Pelaksanaan pada tahun 2016 melibatkan sesi penilaian oleh panel hakim dan majlis penganugerahan pemenang utama di Hari Peneroka peringkat Kebangsaan.

# Gedung Makanan Negara

## LATAR BELAKANG

Y.A.B Perdana Menteri Malaysia dalam ucapannya sempena pelancaran Hari Peneroka FELDA pada 7 Julai 2009 bertempat di Felda Maokil, Segamat Johor menyarankan FELDA melaksanakan Projek Gedung Makanan Negara (GMN).

“Hari ini saya tekankan satu lagi hasrat Kerajaan supaya FELDA ini kita jadikan sebagai Gedung Makanan Negara. Inilah usaha-usaha yang akan kita lakukan supaya FELDA akan muncul sebagai pusat pengeluaran makanan berskala besar untuk menampung keperluan negara sebab negara masih mengimport bahan makanan yang begitu besar daripada luar negara”.

## OBJEKTIF

1. Memaksimumkan penggunaan tanah yang ideal dengan aktiviti pertanian berimpak tinggi
2. Mewujudkan pengurusan rangkaian bekalan yang bersepadu dan komprehensif
3. Pengukuhan jenama di peringkat tempatan dan antarabangsa
4. Menawarkan perkhidmatan perundingan secara professional kepada pelanggan
5. Memberi pulangan yang setimpal kepada *stakeholder*

## FUNGSI DAN PERANAN

Fungsi dan Peranan Ibu Pejabat serta Projek

IBU PEJABAT	WILAYAH
<b>a.</b> Merancang penggunaan tanah yang ideal secara maksima dengan aktiviti pertanian berimpak tinggi	Membantu dalam memaksimumkan penggunaan tanah yang ideal dengan aktiviti pertanian berimpak tinggi
<b>b.</b> Merancang pengurusan rangkaian bekalan yang bersepadu dan komprehensif	Mewujudkan pengurusan rangkaian bekalan yang bersepadu dan komprehensif
<b>c.</b> Membuat perancangan pengukuhan jenama di peringkat tempatan dan antarabangsa	Membantu pihak ibu pejabat dalam proses pengukuhan jenama di peringkat tempatan dan antarabangsa
<b>d.</b> Bertindak sebagai kumpulan perancang kepada pembangunan seluruh projek	Bertindak sebagai pelaksana kepada pembangunan yang telah dirancang
<b>e.</b> Penyeliaan dan pemantauan keatas prestasi projek dan ladang yang ingin dicapai	Pelaksana keatas pengeluaran produk dan prestasi ladang



IBU PEJABAT

WILAYAH

- |    |   |   |
|----|---|---|
| f. | Memastikan semua aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dan sejajar dengan visi dan misi asal                       | Melaksanakan program yang telah dirancang                             |
| g. | Memastikan kualiti dan produktiviti ladang dapat dihasilkan seiring dengan matlamat FELDA sebagai Gedung Makanan Negara | Melaksanakan pelan perancangan yang telah ditetapkan oleh Ibu Pejabat |

**MAKLUMAT ASAS**

Sasaran pengeluaran setiap produk keluaran GMN dan kawasan yang terlibat adalah seperti berikut:

Sasaran Pengeluaran Produk GMN Bagi Tahun 2016

Produk	Perkara	Sasaran Pengeluaran	Kawasan Terlibat
Tanaman	Pisang ( Berangan & Cavendish)	6,104 mtan/ tahun (RM 9,301,133)	Rancangan tanam semula sawit & TKPM Lanchang
	Sayuran	245 mtan/ tahun (RM 380,109)	Pusat Pengeluaran Sg. Tenggi Selatan
	Nanas	326 mtan/ tahun (RM 326,400)	TKPM Lanchang
	Rock Melon / Golden Melon	274 mtan/ tahun (RM 984,787)	Pusat Pengeluaran Sg. Tenggi Selatan & Mempaga
Ternakan	Lembu Pedaging	2,750 ekor/ tahun (RM 12,589,500)	Projek Integrasi Ternakan Chuping (PITC) & Ladang Satelite GMN
	• Fidlot	600 ekor/ tahun (RM 2,000,000)	
	• Biakbaka	1,788 ekor/ tahun (RM 1,180,080)	
Akuakultur	Bebiri	1,788 ekor/ tahun (RM 1,180,080)	Projek Integrasi Ternakan Chuping (PITC) & Pusat Ternakan Titi
	• Biakbaka	1,788 ekor/ tahun (RM 1,180,080)	
Akuakultur	Tilapia	1,788 ekor/ tahun (RM 1,180,080)	

## PROGRAM UTAMA

Demi mencapai visi dan misi GMN sebagai pengeluar dan pengedar makanan negara utama berskala besar, GMN mendukung konsep untuk berperanan sebagai national *one-stop food centre* di mana penglibatan GMN adalah merentas rantaian nilai, daripada pengeluaran bahan mentah sehingga penjualan keluaran mentah dan makanan diproses/ produk *downstream* secara runcit.

### a. Pembangunan Produk


Bil	Aktiviti	Sasaran
1	Membangunkan produk hiliran baru	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengurus proses pembangunan produk</li> <li>Menerima cadangan dari pelbagai pihak</li> <li>Menjalankan kerja-kerja pemilihan produk</li> </ul>
2	Mengeluarkan produk jus minuman kardial	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan 2 jenis jus iaitu jus nenas dan jus laici</li> <li>Melibatkan pembelian bahan dari pembekal</li> <li>Menguruskan jualan produk secara borong kepada pengedar</li> <li>Mengurus tadbir kerja-kerja promosi di peringkat pengedar</li> <li>Mengurus maklumbalas bagi penambahbaikan produk</li> </ul>
3	Membangunkan produk chip buah-buahan berasaskan nanas dan nangka	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan 2 jenis Chip iaitu Chip Nenas dan Chip Nangka</li> <li>Pengurusan pentadbiran termasuk pendaftaran</li> <li>Melibatkan pembelian bahan dari pembekal</li> <li>Menguruskan jualan produk secara borong kepada pengedar</li> <li>Mengurus tadbir kerja-kerja promosi di peringkat pengedar</li> <li>Mengurus maklumbalas bagi penambahbaikan produk</li> </ul>

### b. Trading

Bil	Aktiviti	Sasaran
1	Bawang	Mengimport 50 mtan bawang setahun
2	Cili Kering	Mengimport 50 mtan cili kering setahun
3	Beras	Mengimport 1,000 mtan beras setahun
4	Membangunkan jenama (branding) bagi produk buah-buahan keluaran GMN	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan 1 jenama utama (Umbrella Brand) bagi produk keluaran GMN</li> <li>Membangunkan jenama bagi setiap produk keluaran GMN</li> <li>Membangunkan 2 jenis jus iaitu jus epal dan jus blackcurrent</li> </ul>

### c. Pemasaran


Bil	Aktiviti	Sasaran
1	Mengenalpasti pasaran baharu bagi produk keluaran GMN	Mengadakan pertemuan bersama pelanggan sekurang-kurangnya 1 kali sebulan.
2	Menjalankan aktiviti promosi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengadakan jualan bulanan di menara FELDA</li> <li>Menyertai 5 aktiviti promosi melalui Jabatan atau organisasi luar FELDA. Contoh; HALALFEST</li> <li>Mengikuti program atau majlis FELDA</li> </ul>
3	Mengenalpasti produk berpotensi	Menjalankan kajian harga secara mingguan





# PEMBANGUNAN

*KOMUNITI*



# JABATAN

## *Pembangunan Komuniti*

### LATAR BELAKANG

Jabatan Pembangunan Komuniti merupakan tulang belakang kepada program transformasi FELDA yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia. Jabatan ini ditubuhkan untuk menyediakan dasar-dasar dan menguruskan kerja-kerja yang berkaitan komuniti dan institusi peneroka. Tugasan berkaitan komuniti akan dilaksanakan di wilayah dan rancangan khususnya dalam bidang pembangunan institusi peneroka.

Jabatan ini merangka program-program pembangunan komuniti untuk warga peneroka dengan menggunakan pelbagai pendekatan. Penekanan diberikan kepada aspek kepimpinan dan penyatuan serta pembangunan modal insan, bertujuan untuk menjamin kesejahteraan dan kesempurnaan hidup kepada seluruh warga peneroka.

### OBJEKTIF

1. Mengukuhkan institusi peneroka sebagai sebuah institusi yang berkesan.
2. Memperkemaskan kepimpinan peneroka untuk membantu kejayaan FELDA.
3. Menyatukan masyarakat peneroka agar seiring dengan aspirasi pengurusan FELDA.
4. Menjayakan transformasi komuniti di semua peringkat termasuk petugas dan peneroka.
5. Menyampaikan informasi kepada komuniti peneroka secara berterusan.
6. Merapatkan hubungan antara pihak pengurusan dengan masyarakat peneroka.
7. Meningkatkan penglibatan generasi baharu dalam pembangunan komuniti.
8. Merealisasikan warga peneroka sebagai komuniti contoh luar bandar.
9. Menguruskan kebajikan peneroka secara menyeluruh.
10. Menggalakkan warga FELDA membudayakan gaya hidup sihat.
11. Mewujudkan persekitaran perkampungan FELDA menjadi komuniti dalam taman yang dilengkapi dengan infrastruktur yang baik, lengkap dan terurus.

### PROGRAM

Program pembangunan komuniti dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai pendekatan dan strategi. Penekanan diberikan kepada pembangunan modal insan dalam usaha mewujudkan institusi masyarakat yang lebih mantap di samping memfokus kesejahteraan dan kehidupan warga peneroka yang berkualiti.

Pembangunan komuniti FELDA secara menyeluruh akan dilaksanakan dengan menitikberatkan aspek pemeraksanaan institusi peneroka dan penyatuan di kalangan warga peneroka. Usaha meningkatkan kualiti hidup peneroka akan terus dipergiatkan dalam pelbagai bidang khususnya dalam aspek pendidikan, kepimpinan, keibubapaan dan kesihatan untuk melahirkan masyarakat yang cemerlang dan seterusnya menjadi komuniti contoh masyarakat luar bandar.

## PERANCANGAN PROGRAM TAHUN 2016

### 1. Mesyuarat JKPP

Ahli Mesyuarat melibatkan Ketua Peneroka Wilayah, Pengerusi GPW Gabungan, Pengurus Besar Wilayah, wakil MBFM, Seranta, FGV dan wakil pengurusan FELDA. Dijadual Mesyuarat JKPP setiap sukutahun (Mac/ Jun/ September/ Disember).

### 2. Mesyuarat Exco JKPP

Ahli Mesyuarat melibatkan Pengerusi 6 Biro yang diwujudkan dalam JKPP bagi membincangkan program kerja Ahli JKPP dan membantu pengurusan FELDA bagi penyelesaian isu-isu semasa. Dijadualkan setiap dua bulan (Februari/ April/ Jun/ Ogos/ Oktober/ Disember).

### 3. Mesyuarat Komuniti

Ahli Mesyuarat terdiri daripada Ketua Peneroka Wilayah, Pengerusi GPW Gabungan dan Pengurus Besar Wilayah. Mesyuarat Komuniti membincangkan penyelarasan program bersama di Wilayah, penyelesaian isu semasa dan memperkukuhkan kerjasama aktiviti Wilayah dan Rancangan. Dijadualkan setiap dua bulan (Januari/ Mac/ Mei/ Julai/ September/ November).

### 4. Hari Peneroka FELDA Peringkat Kebangsaan

Sambutan Hari Peneroka merupakan acara tahunan FELDA yang disambut pada 7 Julai setiap tahun sebagai tanda pengiktirafan kepada seluruh warga peneroka yang bersama-sama membangunkan tanah rancangan. Sambutan ini akan dapat menyatukan warga peneroka dengan menghimpunkan warga peneroka seluruh pelusuk negeri yang telah banyak menyumbang kepada kemajuan FELDA.

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
<ul style="list-style-type: none"> <li>Jawatankuasa Induk dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Komuniti)</li> <li>Mengaturkan semua aspek pelaksanaan Sambutan Hari Peneroka Kebangsaan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Jawatankuasa Kerja dipengerusi oleh Pengurus Besar Wilayah</li> <li>Mengadakan mesyuarat peringkat Jawatankuasa Kerja bersama pengurus rancangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengurus rancangan hendaklah memberi penerangan di peringkat rancangan</li> <li>Melibatkan badan-badan peneroka di rancangan</li> <li>Menyediakan laporan yang diperlukan kepada Wilayah</li> </ul>



Majlis sambutan Hari Peneroka FELDA Peringkat Kebangsaan bertempat di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negeri Gong Badak, Kuala Nerus, Terengganu bertarikh 30 Ogos 2015

## 5. Program Audit Sosial

Program ini bertujuan untuk memastikan semua aktiviti kerja Jabatan Pembangunan Komuniti dilaksanakan oleh kesemua 317 buah rancangan dalam 11 wilayah, maka pengauditan rancangan perlu dilaksanakan. Program Audit Sosial di bawah Unit Institusi Peneroka dibentuk dan ditugaskan membuat lawatan ke rancangan untuk membuat pemeriksaan, penilaian, pemantauan dan membantu wilayah menyelesaikan isu yang dibangkitkan oleh rancangan terlibat.

Jadual Lawatan Audit Sosial: Empat rancangan sebulan atas satu rancangan seminggu (setiap Selasa).

### Objektif

- Memastikan aktiviti-aktiviti komuniti dirancang dilaksanakan selari dengan perancangan Jabatan Pembangunan Komuniti.
- Memastikan semua program yang dilaksanakan didokumentasikan serta dibuat penilaian keberkesanan program.
- Mengenalpasti isu dan aduan dibangkitkan diambil tindakan penyelesaian.
- Membantu pengurusan wilayah dan rancangan dalam menggerakkan aktiviti badan-badan peneroka selaras dengan halatuju pengurusan FELDA.

### Fungsi

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
Menyediakan kriteria pengauditan	Memaklumkan pihak rancangan bagi persediaan rancangan	Mendokumentasikan fail-fail aktiviti dan mesyuarat yang dilaksanakan di rancangan
Menyediakan jadual lawatan pemeriksaan ke rancangan	Mengatur tindakan susulan terhadap pelaporan ibu pejabat	Menyediakan dokumen untuk pengauditan
Menyediakan laporan lawatan pemeriksaan		

## 6. Program Seminar Ketua Peneroka 2016

Program seminar ini mempunyai objektif untuk memberi penerangan mengenai dasar-dasar FELDA, memberi kefahaman serta memantapkan fungsi dan peranan pemimpin komuniti rancangan. Selain itu untuk menerapkan ilmu kepimpinan kepada ketua peneroka, penerokawati dan belia rancangan.

Jadual: 11 program untuk 11 wilayah (satu wilayah satu program).

## 7. Program Kursus Pemantapan Kepemimpinan Peneroka

Program kursus ini mempunyai objektif untuk memperkukuhkan ilmu kepimpinan kepada semua ketua peneroka serta mampu serta membina hubungan yang baik dengan semua peneroka. Kursus itu juga akan memberi peluang kepada pemimpin peneroka agar bertindak bersama seiring dengan pengurusan FELDA untuk membangunkan komuniti rancangan.

Jadual: 11 program untuk 11 wilayah (satu wilayah satu program).

## 8. Program Sihat FELDA Komuniti Sihat Tanpa Dadah (KSTD)

Program ini akan dirancang untuk memberi kesedaran kepada seluruh warga FELDA mengenai kepentingan penjagaan kesihatan dimana ianya adalah aset paling bernilai. Budaya menghargai kesihatan ini akan mempengaruhi warga FELDA untuk meneruskan kehidupan secara harmoni dan seterusnya dapat mempengaruhi keluarga mereka bagi sama-sama mengamalkan budaya hidup sihat.



## Objektif

- Memberi kesedaran kepada warga FELDA berkenaan pentingnya menjaga kesihatan.
- Menjadikan warga FELDA berada dalam keadaan sihat dan produktif melalui amalan gaya hidup yang sihat di rancangan FELDA.
- Mempromosi pakej Intervensi Faktor Risiko Penyakit iaitu pemakanan sihat, aktiviti fizikal, minda sihat dan tubuh badan yang sihat.

## Fungsi

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
<ul style="list-style-type: none"><li>• Merancang program Sihat FELDA ke semua rancangan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Menguruskan kelengkapan logistik dilokasi yang dipilih disamping makluman kepada pengurusan rancangan</li><li>• Bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan untuk membuat pemeriksaan, pameran dan ceramah kesihatan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pengurus rancangan hendaklah memaklumkan kepada seluruh komuniti rancangan terlibat termasuk rancangan yang berhampiran</li><li>• Memastikan warga peneroka terlibat dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan</li></ul>

### a. Tindakan

- Mengadakan Program Sihat FELDA di semua rancangan.
- Memastikan pengisian utama program untuk mengadakan pemeriksaan, pameran dan ceramah kesihatan.
- Melaksanakan aktiviti fizikal seperti senamrobik dan sukan.
- Pihak rancangan perlu melibatkan komuniti FELDA dari rancangan berhampiran untuk menyertai program.

### b. KPI

Program ini perlu dilaksanakan sekali di setiap rancangan.

## 9. Pentas Irama FELDA (Pentas Rada)

FELDA telah melaksanakan Pentas Bergerak pada tahun 80 an dan 90 an di seluruh rancangan FELDA. Program ini telah banyak membantu FELDA dalam memberikan penerangan kepada warga FELDA dan juga satu medium menyatukan warga FELDA di rancangan dengan unsur kesenian. Oleh yang demikian, Pentas Irama FELDA akan dilaksanakan menggunakan pendekatan yang sama dengan pengisian yang baharu bagi dapat menarik minat semua lapisan masyarakat FELDA. Pengisian yang dilaksanakan adalah teater muzikal, pemuzik jalanan, tarian tradisional dan nyanyian. Persembahan akan dilaksanakan oleh artis professional dengan kerjasama generasi baharu FELDA. Ini kerana ramai generasi baharu FELDA telah menceburi industri kesenian di Malaysia. Program ini akan bermula pada bulan Januari sehingga Disember 2016 melibatkan 22 rancangan FELDA.

## 10. Program Transformasi Komuniti: "Apa Khabar"

Program ini telah dimulakan pada tahun 2012 bertujuan antaranya merapatkan hubungan dan meningkatkan kerjasama diantara Pengurusan FELDA dengan warga FELDA ditanah rancangan berkonsepkan 'Pemimpin Turun Padang'. Dalam program ini juga pengurusan dapat maklum balas secara terus daripada peneroka. Melalui program ini, Pengerusi FELDA dan Pengarah Besar FELDA

akan melawat beberapa rumah peneroka yang sakit/uzur bersama pengurusan wilayah dalam program ziarah mesra . Kaunter pertanyaan dibuka di dewan bermula dari pagi hingga tengahari disamping itu, sesi ceramah khas , diskusi Penyatuan Bangsa yang akan disampaikan oleh Dato' Mohd Nor Abdullah. Sesi bersama Pengerusi FELDA akan diadakan setelah lawatan ke rumah diselesaikan. Sukan kanak-kanak tabika akan dijalankan bersama isteri Pengerusi FELDA.

**11. Program TERPIS (Turun Padang Menangani Isu)**

Program ini telah mula dilaksanakan sejak tahun 2011 lagi. TERPIS dilaksanakan adalah bertujuan sebagai medium berkesan antara pihak pengurusan FELDA dengan kepimpinan komuniti rancangan dalam menangani isu-isu dan permasalahan yang berlaku dirancangan. Jabatan Pembangunan Komuniti FELDA merancang untuk melaksanakan di 33 lokasi di seluruh FELDA pada tahun 2016 ini. Program ini adalah bertujuan untuk menjawab semua isu yang dibangkitkan oleh peneroka supaya warga FELDA memahami peranan FELDA meningkatkan taraf hidup dan keharmonian warga peneroka.

**12. Pembangunan Sekolah Agama Rakyat (SAR) FELDA**

Program pembangunan SAR FELDA akan menitik beratkan kepada pembangunan prasarana sekolah yang kondusif serta modul pengajaran dan pembelajaran sekolah yang terbaik dan selaras di semua SAR di rancangan. Kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri dan Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Malaysia (KPM) akan dibuat bagi memastikan SAR FELDA beroperasi dengan cemerlang dan dapat melahirkan lebih ramai anak-anak muda yang berilmu agama yang tinggi.

**Objektif**

- Membangunkan sukatan pelajaran/ modul pengajaran dan pembelajaran terkini yang lebih teratur untuk diselaraskan di semua SAR FELDA.
- Memilih guru besar/ mudir dan guru terbaik yang boleh dijadikan contoh.
- Menyediakan pembangunan prasarana sekolah yang sempurna bagi kemudahan pelajar.
- Mengenalpasti SAR yang terbaik sebagai contoh/model kepada semua SAR FELDA.

**Pelaksanaan**

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
Mengkaji semula sistem pendidikan SAR	Menyediakan maklumat terperinci/ <i>database</i> SAR	Memantau pelaksanaan SAR di rancangan
Mengadakan kerjasama dengan KPM, JAKIM dan Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri	Membuat lawatan berkala ke semua SAR di bawah seliaan wilayah	Menyediakan maklumat terperinci/ <i>database</i> SAR
Mengadakan perbincangan dengan semua mudir SAR		

**13. Program Ihtifal Tahunan SAR FELDA**

Program Ihtifal Tahunan SAR FELDA adalah untuk menguji tahap kemahiran dan pengetahuan murid murid dalam bidang berkenaan antara lain; Tilawah Al-Quran, Tahfiz Al-Quran, Kuiz Ilmu Wahyu, Azan dan Syarahan. Majlis dilakukan setiap tahun selepas peperiksaan berakhir dan melibatkan semua sekolah Agama Rakyat SAR dalam FELDA seluruh negara.

**Objektif**

- Melahirkan bakat-bakat pemedato, kepimpinan dan pembacaan Al-Quran dikalangan murid murid semua SAR FELDA.

- Memilih bakat-bakat yang cemerlang untuk di ketengahkan ke peringkat kebangsaan.
- Menjadikan program ilmu ini sebagai satu usaha meningkatkan semangat pelajar dalam pembelajaran.

#### Pelaksanaan

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
Membentuk jawatankuasa Induk peringkat Kebangsaan bagi menyusun atur program Ihtifal Tahunan	Menyelaras dan mengatur sesi pemilihan dan perbincangan dengan semua Mudir SAR selepas menerima arahan Ibu Pejabat	Bersedia dengan pelaksanaan yang diluluskan serta membuat pemilihan dan latihan kepada murid-murid SAR yang di berbakat di rancangan
Mengadakan kerjasama dengan KPM, JAKIM dan Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri	Membuat penyusunan bayaran dan perbelanjaan bagi aktiviti yang di pertandingkan	Menyediakan tenaga pelatih dan menyusun jadual guru guru terlibat
Menyediakan Anggaran Kos dan perbelanjaan bagi aktiviti yang di pertandingkan berdasarkan kelulusan Kewangan		

#### 14. Kursus Imam Muda

Kursus ini dilaksanakan kepada generasi baharu FELDA yang mempunyai minat berdakwah dan menggilap imam-imam muda. Kursus akan dianjurkan dengan kerjasama Institut Latihan Malaysia (ILIM) JAKIM.

##### Objektif

- Menyediakan barisan pelapis imam di kalangan generasi baharu yang mempunyai pengetahuan agama yang mendalam bagi mewarisi imam yang sedia ada.

- Memantapkan peranan imam muda di rancangan.

#### Pelaksanaan

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
Merancang beberapa siri kursus dengan kerjasama ILIM dan JAKIM	Membuat hebahan/ dakwah kepentingan menuntut ilmu dan melaksanakan pendekatan yang sesuai. Selaraskan program berdasarkan arahan ibu pejabat	Membuat banciaan bilangan generasi baharu yang berkebolehan atau yang berminat menjadi imam muda
Mengumpul data maklumat Imam Muda yang telah mengikuti kursus yang telah dianjurkan untuk program Intensif dan pemantapan		Mengumpul data dan maklumat imam muda yang berkebolehan

#### 15. Bengkel Pengenalan Munsyi Jawi.

Kursus ini dilaksanakan kepada Warga Pendidik SAR, kelas KAFA dan generasi baharu FELDA untuk memberi pendedahan kepada penulisan dan ejaan jawi yang betul sebagai ilmu warisan bangsa Melayu yang hampir pupus masa kini. Kursus ini akan dianjurkan dengan kerjasama Pakar Jawi dan melibatkan tenaga mahir yang telah dikenal pasti untuk bersama menjayakan program ini.

##### Objektif

- Memperkasakan lagi penulisan jawi dikalangan guru-guru SAR dan Generasi baharu FELDA sebagai pendukung dan tunggak salah satu cabang warisan bangsa melayu.
- Memantapkan peranan tulisan jawi sebagai salah satu media dakwah Islamiah di rancangan.
- Melahirkan seberapa ramai Munsyi Jawi yang terlatih dikalangan warga FELDA.

**Pelaksanaan**

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
Merancang beberapa siri kursus pengenalan dengan kerjasama Agensi luar yang berkaitan	Membuat hebahan dan pencarian peserta berdasarkan keperluan sebenar melalui pendekatan yang sesuai,selaraskan program berdasarkan arahan ibu pejabat	Membuat bancian bilangan guru SAR dan generasi baharu yang berkebolehan atau yang berminat sebagai munsyi jawi
Menyediakan bajet dan peruntukan untuk melaksanakan aktiviti sepanjang tahun		Mengumpul data dan maklumat Munsyi Jawi yang berkebolehan

16. **Multaqa Mudir-Mudir SAR FELDA Kebangsaan.** Multaqa ini diadakan kepada Mudir-Mudir SAR seluruh negara peringkat kebangsaan bagi menyalurkan maklumat dan penyampaian sistem pendidikan terkini khususnya melibatkan pendidikan Islam dan kelas KAFA kepada Mudir-Mudir dan Pengetua SAR yang telah berdaftar dengan JAKIM dan FELDA.

Program ini akan dianjurkan dengan kerjasama JAKIM, FELDA dan JPM Unit Pendidikan Islam melibatkan tenaga pengurusan dan pentadbir SAR dalam rancangan.

**Objektif**

- Memperkasakan lagi peranan guru-guru SAR FELDA sebagai pendidik Islam yang mendukung sistem pembelajaran kelas Al-Quran dan keagamaan kepada murid-murid di peringkat rendah .
- Memberi peluang kepada mudir-mudir bertukar tukar fikiran dan merancang aktiviti secara integrasi .
- Melahirkan Mudir-mudir sebagai pentadbir SAR yang mempunyai wawasan dan kreativiti pelbagai bagi meningkatkan kualiti SAR FELDA.

**Pelaksanaan**

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
Merancang Seminar / kursus kepada Mudir-mudir /pentadbir SAR peringkat Kebangsaan	Membuat hebahan dan pemilihan peserta dikalangan mudir SAR berdasarkan keperluan sebenar melalui pendekatan yang sesuai,selaraskan program berdasarkan arahan ibu pejabat	Menyelaras dan mengatur peserta dikalangan Mudir2 yg terpilih

17. **Forum Perdana**

Forum Perdana dilaksanakan dengan kerjasama JAKIM dan Yayasan Taqwa.

18. **Simposium Muamalah Islam dan Kembara Tazkirah**

Simposium Muamalah Islam dan Kembara Tazkirah merupakan program yang dianjurkan oleh Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dengan kerjasama FELDA. Program ini bertujuan untuk memberi kefahaman dan penerangan awal berkaitan kewangan Islam kepada petugas dan warga FELDA tentang kesedaran masyarakat yang masih rendah dan peratusan pengguna Islam yang memilih perkhidmatan kewangan Islam masih ketinggalan berbanding kewangan konvensional.

**Objektif**

- Menyemarakkan budaya Celik Muamalah dalam kalangan petugas FELDA dan warga FELDA.
- Memberi kefahaman secara menyeluruh kepada semua petugas berkenaan dengan sistem kewangan Islam antaranya meliputi perbankan Islam, takaful, pelaburan, pengurusan hutang, keusahawanan dan lain-lain berkaitan.
- Membantu mempromosikan produk-produk yang ditawarkan oleh perbankan Islam, syarikat takaful dan para usahawan Islam.

- Meningkatkan simpanan, jumlah pembiayaan dan pelaburan masyarakat Islam dalam perbankan Islam, takaful dan pelaburan berteraskan patuh syariah.

#### Pelaksanaan

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
Merancang program dengan kerjasama agensi luar mengikut kesesuaian dengan bermatlamat impak positif	Melaksanakan program yang diarahkan oleh Ibu Pejabat	Memastikan penglibatan masyarakat secara menyeluruh dalam setiap program yang akan dilaksanakan

#### 19. Sumbangan Aidilfitri Kepada Anggota keselamatan (ATM & PDRM)

Program sumbangan Aidilfitri kepada pihak ATM dan PDRM merupakan suatu program rutin yang dilaksanakan oleh pihak FELDA kepada anggota keselamatan di seluruh negara. Sebanyak 2500 buah kotak sumbangan berisi pelbagai jenis kuih raya akan disumbangkan kepada anggota keselamatan negara yang bertugas semasa umat Islam menyambut perayaan Aidilfitri pada setiap tahun. Sumbangan dibuat oleh kumpulan FELDA yang terdiri daripada warga peneroka dan petugas FELDA.

#### Objektif

- Menggalakkan amalan berinfaq di kalangan warga FELDA.
- Menghargai pengorbanan pasukan keselamatan negara dalam mempertahankan keamanan Agama, Bangsa dan Negara.
- Salah satu tanggungjawab sosial warga FELDA untuk memberi sumbangan kepada anggota keselamatan yang menjalankan tugas di perbatasan.

#### Pelaksanaan

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
Menyediakan kertas kerja yang terperinci mengenai segala perbelanjaan bagi program yang akan dilaksanakan	Mengadakan mesyuarat dan mewujudkan jawatankuasa induk sebagai pelaksana	Menerima arahan daripada pihak wilayah dan menghebahkan kepada awarga peneroka serta menguruskan program dengan sebaik mungkin

#### 20. Dakwah Berkelompok

Program Dakwah Berkelompok telah bermula pada tahun 2012 di beberapa tanah rancangan FELDA seluruh negara. Tahun 2016, dicadangkan program ini diteruskan lagi dengan pendekatan yang lebih baik dan sempurna. Pendekatan dakwah secara berkelompok atau kumpulan kecil lebih memberi impak yang besar kepada kumpulan sasar. Dakwah bermaksud sebagai ajakan dan seruan. Manakala berkelompok pula bermaksud himpunan secara jamaie atau berkumpulan.

#### Objektif

- Menyampaikan pemahaman program-program transformasi FELDA kepada masyarakat di tanah rancangan FELDA melalui pendekatan syariat islamiah.
- Menarik minat atau perhatian masyarakat melalui ilmu dan islam serta "ad-dakwah" melalui bicara yang menyeru dan mengajak kepada melakukan kebaikan.
- Melatih pegawai-pegawai Agama FELDA (ASDO & SDA) menyampaikan dakwah dengan lebih berkesan melalui kumpulan sasar yang kecil kepada yang besar.
- Mengenalpasti dan memberi bimbingan permasalahan utama yang dihadapi oleh umat Islam kini termasuk dalam bidang-bidang seperti akidah, ibadah, akhlah, siasah, ekonomi dan muamalat.

**Pelaksanaan**

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
Menyediakan kertas kerja yang berkaitan dan menyusun jadual giliran petugas di peringkat Wilayah dan rancangan	Menyediakan maklumat terperinci dan mengenalpasti mengenai rancangan yang terlibat	Menerima arahan daripada pihak wilayah dan membuat hebahan kepada warga peneroka

**21. Pengurusan Jenazah**

Kematian merupakan satu kejadian yang mesti ditempuhi oleh setiap manusia. Oleh yang demikian pengurusan jenazah adalah merupakan suatu perkara yang dituntut oleh syariat dan lanya merupakan fardhu kifayah ke atas umat Islam. Dengan adanya program yang akan dilaksanakan sedikit sebanyak dapat membantu golongan generasi muda mempelajari dan membantu bila mana berlaku kematian di tanah rancangan.

**Objektif**

- Membentuk peribadi petugas yang berilmu dalam perkara berkaitan pengurusan jenazah menurut syariat Islam.
- Melahirkan perasaan petugas yang boleh berbakti kepada masyarakat berdasarkan ilmu yang dipelajari dan diperkembang dengan lebih menyeluruh.
- Membangkitkan rasa keinsafan perihal kematian yang akan dilalui oleh setiap umat Islam.
- Berusaha menjadikan setiap program yang dilaksanakan sebagai "Wadah Ilmu" disamping mengeratkan hubungan silaturrahim di kalangan petugas.

**Pelaksanaan**

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
Merancang dan mengadakan kerjasama dengan Jabatan Agama Islam setiap negeri serta menyediakan anggaran perbelanjaan aktiviti	Menyediakan maklumat terperinci penglibatan peserta daripada golongan generasi baru rancangan	Menerima arahan daripada pihak wilayah dan membuat hebahan kepada sasaran yang terpilih

**22. Penyembelihan Halal**

Tuntutan mendapat makanan yang halal seharusnya menjadi salah satu tumpuan penting setiap individu muslim kerana ia merupakan salah satu perintah dari Allah SWT melalui Rasul-Nya. Disamping itu juga, pengurusan penyembelihan merupakan titik tolak bagi memastikan status halal setiap produk yang berasaskan haiwan. Secara keseluruhannya, pengurusan penyembelihan merangkumi pengendalian ternakan sebelum sembelih dan proses semasa dan selepas penyembelihan.

**Objektif**

- Memberi pendedahan secara teori dan amali kepada peserta mengenai kaedah penyembelihan menurut Islam dan pendedahan tentang undang-undang atau peraturan-peraturan berkaitan dengan penyembelihan halal mengikut syarak.
- Memantapkan kefahaman kepada peserta mengenai penyembelihan menurut konsep 'halalan toyyiban' dan kepenggunaan produk makanan di pasaran.



## Pelaksanaan

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
Merancang dan mengadakan kerjasama dengan Jabatan Agama Islam setiap negeri bahagian dakwah	Menyediakan maklumat terperinci penglibatan peserta daripada golongan generasi baru rancangan	Menerima arahan daripada pihak wilayah dan membuat hebahan kepada peserta yang terpilih

### 23. Karnival Pengimarahhan Masjid

Program ini merupakan kesinambungan program dakwah yang dilaksanakan oleh YADIM dengan kerjasama FELDA. Program ini dilaksanakan sepenuhnya di kawasan masjid dengan menzahirkan masjid sebagai nadi aktiviti dan penyatuan ummah. Ia juga dapat menyemarakkan pembangunan institusi masjid dengan menjadikan masjid sebagai *one stop center* kepada semua masyarakat di dalam melaksanakan pelbagai aktiviti kemasyarakatan disamping menyemai perasaan kasih sayang di kalangan warga FELDA.



Majlis bacaan Yasin di masjid FELDA Selancar 3

## Objektif

- Menjadikan masjid sebagai pusat sehati yang aktif kepada warga peneroka disamping pusat khidmat masyarakat kepada semua.
- Melazimkan sesuatu program yang akan dilaksanakan hendaklah bermula di masjid.
- Menjadikan masjid sebagai tempat umum dikunjungi dan bukanlah hanya khusus kepada sesuatu majlis atau tempat ibadah solat.
- Membantu meningkatkan dana kewangan institusi masjid.



Gotong Royong mengacau bubur asyura sempena program MaalHijrah 1437H di FELDA Kemasul

## Pelaksanaan

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
Mengadakan perbincangan dengan agensi yang terlibat dengan mengenalpasti keperluan yang diperlukan semasa program dan laporan kewangan yang terperinci	Menyediakan maklumat terperinci dan mengenalpasti mengenai rancangan yang terlibat	Menerima arahan daripada pihak wilayah dan membuat hebahan kepada seluruh warga FELDA dan masyarakat sekitarnya



# UNIT KEBAJIKAN DAN PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

## Tabung Bantuan Kebajikan Peneroka FELDA

### Latar Belakang

Tabung bantuan kebajikan peneroka FELDA ini diwujudkan untuk menjaga kepentingan dan kebajikan peneroka. Memandangkan majoriti peneroka FELDA berusia melebihi 60 tahun ke atas, bantuan kebajikan ini perlu diteruskan selaras dengan matlamat FELDA bagi menjaga kepentingan peneroka. Sumbangan ini diberikan bagi meringankan beban tanggungan yang terpaksa dipikul oleh mereka. Dana khas melalui Tabung Bantuan Kebajikan Peneroka telah diwujudkan sejak tahun 2005 dengan tujuan membantu peneroka dan keluarga dalam tiga (3) aspek berikut:

- Membiyai kos rawatan dan perubatan peneroka, isteri dan tanggungan peneroka yang menghidapi penyakit kronik.
- Bantuan bencana alam yang menyebabkan kerosakan rumah dan harta benda.
- Pembelian peralatan kesihatan seperti kerusi roda, anggota palsu dan lain-lain

### Objektif

- Membantu membiayai kos rawatan dan perubatan kepada peneroka, isteri atau tanggungannya yang menghidap penyakit kronik.
- Membantu meringankan beban peneroka, isteri atau tanggungannya akibat bencana alam yang menyebabkan kerosakan rumah dan harta benda.
- Membantu membeli peralatan seperti kerusi roda atau anggota palsu bagi peneroka, isteri peneroka atau tanggungan yang mengalami kecacatan kekal/separuh kekal.

### Fungsi Dan Peranan

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
<ul style="list-style-type: none"> <li>Membuat dasar dan menyediakan pekeliling</li> <li>Mengadakan mesyuarat kelulusan permohonan dan memindahkan bajet ke wilayah dan rancangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Semakan dan memastikan permohonan daripada rancangan sebelum dimajukan ke Ibu Pejabat</li> <li>Membuat bayaran di peringkat wilayah dan memantau bayaran dan penerimaan barangan di peringkat rancangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenalpasti peneroka yang memerlukan bantuan dan memajukan permohonan ke peringkat wilayah</li> <li>Memastikan borang permohonan lengkap, mengikut syarat dan garis panduan</li> <li>Membuat bayaran di peringkat rancangan dan memastikan penerimaan alatan kepada pemohon</li> </ul>

## Program Utama

Mengadakan mesyuarat kelulusan permohonan tabung kebajikan sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan. Sehingga Ogos 2015, jumlah peneroka yang telah diberi bantuan melalui mesyuarat yang telah diadakan sebanyak enam kali ialah seramai 740 orang iaitu bagi bantuan penyakit kronik, peralatan kesihatan dan bencana alam. Jumlah nilai kelulusan adalah sebanyak RM1,705,060.30. Maklumat terperinci seperti jadual berikut:

### Kelulusan Mesyuarat Tabung Bantuan Kebajikan Peneroka 2015

Bilangan kelulusan dan nilai diluluskan mengikut jenis bantuan						Jumlah	
Penyakit Kronik (Peruntukan : RM 2.5 juta)		Peralatan Kesihatan (Peruntukan : RM 1 juta)		Bencana Alam (Peruntukan : RM 500,000)		Bil. lulus	Nilai Lulus (RM)
Bil.	Nilai (RM)	Bil	Nilai (RM)	Bil	Nilai (RM)		
410	1,123,685.30	159	425,515.00	171	347,630.00	740	1,705,060.30

## Pusat Literasi Keluarga(PLK)

### Fungsi Dan Peranan

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
<b>a.</b> Bengkel Pembelajaran PLK Mengadakan bengkel penyediaan jadual mengajar/ aktiviti harian dan membuat alat bantu mengajar untuk penggalak pembaca PLK di setiap wilayah	Mengaturkan jadual, persediaan tempat dan peralatan yang diperlukan	Memastikan semua penggalak pembaca menghadiri bengkel ini
<b>b.</b> Taman Permainan Bersepadu PLK Mencadang dan memantau pembinaan, pembekalan dan pemasangan peralatan taman permainan kanak-kanak bersepadu di setiap wilayah	Mengenalpasti PLK yang sesuai untuk dibina taman permainan kanak-kanak bersepadu tersebut	Memastikan pemasangan taman permainan kanak-kanak bersepadu diletakkan ditempat yang betul dan selamat untuk pelajar PLK
<b>c.</b> Alat Bantu Mengajar (Permainan Dalaman) Membekalkan alat bantu mengajar untuk penggalak pembaca PLK rancangan (cth: LEGO, Bongkah Kayu)	Mengenalpasti jenis peralatan permainan yang diperlukan	Memastikan alatan permainan digunakan dengan berhemah dan selamat untuk kanak-kanak PLK

## Program Utama

### a. Bengkel Pembelajaran PLK

Bengkel Pembelajaran untuk penggalak pembaca diadakan untuk memberi panduan bagaimana menyediakan jadual mengajar mengikut silibus yang standard.

Penggalak pembaca juga akan dapat bertukar-tukar idea sesama sendiri untuk membuat alat bantu mengajar untuk menarik minat kanak-kanak dengan lebih berkesan

**b. Taman Permainan Bersepadu PLK**

Pembinaan Taman Permainan kanak-kanak di PLK dapat membantu para pelajar PLK dalam melakukan aktiviti riadah dan mempelbagai aktiviti seharian mereka, Pembinaan taman permainan kanak-kanak tersebut akan di laksanakan di Pusat Liteterasi Keluarga (PLK) yang mempunyai bilangan pelajar yang teramai dan mempunyai keluasan tapak yang sesuai.

**c. Alat Bantu Mengajar (Permainan Dalam)**

Permainan dalam (contoh: LEGO) akan dapat melahirkan idea-idea kreatif dan menambah kecerdasan otak kanak-kanak untuk menerima pembelajaran dengan lebih cemerlang.

**Maklumat Asas PLK**

Bil	Wilayah	Bilangan PLK		Bil Kanak-Kanak ke PLK		Bilangan Penggalak Pembaca	
		2014	2015	2014	2015	2014	2015
1	Alor Star	7	9	156	75	13	9
2	Trolak	19	20	287	249	23	23
3	Raja Alias	43	44	744	751	92	96
4	Segamat	17	18	250	387	22	29
5	Johor Bahru	20	41	563	650	24	55
6	Jengka	34	36	549	481	45	46
7	Kuantan	24	29	138	422	31	37
8	Mempaga	35	36	598	449	34	47
9	Gua Musang	9	9	170	115	10	9
10	Terengganu	17	17	272	235	25	23
11	Sahabat	6	6	152	169	13	13
Jumlah		226	265	3820	3983	332	387

**UNIT KECERIAAN**

**1. Anugerah Keceriaan Kampung FELDA (AKKF)**

Anugerah Keceriaan Kampung FELDA (AKKF) diperkenalkan mulai tahun 2007. Program keceriaan kampung adalah meliputi penyediaan landskap, kebersihan rancangan, pengurusan bangunan awam, aktiviti kemasyarakatan, pengurusan sampah, pelaksanaan *edible garden*, susun atur kawasan perniagaan, projek ekonomi dan lain-lain. AKKF diberi kepada rancangan terbaik yang berjaya menguruskan kebersihan, keceriaan dan keindahan kawasan kampung dengan cemerlang. Juara AKKF menerima hadiah RM1 juta dan diumumkan sempena Hari Peneroka Kebangsaan.

**Pelaksanaan**

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
Mengadakan penilaian untuk menentukan juara Anugerah Keceriaan Kampung FELDA (AKKF)	Mengadakan lawatan ke semua rancangan	Pengurus rancangan hendaklah melaksanakan program keceriaan kampung di rancangan

**2. Program Peningkatan Keceriaan Kampung FELDA**

Program Peningkatan Keceriaan Kampung dilaksanakan terhadap rancangan yang mempunyai markah terendah dalam penilaian AKKF peringkat Wilayah.

## Pelaksanaan

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
Merangka program untuk semua petugas sosial yang menjaga AKKF di Wilayah dan rancangan.	Memantau dan menilai perubahan yang dilaksanakan oleh rancangan.	Pengurus rancangan hendaklah menyediakan pelan perubahan yang akan dilakukan sebagai usaha memantapkan dan menceriakan kawasan kampung.



Rumah peneroka di Felda Adila & Persembahan Kebudayaan Kuda Kepang Sempena Lawatan Panel AKKF 2015

## UNIT PENERBITAN DAN DOKUMENTASI

### Fungsi Dan Peranan

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
<p>Penerbitan dan Dokumentasi</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Merancang pengeluaran dokumentasi berkaitan FELDA</li> <li>Memastikan pengedaran dokumentasi penerbitan FELDA dilaksanakan dengan teratur</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bekerjasama memberi informasi mengenai FELDA untuk dijadikan sebagai bahan dokumentasi</li> <li>Memastikan pengedaran dokumentasi penerbitan FELDA ke rancangan dilaksanakan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bekerjasama memberi informasi mengenai FELDA untuk dijadikan sebagai bahan dokumentasi</li> <li>Memastikan pengedaran dokumentasi penerbitan FELDA sampai kepada golongan sasaran</li> </ul>

### Penerbitan Dan Dokumentasi

Penerbitan dan dokumentasi bertujuan untuk mengumpul, menyimpan, menerbitkan dan mengedarkan maklumat dan peristiwa FELDA. Di samping itu, penerbitan ini menjadi medium penghubung antara pengurusan FELDA dan warga peneroka umumnya. Maklumat yang didapati adalah daripada pelbagai sumber melibatkan jabatan-jabatan di FELDA, wilayah, rancangan, warga peneroka, surat khabar dan sisipan Utusan. Semua penerbitan dan dokumentasi disimpan di Perpustakaan FELDA dan Balai Sejarah FELDA. Selain itu, penerbitan berbentuk *coffee table* dapat mempromosikan FELDA serta memberi rangsangan kepada pihak pengurusan untuk membawa FELDA ke arah yang lebih cemerlang agar menjadi contoh kepada Warga FELDA dan kawasan luar bandar.

## UNIT SENTUHAN KASIH FELDA(SKF)

### Latar Belakang

Unit Sentuhan Kasih secara rasminya telah terbentuk sejak tahun 2013 bagi menguruskan Pengurusan Projek Sentuhan Kasih FELDA. Perpindahan telah dipindahkan ke Jabatan Pembangunan Komuniti pada 3 Ogos 2015. Perpindahan ini dilihat mampu memperkasakan lagi Pengurusan Projek Sentuhan Kasih FELDA bagi mencapai sasaran.

### Objektif

1. Menyediakan rumah mampu milik yang selesa dan kontemporari untuk generasi baru FELDA.
2. Memberi pekerjaan dan jaminan pendapatan tetap serta pembangunan usahawan melalui aktiviti pertanian asas tani.
3. Menyediakan peluang pekerjaan, perniagaan, usahawan yang boleh menjana pendapatan terhadap lebihan tenaga kerja dikalangan peserta yang diperlukan di ladang.
4. Membentuk satu komuniti yang harmoni dan berinovasi dengan kemudahan asas yang moden dan sempurna.
5. Memperkasa generasi baharu FELDA dalam cabaran dunia global melalui projek perumahan pintar.
6. Sebagai pemangkin kepada hasrat FELDA menjadi Gedung Makanan Negara.

### Fungsi Dan Peranan

#### Fungsi dan Peranan Ibu Pejabat serta Projek

Ibu Pejabat	Rancangan/ Projek
a. Merancang penggunaan tanah yang ideal secara maksima dengan aktiviti pertanian berimpak tinggi	Membantu dalam memaksimumkan penggunaan tanah yang ideal dengan aktiviti pertanian berimpak tinggi
b. Merancang pengurusan rangkaian bekalan yang bersepadu dan komprehensif	Mewujudkan pengurusan rangkaian bekalan yang bersepadu dan komprehensif
c. Membuat perancangan pengukuhan jenama di peringkat tempatan dan antarabangsa	Membantu pihak ibu pejabat dalam proses pengukuhan jenama di peringkat tempatan dan antarabangsa
d. Bertindak sebagai kumpulan perancang kepada pembangunan seluruh projek	Bertindak sebagai pelaksana kepada pembangunan yang telah dirancang
e. Penyeliaan dan pemantauan keatas prestasi projek dan ladang yang ingin dicapai	Pelaksana keatas pengeluaran produk dan prestasi ladang
f. Memastikan semua aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dan sejajar dengan misi dan visi asal.	Mengadakan program yang telah dirancang
g. Bertindak sebagai urusetia berkaitan hal ehwal tatatertib peserta	Mengawalselia komuniti dikawasan projek
h. Memastikan kualiti dan produktiviti ladang dapat dihasilkan seiring dengan matlamat FELDA sebagai Gedung Makanan Negara	Melaksanakan pelan perancangan yang telah ditetapkan oleh Ibu Pejabat

## Fungsi dan Peranan Ibu Pejabat serta Kontraktor Pembinaan Projek

	Ibu Pejabat	Rancangan/ Projek
a.	Merancang tapak yang sesuai untuk melaksanakan projek	Mengadakan lawatan tapak dan menghasilkan <i>feasibility study</i>
b.	Pemantauan perkembangan pembinaan projek melalui; <ul style="list-style-type: none"> <li>- Laporan kemajuan</li> <li>- Lawatan tapak</li> <li>- Mesyuarat tapak</li> </ul>	Melaksanakan pembinaan mengikut work program yang ditetapkan
c.	Menjalankan pemeriksaan bagi bangunan yang telah siap dibina	Menjalankan kerja-kerja <i>defect rectification</i> (jika ada)

### Maklumat Asas

Cadangan pengeluaran jenis produk SKF bagi kawasan yang terlibat adalah seperti berikut:

#### Pengeluaran Jenis Produk SKF

Produk	Perkara	Kawasan Terlibat
Tanaman	Melon	Projek Sentuhan Kasih Tenggara 3
Ternakan	Ayam	Projek Sentuhan Kasih Tenggara 3
	Tilapia	Projek Sentuhan Kasih Tenggara 3
Akuakultur	Jade Perch	Projek Sentuhan Kasih Tenggara 3
	Keli	Projek Sentuhan Kasih Tenggara 3

Sasaran dan status Projek Sentuhan Kasih FELDA adalah seperti berikut:

Jadual 4: Sasaran dan status Projek Sentuhan Kasih FELDA

Produk	Perkara	Kawasan Terlibat
Johor Bharu – SKF Tenggara 3	100	Telah Beroperasi
Kuantan – Chini Timur 2	100	Dalam Pembinaan
Raja Alias – SKF Palong	100	Dalam Pembinaan
Alor Setar – Laka Selatan	100	Dalam Pembinaan

### Program Utama

#### Sentuhan Kasih FELDA

Pada dasarnya, pelan pembangunan Projek Sentuhan Kasih ini adalah untuk membina satu kelompok komuniti Generasi Baharu di tanah rancangan FELDA dalam usaha FELDA menjamin kesinambungan masyarakat FELDA yang berdaya tahan dan berinovasi dalam menghadapi dunia global yang kian mencabar. Akan dibina sekurang-kurangnya seratus (100) unit rumah dan menjadikan kawasan perumahan tersebut sebagai komuniti **baru** FELDA dengan kemudahan-kemudahan asas yang moden seperti disediakan komponen perumahan, ladang dan infrastruktur. Peserta Projek Sentuhan Kasih FELDA ini akan diberikan pekerjaan iaitu dengan bekerja di ladang pertanian, meliputi tanaman sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan ayam dan ternakan ikan. Projek Sentuhan Kasih FELDA ini bakal dilihat sebagai nukleus untuk merealisasikan FELDA sebagai *Economic Power house*.

# JABATAN INOVASI DAN PEMBANGUNAN GENERASI BAHARU

## LATAR BELAKANG

Jabatan Inovasi dan Pembangunan Generasi Baharu telah diwujudkan pada 15 Jun 2015 selepas pemansuhannya jabatan pada 29 Februari 2015. Kewujudan semula jabatan ini telah menggabungkan Jabatan Inovasi dan Projek Khas, Sukan dan Unit Generasi Baharu iaitu didahulunya diletakkan dibawah Jabatan Pengajian Tinggi dan Pembangunan Generasi Baharu. Terdapat lima (5) unit dalam Jabatan Inovasi dan Pembangunan Generasi Baharu iaitu Unit Pentadbiran, Unit Generasi Baharu, Unit Sukan, Unit Inovasi dan Unit Akademi Bolasepak FELDA. Jabatan Inovasi Dan Pembangunan Generasi Baharu (JIPGB) ditugaskan untuk:-

- a. Melaksanakan program serta aktiviti semasa dan akan datang bagi Generasi Baharu FELDA
- b. Mengeratkan hubungan pihak pengurusan FELDA dengan badan NGO yang diiktiraf.
- c. Mewujudkan, menguruskan dan mengelolakan aktiviti Sukan peringkat FELDA dan Wilayah secara sistematik mengikut piawaian Persatuan Sukan Kebangsaan (PSK) & Persatuan Sukan Antarabangsa (PSA)
- d. Membangun mempromosikan dan mengaplikasikan inovasi sebagai usaha untuk mentransformasikan rancangan FELDA.

Corak pemikiran dan tindakan yang inovasi aktif dikalangan warga FELDA samada kakitangan mahupun komuniti FELDA adalah sangat penting demi mengharungi cabaran pada masa kini dan akan datang. Oleh itu JIPGB mempunyai tugas sangat penting mengemudi warga FELDA berdepan dengan cabaran yang besar dimasa akan datang.

## OBJEKTIF

1. Membentuk Generasi Baharu FELDA yang bersifat Kebersamaan & Kebersatuan.
2. Membangunkan dan memajukan potensi dan kualiti modal insan di kalangan Generasi Baharu FELDA
3. Membangunkan Sukan FELDA dengan melahirkan Pemain dan Pegawai dari kalangan Warga FELDA bertaraf Profesional
4. Membangunkan dan membudayakan inovasi dan kreativiti
5. Mentransformasikan FELDA menjadi *Economic Powerhouse* menerusi sukan dan inovasi.



Pengerusi & Pengarah Besar FELDA bersama pelumba FELDA di Kejohanan AAM Malaysia Cubprix



## FUNGSI DAN PERANAN

	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
a.	Menyediakan dasar dan pekeliling untuk panduan pelaksanaan kepada pihak rancangan	Medium penyampaian kepada pihak rancangan apabila terdapat perubahan dasar/pekeliling	Pelaksana kepada semua dasar / pekeliling yang telah ditetapkan
b.	Menyemak dan meluluskan permohonan dari setiap wilayah/ rancangan	Menyemak dan membuat sokongan setiap permohonan yang diterima dari pihak rancangan	Memastikan setiap borang permohonan yang dihantar adalah lengkap dan disokong di peringkat rancangan
c.	Membuat pindahan bajet ke wilayah/ rancangan	Membuat pindahan bajet ke rancangan	Merangka bajet untuk kegunaan setiap program
d.	Merangka program/ aktiviti untuk dilaksanakan di peringkat wilayah/rancangan	Membantu mendapatkan peserta dari kumpulan sasaran	Melaksanakan setiap program yang dirancang
e.	Merancang Program Transformasi Generasi Baharu dan menentukan bilangan peserta dan lokasi	Bekerjasama dengan ibu pejabat dalam menguruskan logistik di lokasi program dan pemberitahuan kepada pengurusan rancangan	Pihak pengurusan di rancangan hendaklah memaklumkan kepada peserta yang terpilih dan perlu memastikan kehadiran peserta mengikut jumlah yang ditetapkan.
f.	Mengelolakan aktiviti di peringkat Nasional	Persediaan kontijen	Penyertaan
g.	Spesifikasi, infrastruktur, aspek keselamatan terkini	Penyediaan tapak prasana dan baik pulih	Pengguna
h.	Menjalankan pelbagai projek FELDA inovasi & transformasi	Membantu menyediakan kelengkapan dan logistik program Menguruskan perolehan dan kontrak	Menyampaikan maklumat yang diperlukan berkaitan program
i.	Mengadakan pemantauan dan penilaian berterusan terhadap tahap pelaksanaan projek.	Mengumpulkan laporan atau maklumat diperingkat wilayah. Membuat pemantauan berterusan terhadap projek	Menyediakan laporan, maklumat atau data-data yang diperlukan.

## MAKLUMAT ASAS

a. Senarai Rancangan Yang melaksanakan Program *Gated Community*

Bil	Wilayah	Rancangan Terlibat
1	Alor Setar	Lubuk Merbau
2	Trolak	Sg.Behrang
3	Segamat	Ulu Belitong
4	Mempaga	Tembangau 1
5	Jengka	Jengka 24
6	Kuantan	Lepar Hilir 2
7	Terengganu	Chalok Barat
8	Gua Musang	Chiku 7
9	Johor Bahru	Air Tawar 2
10	Raja Alias	Palong 10

b. Senarai Badan NGO FELDA

Bil	Senarai NGO's
1	Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM)
2	Permuafakatan Siswa Siswi Anak FELDA (PERSADA)
3	Gabungan Profesional Anak FELDA (GAPROF)
4	Pertubuhan Usahawan Anak FELDA (PUGF)
5	Alumni Asrama Semai Bakti FELDA
6	Ikatan Seni Komuniti Anak FELDA (ISKAF)
	Agensi Usahasama FELDA
8	Yayasan FELDA
9	SERANTA (FELDA) Jabatan Perdana Menteri

## PROGRAM UTAMA

- a. **Program Transformasi**  
Program ini adalah program tahunan yang dijalankan seperti tahun-tahun sebelumnya dalam usaha membantu generasi baharu FELDA khususnya pelajar lepasan SPM untuk menyambung pengajian di Institut Penyedia Latihan yang bekerjasama dengan FELDA. Pihak Jabatan mengadakan program ini dengan kerjasama FELDA *Security Services Sdn.Bhd.* dan dijalankan kepada 11 Wilayah FELDA.
- b. **Program Memperkasa *Gated Community***  
Program Memperkasa Ahli-Ahli Keselamatan *Gated Community* Rancangan. Program ini diadakan bertujuan untuk memperkasa peranan ahli-ahli keselamatan *Gated Community* di setiap rancangan. Tanggungjawab setiap ahli sebagai pengawal keselamatan rancangan akan diterangkan secara mendalam sepanjang dalam kursus ini. Program akan melibatkan ahli-ahli keselamatan *Gated Community* di setiap wilayah.
- c. **Klinik Sukan FELDA**  
Program Klinik Sukan FELDA diadakan untuk generasi baru FELDA berumur diantara 13-23 tahun. Program ini dijalankan di seluruh Wilayah FELDA. Klinik sukan ini akan dibahagikan kepada dua (2) sukan iaitu futsal dan bola jaring.
- d. **Liga FELDA**  
Pertandingan Liga FELDA ini akan disertai oleh sebelas (11) wilayah dan satu (1) jempunan dari Akademi Bolasepak FELDA . Liga FELDA akan mengelolakan pertandingan berikut :-
  - i. Piala KOMUNITI
  - ii. Piala Pengarah Besar FELDA
  - iii. Piala Pengerusi FELDA
- e. **Akademi Bolasepak FELDA**  
Program yang melibatkan anak dan cucu peneroka menyertai Latihan Khusus Bolasepak Peringkat Awalan. Program yang ditaja penuh oleh FELDA yang menyediakan tempat tinggal, makan dan minum dan pendidikan. Sesi pembelajaran selama lima (5) tahun. Tujuan program ini bagi melahirkan dan mencungkil bakat atlet bolasepak yang berkualiti dan berdisiplin bagi mewakili pasukan FELDA United.
- f. ***Innovation Talk***  
*Innovation Talk* merupakan program bual bicara yang diadakan untuk tujuan perkongsian ilmu, pengetahuan dan pengalaman berkaitan inovasi & kreativiti, Sasaran peserta untuk program ini adalah daripada Warga FELDA yang terdiri daripada peneroka, penerokawati, generasi baharu serta para petugas. Program ini diadakan setiap bulan. Pengisian dan penceramah bagi setiap siri adalah berbeza kerana ia merangkumi inovasi & kreativiti yang meluas iaitu dalam pelbagai bidang dan cabang.
- h. **Karnival Reka Cipta dan Inovasi FELDA (KRIF)**  
Krif merupakan program pameran dan petunjukan produk dan perkhidmatan hasil daripada reka cipta dan inovatif berkaitan inovasi & kreativiti daripada seluruh FELDA dan jempunan khas kepada agensi luar. Program ini akan dilaksanakan pada bulan November dengan pelbagai aktiviti sampingan diadakan seperti anugerah inovasi, pertunjukan pentas, jualan produk, forum, lawatan dan banyak lagi.

# PERUMAHAN FELDA SDN BHD

## Latar Belakang

Jabatan Perumahan FELDA ditubuhkan pada 3 Disember 2012 bagi merealisasikan program transformasi FELDA yang melibatkan pembangunan infrastruktur, terutama pembangunan perumahan untuk generasi baharu FELDA yang mana ianya di letakkan di bawah pentadbiran FELDA. Pada 30 Januari 2013, di dalam Mesyuarat Lembaga FELDA Bil. 297, telah mempersetujui penubuhan anak syarikat baharu FELDA untuk menjalankan pembangunan aktiviti hartanah. Pada 14 Mei 2014, anak syarikat baharu FELDA ini di namakan Perumahan Felda Sdn Bhd dan juga diletakkan di bawah pengurusan FELDA. Pada Mesyuarat Lembaga FELDA bil. 318 bertarikh 21 Julai 2014, pihak FELDA telah membuat keputusan untuk memindahkan 100% Ekuiti Syarikat Perumahan Felda Sdn Bhd ("PFBSB") daripada FELDA kepada Felda Investment Corporation Sdn Bhd ("FICSB").

Berdasarkan kepada kelulusan Minit Mesyuarat Lembaga Felda Bil. 297 bertarikh 30 Januari 2015 pula, telah memutuskan penubuhan Perumahan Felda Sdn Bhd ("PFBSB") diletakkan dibawah tanggungjawab FICSB untuk melaksanakan proram PGBF ini secara khusus. PFBSB diberikan tanggungjawab untuk menguruskan pembangunan PGBF bermula dari peringkat perancangan, pembinaan, pemantauan projek, pemilihan bakal pembeli, pemasaran dan jualan serta penyelenggaraan.

Program pembangunan PGBF adalah antara projek sosial FELDA bagi memenuhi permintaan dan membantu generasi baharu FELDA yang layak memiliki hartanah yang selesa dan sempurna. Dengan pelaksanaan program ini, masalah penggunaan tanah kosong di tanah rancangan FELDA dapat diselesaikan secara sistematik dan memberi manfaat kepada semua pihak. FELDA berharap pembangunan dan pelaksanaan pembangunan perumahan yang lengkap dengan infrastruktur ini ianya setanding dengan projek yang dikendalikan

oleh pemaju swasta lain dan dapat memberikan keyakinan kepada bakal pembeli.

## Objektif

Objektif utama Program Perumahan Generasi Baharu Felda (PGBF) adalah seperti yang berikut:-

1. Melaksanakan tanggungjawab sosial kerajaan (CSR) menyediakan Perumahan rakyat luar bandar.
2. Menyiapkan 20,000 rumah mampu milik dalam tempoh 5 tahun iaitu (2013-2017)
3. Memberi peluang kepada warga Felda dirancangan memiliki rumah dan hartanah

## Maklumat Asas

Felda Investment Corporation Sdn Bhd (FICSB) bertanggungjawab mengendalikan Program Pembangunan Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) dengan menjalinkan kerjasama dengan kontraktor yang berkelayakan bagi membina dan melaksanakan pembangunan PGBF secara berperingkat dan menyeluruh mengikut sasaran dua puluh ribu (20,000) unit dibina dan disiapkan dalam masa lima (5) tahun.

Butiran pelaksanaan Program PGBF bermula daripada tahun 2013 adalah seperti jadual di bawah:

Pakej/ Wilayah	Tanah Rancangan	Keluasan (ekar)	Unit Rumah (min= 12 Unit/ ekar)
Pakej 1 ( <i>Pilot Project 1</i> )	Padang Piol	2.00	26
	Papan Timur	40.00	539
	Bukit Jalor	105.00	239
	Jumlah	147	804

Pakej/ Wilayah	Tanah Rancangan	Keluasan (ekar)	Unit Rumah (min= 12 Unit/ ekar)
Pakej 2 (Pilot Project 2)	Maokil	45.00	540
	Bkt Rokan Utara	23.00	300
	Chini 3	8.00	100
	Sg. Retang	40.00	400
	Jumlah	116	1,340
Pakej A1 Jengka	Jengka 1	6.00	120
	Jengka 11	15.00	180
	Kota Gelanggi 2	12.00	144
	Jumlah	33	444
Pakej B1 Mempaga	Sg. Koyan 1	20.00	240
Pakej C1 Kuantan	Selancar 4/5	27.00	480
	Selendang 2	30.00	360
	Keratong 4	22.00	264
	Jumlah	99	1,344
Pakej G1 Raja Alias	Pasoh 1	10.00	144
	Pasir Besar	10.00	120
	Jumlah	20	264
Pakej H1 Trolak	Gunung Besout 2	13.00	114
Package J1 Johor Baharu	Sg. Sibol	30.00	360
Package A2 Jengka	Jengka 12	8.00	50
	Jengka 6	10.00	100
	Bukit Tajau	10.00	100
Jumlah	71	724	
Package C2 Kuantan	Bukit Sagu 1	20.00	300
Package E2 Alor Setar	Sg. Tiang	8.00	80
Pakej G2 Raja Alias	Palong 8/9	20.00	300
	Palong 12	15.00	150
	Jumlah	63	830
Pakej K2 Segamat	Pemanis 1	15.00	140

Pakej/ Wilayah	Tanah Rancangan	Keluasan (ekar)	Unit Rumah (min= 12 Unit/ ekar)
Pakej E3 Alor Setar	Laka Selatan	37.00	300
Pakej F3 Terengganu	Kerteh 5	35.00	300
Pakej G3 Raja Alias	Palong 16	30.00	300
Pakej J3 Johor Bahru	Bukit Aping Timur	49.20	200
	Pasak	54.00	200
	Jumlah	220.20	1440
Pakej L3 Gua Musang	Chiku 5	30.00	300
Pakej A5 Jengka	Sg. Tekam	10.00	100
	Kg. Awah	6.00	60
	Jumlah	46	460
Pakej C5 Kuantan	Keratong 7	40.00	400
Pakej G5 Raja Alias	Pasoh 2 & 3	20.00	220
Pakej H5 Trolak	Lasah	10.00	100
Pakej J5 Johor Bahru	Inas Utara	20.00	200
Jumlah	90	920	
Jumlah keseluruhan Program Pembangunan PGBF dalam pelaksanaan		905.2	8,570

Program Pembangunan PGBF yang akan dilaksanakan pada 2016 (Pakej 6-12) mengikut wilayah dan lokasi:

Bil	Lokasi	Jumlah Unit	Keluasan (hek)
Wilayah Mempaga (Bentong, Pahang)			
1	Mempaga 3	170	30
2	Triang 1	100	16
3	Lakum	100	25
4	Chegar Perah 1	25	6
5	Tembangau 2	100	30
6	Kechau 1	29	10

Bil	Lokasi	Jumlah Unit	Keluasan (hek)
7	Krau 1	80	10
8	Jenderak Selatan	100	18
9	Kumai	300	25
10	Sg Kemahal	190	16.5
Jumlah Wilayah Mempaga		1,194	186.5
Wilayah Jengka (Jengka, Pahang)			
11	Sg Tekam Utara	50	28
12	Jengka 5	150	15
13	Jengka 15	50	17
14	Jengka 20	200	27
15	Jengka 24	150	16
16	Jengka 22	90	8
17	Jengka 9	50	7
Jumlah Wilayah Jengka		740	118
Wilayah Kuantan (Pahang)			
18	Kg New Zealand	29	5
19	Chini 2	20	10
20	Chini Timur 2	29	25
21	Sg. Pancing Selatan	100	10
22	Lepar Hilir 1	50	5
23	Lepar Hilir 2	100	19
24	Chini 4/5	30	4
Jumlah Wilayah Kuantan		358	78
Wilayah Johor Bahru (Johor)			
25	Air Tawar 4	100	10
26	Tunggal	200	25
27	Semenchu	40	3.5
28	Tenggaroh Selatan 1	29	7
29	Air Tawar 5	150	15
30	Tenggaroh 1	50	8
Jumlah Wilayah Johor Bahru		569	68.5
Wilayah Alor Setar (Kedah)			
31	Bukit Tembaga	29	3

Bil	Lokasi	Jumlah Unit	Keluasan (hek)
32	Teloi Timur	24	2
Jumlah Wilayah Alor Setar		53	5
Wilayah Raja Alias (Negeri Sembilan)			
33	Pasoh 4	80	10
34	Jelai 2	150	44
35	Lui Timur	120	40
36	Titi	29	9
37	Lui Muda	80	8
38	Kepis 1	30	3
39	Lui Selatan 1	30	3
40	Palong 1	50	10
41	Palong 4	50	6
42	Palong 9	50	65
43	Bukit Rokan	50	38
44	Bukit Rokan Barat	50	15
Jumlah Wilayah Raja Alias		769	251
Wilayah Segamat (Johor)			
45	Palong Timur 1	150	20
46	Redong	100	12
47	Bkt Senggeh	140	13.6
48	Bkt Serampang	120	18
49	Medoi	100	10
50	Chemplak	100	20
51	Bukit Permai	29	5
52	Kahang Timur	80	8
53	Nitar 1	70	7
54	Nitar 2	50	5
Jumlah Wilayah Segamat		939	118.6
Wilayah Trolak (Selangor, Perak)			
55	Lawin Utara	40	20
56	Nenering	29	8
57	Bersia	29	5
58	Gunung Besout	306	35
59	Sg Tenggi Selatan	200	18

Bil	Lokasi	Jumlah Unit	Keluasan (hek)
	Jumlah Wilayah Trolak	604	86
<b>Wilayah Terengganu</b>			
60	Mengkawang	29	20
61	Cherul 1	60	7
62	Bukit Bading	30	20
63	Belara	50	7
64	Jerangau Barat	50	20
65	Chalok Barat	50	8
	Jumlah Wilayah Terengganu	269	82
<b>Wilayah Gua Musang (Kelantan)</b>			
66	KEMAHANG	100	15
	Jumlah Wilayah Gua Musang	100	15
	Jumlah Keseluruhan	5,595	1,009

Perancangan pakej Program Pembangunan PGBF untuk tahun 2016:

Bil.	Pakej	Anggaran unit rumah
1	Pilot 1, Pilot 2 & Pakej 1-5	8,570
2	Pakej 6-12 ( 66 Tapak sedia ada)	5,595
3	Pakej 6-12 (carian Tapak <b>Baru</b> )	4,725
4	Pakej 6-12 (belum ada Tapak)	1,110
	Jumlah Keseluruhan Cadangan PGBF 2016	20,000

## Fungsi Dan Peranan

PFSB akan dibahagikan kepada 3 bidang fungsian utama seperti yang dinyatakan di bawah:

1. Perancangan.  
Fungsi perancangan akan mempunyai 3 kawasan fokus. Yang pertama adalah untuk menguruskan PGBF berhubung dengan tuntutan mereka untuk rumah-rumah dan semua Jawatankuasa perhubungan dan aktiviti yang diperlukan untuk menempatkan mereka. Kedua adalah merancang untuk semua pembangunan dan menguruskan semua urusan tanah dan kelulusan pembangunan. Ketiga adalah untuk merekabentuk rumah-rumah dan bersedia untuk pembinaan.
2. Pelaksanaan.  
Pelaksanaan akan menguruskan semua aktiviti pembinaan dan Pengurusan Kontrak.
3. Pengurusan Operasi.  
Fungsi pemulihan akan menguruskan harta semasa sewa dan kemudian melaksanakan proses jualan. Dalam tempoh sewaan bahagian pemulihan akan mengambil sewa dan memastikan penyewa menjaga rumah dalam keadaan baik.

# JABATAN PENDIDIKAN FELDA

## LATAR BELAKANG

Jabatan Pendidikan diwujudkan mulai 15 Jun 2015 dari penggabungan 2 Jabatan iaitu Jabatan Pendidikan Menengah & Rendah beserta Jabatan Pengajian Tinggi & Pembangunan Generasi Baharu.

## OBJEKTIF

1. Memastikan generasi muda FELDA mempunyai nilai sahsiah yang tinggi serta berupaya mencapai kecemerlangan pendidikan seterusnya merealisasikan aspirasi Negara
2. Membangun dan memperkasakan potensi generasi baharu FELDA dengan menyediakan peluang-peluang untuk menyambung ke peringkat pengajian tinggi.

## PROGRAM UTAMA

### UNIT PEMBANGUNAN DISIPLIN DAN KEROHANIAN DAN ASRAMA SEMAI BAKTI (ASBF)

#### Program Sarana Ibu Bapa Dan Sarana Sekolah

FELDA melalui Jabatan Pendidikan menyahut seruan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dengan mengatur, merancang dan melaksanakan pelbagai program pendidikan, latihan dan kemahiran termasuklah program Sarana Ibu Bapa dan Sarana Sekolah.

Sarana Ibu Bapa merupakan salah satu inisiatif kebangsaan bagi melibatkan ibu bapa dalam pembelajaran anak-anak di dalam dan di luar sekolah

demi kecemerlangan masa hadapan anak-anak. Ibu Bapa berperanan sebagai penyediaan suasana pembelajaran di rumah, menunjuk cara interaksi sosial yang baik dan mempunyai daya sokongan yang sangat tinggi terhadap kecemerlangan anak-anak. Sekolah pula memperkenalkan murid kepada iklim sekolah, komunikasi berkesan serta memberi sokongan terhadap kejayaan murid. Selain ibu bapa dan guru, pembabit masyarakat setempat, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan pihak swasta juga diperlukan dalam menghulurkan bantuan dari segi curahan idea, menambah baik kemudahan sekolah serta bantuan kewangan untuk membangunkan pendidikan Negara.

#### Objektif

1. Menggalakkan penglibatan ibu bapa dalam memacu kecemerlangan anak-anak terutama dalam bidang akademik.
2. Menyalurkan info dan maklumat kepada ibu bapa terutama dalam kontek kemahiran keibu bapaan
3. FELDA sebagai badan penghubung antara guru, ibu bapa dan pelajar
4. Mengurangkan masalah salah laku disiplin di kalangan pelajar



## Pelaksanaan

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang program</li> <li>• Bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)</li> <li>• Bekerjasama dengan MAPAN</li> <li>• Melaksanakan pemantauan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyalurkan maklumat kepada rancangan dan sekolah</li> <li>• Melaksanakan program dan pelaporan</li> <li>• Bekerjasama dengan PPD/JPN</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengumpul data dan maklumat ibu bapa dan pelajar</li> <li>• Menjalinkan kerjasama yang baik dengan pengurusan sekolah</li> <li>• Menghantar laporan kepada wilayah dan Ibu Pejabat</li> </ul>

## Tindakan

1. Melaksanakan “Bengkel Sarana Ibu Bapa dan Sarana Sekolah” dengan mengadakan kerjasama dengan agensi – agensi yang berkaitan seperti KPM, JPN dan MAPAN. Penyertaan peserta terdiri daripada YDP PIBG Sekolah Menengah & Rendah, Penolong Pengurus Besar Wilayah, Pegawai Pendidikan Wilayah, Pengurus Rancangan, Pengerusi JKRR, Pengerusi GPW, Pengerusi Belia dan Exco Pendidikan.
2. Melaksanakan “Seminar Permata Bangsa”
3. Melaksanakan “Seminar Kemahiran Keibubapaan”
4. Melaksanakan kem “Pembangunan Akhlak dan Jati Diri” kepada pelajar yang mengikuti projek rintis Biofeedback pada tahun 2014

## Program Kemahiran Keibubapaan/ *Parenting Skills*

Mendidik dan membentuk anak-anak menjadi insan yang berjaya dalam segenap aspek merupakan tanggungjawab ibu dan bapa sebagaimana hadis nabi yang bermaksud, apabila lahirnya seorang anak adam itu, maka ibu bapanya lah yang akan mencorakkan mereka sama ada Majusi, Yahudi atau Nasrani. Selaras dengan itu, program Ibu Bapa Prihatin, Anak Cemerlang, Sekolah Terbilang akan dilaksanakan di semua wilayah bagi memberi pendedahan mengenai ibu bapa sebagai *role model* kepada anak-anak dan juga penerapan pendekatan para anbiya dan para Sahabat.

## Objektif

1. Menerapkan teknik-teknik kemahiran keibu bapaan
2. Ibu bapa sebagai role model kepada anak-anak
3. Membawa pendekatan para anbiya dan para Sahabat dalam pendidikan anak-anak
4. Membantu ibu bapa melahirkan anak-anak yang cemerlang dunia dan akhirat

## Pelaksanaan

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang program</li> <li>• Menyediakan peruntukan</li> <li>• Mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanaan program</li> <li>• Menyediakan lokasi dan peserta</li> <li>• Menyediakan laporan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapatkan peserta</li> <li>• Mengatur perjalanan peserta ke lokasi program</li> </ul>

## Tindakan

1. Menyediakan kertas kerja program yang lengkap mengikut prosuder pentadbiran dan kewangan FELDA dan mendapatkan kelulusan pengurusan FELDA
2. Menjalinkan kerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan

4. Mengatur siri program di semua wilayah FELDA
5. Menyediakan laporan pelaksanaan program

### Program *Biofeedback*

Program *Biofeedback* merupakan program pemulihan pelajar bermasalah disiplin yang dilaksanakan dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang (UMP). Program ini dijalankan bertujuan mengukur prestasi dalam individu dengan menggunakan teknologi *Biofeedback*. Teknik ini akan diguna pakai terhadap murid-murid yang mengalami masalah disiplin di tahap yang serius.

### Objektif

1. Mengurangkan masalah disiplin di kalangan generasi **baru** FELDA
2. Membangunkan modul intervensi salah laku disiplin di kalangan pelajar sekolah menengah.
3. Membangunkan protokol *biofeedback* untuk membantu pelajar membuat perubahan tingkahlaku.
4. Melatih guru-guru menggunakan modul dan protokol *biofeedback*

### Pelaksanaan

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang program</li> <li>• Mengenalpasti sekolah yang mempunyai jumlah masalah disiplin yang tertinggi di bawah sistem e-disiplin</li> <li>• Bekerjasama dengan Universiti Malaysia Pahang (UMP)</li> <li>• Bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)</li> <li>• Bekerjasama dengan MAPAN</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyalurkan maklumat kepada rancangan dan sekolah</li> <li>• Melaksanakan program dan pelaporan</li> <li>• Bekerjasama dengan PPD/ JPN</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengumpul data dan maklumat ibu bapa dan pelajar</li> <li>• Menjalinkan kerjasama yang baik dengan pengurusan sekolah</li> <li>• Menghantar laporan kepada wilayah dan Ibu Pejabat</li> </ul>

### Tindakan

1. Menyediakan maklumat sekolah yang bermasalah dengan menggunakan system e-disiplin
2. Memperkukuhkan rantaian kerjasama dengan UMP, KPM, JPN, PPD dan sekolah.
3. Mengatur siri perbincangan dengan UMP
4. Mengadakan siri penerangan dan latihan kepada sekolah yang terlibat
5. Membekalkan alatan *biofeedback*, modul dan protokol kepada sekolah-sekolah yang terlibat

### Program Pengislahan Sahsiah Pelajar/ Remaja

Mendidik dan membentuk anak-anak FELDA menjadi insan yang berjaya baik dari segi akademik, sahsiah dan agama merupakan salah satu tanggungjawab bersama ke arah transformasi FELDA.

Fenomena masalah gejala sosial di kalangan pelajar/remaja seperti buli, pergaulan bebas, zina dan buang anak adalah suatu masalah yang membimbangkan dan memberi kesan buruk kepada kesejahteraan masyarakat.

Program Pengislahan sahsiah pelajar/remaja akan dilaksanakan bagi menerapkan nilai-nilai jati diri yang kukuh dalam usaha mengimbangi kejayaan akademik selari dengan kejayaan modal insan.

## Objektif

1. Memupuk pelajar/ remaja agar mampu belajar menguasai diri sendiri, mengurus kesihatan reproduksi diri agar memiliki gaya hidup yang sihat dan positif
2. Memacu usaha-usaha amar makruf nahi mungkar melalui pembinaan jati diri pelajar/ remaja
3. Mencegah pelakuan gejala sosial daripada terus berleluasa
4. Dilaksanakan kepada pelajar/ remaja peringkat sekolah menengah dan pelajar siswa/ siswi FELDA

## Pelaksanaan

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang program</li> <li>• Mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan peserta</li> <li>• Melaksanakan program dan pelaporan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapatkan data pelajar yang bermasalah</li> <li>• Menjalinkan kerjasama yang baik dengan pengurusan sekolah serta keluarga peneroka</li> </ul>

## Tindakan

1. Menyediakan kertas kerja program yang lengkap mengikut prosuder pentadbiran dan kewangan FELDA dan mendapatkan kelulusan pengurusan FELDA
2. Menjalinkan kerjasama dengan agensi – agensi yang berkaitan seperti JAKIM, YADIM dan NGO yang berkaitan
3. Mengatur siri program di peringkat sekolah/ wilayah/ siswa dan siswi FELDA
4. Menyediakan laporan pelaksanaan program

## Program Pemantapan Solat Sebagai Teras Integriti

Program Pemantapan Solat Sebagai Teras Integriti adalah sebagai usaha ke arah memantapkan integriti pelajar/ remaja selaras dengan syariat yang ditetapkan oleh Allah SWT serta ajaran Rasulullah SAW iaitu menunaikan solat dengan sempurna akan dapat menghalang seseorang daripada perbuatan keji dan mungkar.

## Objektif

1. Membentuk jati diri dan benteng yang kukuh dalam diri seorang pelajar muslim
2. Memupuk pelajar/ remaja agar mampu belajar menguasai diri sendiri, mengurus kesihatan reproduksi diri agar memiliki gaya hidup yang sihat dan positif
3. Memacu usaha-usaha amar makruf nahi mungkar melalui pembinaan jati diri pelajar/ remaja
4. Mencegah pelakuan gejala sosial daripada terus berleluasa
5. Dilaksanakan kepada pelajar/ remaja peringkat sekolah menengah dan pelajar siswa/ siswi FELDA

## Pelaksanaan

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang program</li> <li>• Mengadakan kerjasama dengan agensi-agensi yang berkaitan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan peserta</li> <li>• Melaksanakan program dan pelaporan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendapatkan data pelajar yang bermasalah</li> <li>• Menjalinkan kerjasama yang baik dengan pengurusan sekolah serta keluarga peneroka</li> </ul>

## Tindakan

1. Menyediakan kertas kerja program yang lengkap mengikut prosuder pentadbiran dan kewangan FELDA dan mendapatkan kelulusan pengurusan FELDA
2. Menjalinkan kerjasama dengan agensi – agensi yang berkaitan seperti JAKIM, YADIM dan NGO yang berkaitan
3. Mengatur siri program di peringkat sekolah/wilayah/siswa dan siswi FELDA
4. Menyediakan laporan pelaksanaan program

## Memperkasakan Pentadbiran, Pengurusan Dan Pencapaian Akademik Asrama Semai Bakti FELDA (Asbf) Kuala Lumpur, Johor Bahru Dan Kuantan

Melonjak ke tahun 2016, FELDA melalui Jabatan Pendidikan berterusan merangka program akademik, sukan, sahsiah dan kerohanian di ASBF dalam usaha meningkatkan reputasi pencapaian ASBF.

## Objektif

1. Menjamin kualiti pencapaian pelajar ASBF sama ada akademik, *attitude* dan potensial.
2. Mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif
3. Memperkasakan program-program pembangunan pelajar sama ada akademik dan jati diri
4. Memantapkan pentadbiran dan pengurusan ASBF
5. Menyediakan pendidikan yang holistik yang merangkumi bidang sains dan sastera (melalui pembukaan aliran tahfiz di ASBF Kuantan)

## Pelaksanaan

Ibu Pejabat	Rancangan/ Projek
<ul style="list-style-type: none"><li>• Merancang pendekatan yang sesuai bagi pemantapan pengurusan ASBF dari masa ke semasa</li><li>• Mengurus pengambilan pelajar tingkatan satu pada setiap tahun</li><li>• Melakukan tinjauan dan pemantauan ke asrama</li><li>• Sentiasa bersama-sama pengurusan asrama</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Mengurus pendaftaran dan penempatan pelajar</li><li>• Mengadakan kerjasama dengan sekolah-sekolah yang ditempatkan pelajar</li><li>• Menjalinkan hubungan baik dengan ibu bapa pelajar</li><li>• Memastikan kemudahan prasarana dan keperluan pelajar mencukupi</li><li>• Menyediakan laporan bulanan aktiviti yang dilaksanakan</li><li>• Menyediakan laporan pencapaian akademik pelajar</li><li>• Merancang dan mengatur program rutin para pelajar seperti kelas prep, agama, sukan dan lain-lain</li></ul>

## Tindakan

1. Jabatan Pendidikan sebagai badan penghubung kepada pentadbiran dan pengurusan ke tiga-tiga Asrama Semai Bakti FELDA.
2. Pengurusan asrama perlu mengadakan orientasi, mengatur jadual kelas tuisyen, lawatan dan program motivasi untuk pelajar
3. Mengenalpasti isu permasalahan berkaitan pengurusan asrama dan murid melalui pemerhatian dan pemantauan

## UNIT PEMBANGUNAN AKADEMIK & PROGRAM KHAS

### Makmal STEM (*Science, Technology, Engineering & Mathematics*)

FELDA dengan kerjasama Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia akan menubuhkan Makmal STEM hasil daripada lawatan Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Hj. Abdul Razak semasa melancarkan Program Perkhemahan Bitara STEM di MRSM FELDA Trolak pada 6 Jun 2014. Makmal STEM akan ditubuhkan di empat buah sekolah yang terpilih iaitu MRSM FELDA Trolak, SMK Jengka Pusat, SMK Triang 3 dan SMK Semenchu.

### Objektif

1. Membudayakan pembelajaran STEM di kalangan generasi baharu.
2. Melatih guru dan murid dalam bidang pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik
3. Menjadikan makmal STEM sebagai pusat aktiviti ko-kurikulum murid
4. Menjadikan galeri STEM sebagai pusat rujukan kepada guru dan murid-murid bagi mencetus dan menimbulkan minat generasi baharu FELDA terhadap mata pelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan & Matematik
5. Mengukuhkan semangat kekitaan Komuniti FELDA melalui penglibatan guru-guru dan murid sekolah

### Pelaksanaan

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengadakan perbincangan di antara FELDA, UKM &amp; KPM dalam melancarkan lagi pelaksanaan Makmal STEM</li> <li>• Melaksanakan pemantauan dan memastikan pengisian program STEM dilaksanakan dengan teratur</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Bekerjasama dengan pihak ibu pejabat dalam membuat pemantauan di sekolah yang terpilih</li> <li>• Mendapatkan sokongan daripada warga rancangan menerusi PIBG</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyampaikan maklumat berkenaan penubuhan Makmal STEM kepada warga rancangan</li> <li>• Membuat pemantauan dan mewujudkan jaringan hubungan yang baik dengan pihak sekolah dan ibu bapa bagi memastikan pelajar mengikuti program STEM</li> </ul>

### Maktab Rendah Sains Mara FELDA (MRSMF)

Maktab Rendah Sains MARA FELDA (MRSMF) mula beroperasi pada secara rasminya pada 01 Disember 2007 di Feldajaya Utara, Trolak, Perak. MRSMF diletakkan di bawah seliaan Jabatan Pendidikan Menengah & Rendah (yang kini dikenali sebagai Jabatan Pendidikan) bermula tahun 2013. MRSMF boleh menempatkan seramai 1,050 murid pada satu masa secara keseluruhan merangkumi murid tingkatan 1 hingga tingkatan 5. Dasar pengambilan murid ke MRSMF adalah mengikut pecahan 80 peratus dari kalangan warga peneroka dan 20 peratus dari kalangan awam.

Namun, mulai tahun 2014, pecahan ini telah diubah kepada 50:50 berikutan kurangnya permohonan dikalangan warga peneroka untuk menyambung pengajian di MRSMF. Walaubagaimanapun, kuota 30% lagi dipecahkan ke MRSM lain yang ada di seluruh Malaysia.

## Objektif

1. Menjayakan agenda pendidikan FELDA dan MARA sebagai usaha untuk memartabatkan bangsa melayu menerusi pendidikan agar lebih perkasa dalam menghadapi era globalisasi.
2. MRSM FELDA akan bergerak maju dengan slogan maktab "Transformasi Menuju Kejuaraan"
4. Meningkatkan pencapaian pelajar terutamanya generasi baharu FELDA melalui program-program kecemerlangan yang diadakan di MRSMF.

## Pelaksanaan

Ibu Pejabat	Pengurusan MRSM FELDA
<ul style="list-style-type: none"><li>• Merancang aktiviti pembangunan murid dan pengurusan MRSM FELDA</li><li>• Membuat pemantauan berkala ke MRSM FELDA</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Melaksanakan aktiviti yang dirancang dan menghantar laporan berkala ke Ibu Pejabat</li><li>• Mengadakan orientasi, mengatur jadual kelas tuisyen, lawatan dan program motivasi untuk pelajar</li><li>• Mengenalpasti isu permasalahan berkaitan pengurusan asrama dan murid melalui pemerhatian dan pemantauan</li></ul>

### Program Centre For British Teachers (CFBT)

Program CFBT merupakan program yang melibatkan perkhidmatan dua orang Guru Bahasa Inggeris (*English Native Speakers*) dari United Kingdom (UK) untuk ditempatkan di Maktab Rendah Sains MARA FELDA (MRSMF) mulai 23 Jun 2014 hingga 22 Jun 2016 yang dikendalikan oleh Syarikat CFBT. Guru-guru ini juga akan menjadi sebahagian daripada pasukan tenaga pengajar di MRSMF bagi subjek Bahasa Inggeris iaitu dengan menjadi pembimbing kepada guru Bahasa Inggeris MRSMF.

## Objektif

1. Memperkenalkan kaedah baharu yang memberi keseronokan kepada pelajar dan juga guru untuk menjadikan sesi pembelajaran Bahasa Inggeris lebih menarik.
2. Meningkatkan keyakinan murid untuk bertutur dengan lancar di samping meningkatkan pencapaian Bahasa Inggeris.

## Pelaksanaan

Ibu Pejabat	Pengurusan MRSM FELDA
<ul style="list-style-type: none"><li>• Membuat pemantauan dan mengadakan kerjasama dengan agensi berkaitan</li><li>• Membuat pemantauan berkala ke MRSM FELDA</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Memantau aktiviti yang dirancang</li><li>• Menghantar laporan berkala ke Ibu Pejabat</li><li>• Memastikan pihak CFBT merancang aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan dengan berkesan.</li></ul>

### Dana Kecemerlangan Pendidikan FELDA (DKPF)

Dana Kecemerlangan Pendidikan FELDA dilaksanakan bagi memperkasakan lagi pencapaian murid-murid di rancangan FELDA. Melalui program ini, sejumlah dana akan disalurkan oleh FELDA kepada sekolah bagi membolehkan sekolah menggunakan dana tersebut untuk melaksanakan program-program strategik yang lebih terancang dalam meningkatkan pencapaian mengikut pendekatan dan kaedah yang lebih sesuai dengan keadaan dan keperluan sekolah tersebut. Bermula tahun 2015, DKPF hanya akan diberikan kepada murid Tahun 6 dan Tingkatan 5 sahaja. Selain itu, bermula tahun 2015 juga, bayaran akan dikenakan kepada ibu bapa/penjaga murid Tahun 6 dan Tingkatan 5 bagi menimbulkan rasa tanggungjawab dikalangan ibu bapa/penjaga dalam usaha untuk melonjakkan kecemerlangan murid-murid FELDA.

## Objektif

1. Program ini diadakan untuk membantu sekolah merancang dan melaksanakan program-program strategik kecemerlangan yang sesuai bagi murid-murid Tahun 6 dan Tingkatan 5.
2. Memberi ruang yang lebih luas dan mendorong kreativiti dan inovasi di kalangan pemimpin sekolah serta guru-guru untuk melaksanakan program-program strategik yang dirasakan sesuai dan relevan dengan keadaan dan keperluan sekolah serta murid mereka.
3. Memperkasakan dan meningkatkan kecemerlangan generasi baharu FELDA dalam peperiksaan awam.

## Pelaksanaan

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediakan peruntukan DKPF kepada Wilayah mengikut bilangan murid Tahun 6 dan Tingkatan 5</li> <li>• Membuat pemantauan program yang telah dilaksanakan oleh pihak sekolah</li> <li>• Memastikan dana yang disalurkan sesuai dan mencukupi bagi pelaksanaan program-program strategik kecemerlangan yang telah dirancang oleh pihak sekolah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menyediaan peruntukan DKPF kepada rancangan berdasarkan anggaran dan kelulusan perbelanjaan aktiviti yang telah diluluskan oleh Jabatan Pendidikan</li> <li>• Menyediakan laporan rumusan perbelanjaan mengikut fasa</li> <li>• Memastikan agar pihak sekolah merancang aktiviti-aktiviti yang akan dijalankan berdasarkan peruntukan yang telah diluluskan dan tidak melebihi peruntukan yang telah diluluskan oleh Jabatan Pendidikan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Setiap rancangan perlu menubuhkan Jawatan Kuasa Pengurusan DKPF bagi memantau pelaksanaan DKPF ini di peringkat rancangan</li> <li>• Memantau program-program yang telah dirancang oleh pihak sekolah</li> </ul>

## Pusat Pembelajaran Sains (PPS)

Penubuhan Pusat Pembelajaran Sains (PPS) di sekolah harian berasrama akan menjadi penggerak atau pemangkin yang lebih berkesan kepada semua aktiviti yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bagi mata pelajaran Sains dan Matematik Tambahan di kalangan murid-murid luar bandar yang berprestasi sederhana (sekurang-kurangnya memperolehi gred C) bagi mata pelajaran Sains, Bahasa Inggeris dan Matematik di peringkat Penilaian Menengah Rendah). Murid yang sederhana pencapaiannya sudah tentu memerlukan sistem pembelajaran yang lebih terancang dan berfokus, masa belajar yang lebih serta sokongan dan pengawasan yang berterusan untuk membolehkan mereka ini lulus dengan baik. FELDA telah bersetuju untuk meneruskan pelaksanaan PPS di 16 buah sekolah bermula sesi persekolahan 2015. Senarai sekolah yang terlibat dengan PPS adalah seperti berikut:

Bil	Wilayah	Bil	Nama Sekolah	Bil	Wilayah	Bil	Nama Sekolah
1	Kuantan	1	SMK Muadzam Shah	6	Gua Musang	9	SMK Kemahang
		2	SMK Lepar			10	SMK Chiku 2
		3	SMK Lepar Utara			7	Terengganu
2	Segamat	4	SMK Nitar	12	SMK Cheneh Baru		
		5	SMK Jengka 2	13	SMK Pelong		
3	Jengka	4	Raja Alias	8	Mempaga	14	SMK LKTP Purun
6	SMK Lui Barat					15	SMK Kuala Repas
5	Johor Bahru	7	SMK Tenggaroh 2	9	Sahabat	16	SMK Umas-Umas
		8	SMK Bandar Penawar				



## Objektif

1. PPS diwujudkan sebagai salah satu inisiatif menyokong pelaksanaan dasar 60:40 dalam memberi peluang lebih luas kepada murid-murid luar bandar, khususnya di rancangan FELDA untuk mengambil jurusan Sains Tulen.
2. Pelaksanaan PPS di sekolah harian berasrama khususnya di rancangan FELDA adalah untuk menambah jumlah bilangan murid Sains di kalangan murid luar bandar khususnya generasi baharu FELDA.
3. Meningkatkan minat murid terhadap pelajaran *Science, Technology, Engineering & Mathematics (STEM)*.

## Pelaksanaan

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek	Pengurusan Sekolah
<ul style="list-style-type: none"><li>• Melaksanakan pemantauan dan mengadakan kerjasama dengan agensi berkaitan</li><li>• Menyediakan peruntukan kepada pihak Wilayah berdasarkan jumlah yang telah dimohon oleh pihak Wilayah</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Memujudkan jaringan hubungan yang baik dengan pihak berkaitan seperti JPN dan PPD</li><li>• Memastikan pihak sekolah melaksanakan dan mencapai objektif pelaksanaan PPS</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Memujudkan jaringan hubungan yang baik dengan pihak sekolah dan agensi berkaitan</li><li>• Memantau pelaksanaan PPS di peringkat sekolah</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Memastikan kuota pengambilan pelajar 70:30 (Waris FELDA: Bukan Waris) di penuhi</li><li>• Memastikan pelaksanaan PPS berjalan dengan lancar dan objektif PPS tercapai</li></ul>



Pelajar Nilai Universiti Bersama warga peneroka dalam Program "Sireh Pulang Ke Gagang" di Felda Keratong 3

### Pra-Universiti (Tingkatan 6)

Bermula pertengahan tahun 2015, Jabatan Pendidikan FELDA mula memberi fokus untuk memantau dan merancang aktiviti kecemerlangan kepada murid Pra-Universiti (Tingkatan 6) di beberapa sekolah yang menempatkan waris FELDA. Berikut adalah senarai sekolah yang menyediakan kelas Pra-Universiti (Tingkatan 6) di rancangan FELDA.

#### Senarai Nama Sekolah Tingkatan 6 (Dalam Rancangan FELDA) Tahun 2015

Bil	Wilayah	Bil	Nama Sekolah
1	Raja Alias	1	SMK Lui Barat
2	Segamat	2	SMK Palong Timur
3	Johor Bharu	3	SMK Adela
		4	SMK Bandar Mas
		5	SMK Easter
		6	SMK Tenggaroh
4	Terengganu	7	SMK Landas
		8	SMK Cheneh Baru
		9	SMK Menerong
		10	SMK Chalok
		11	SMK Ketengah Jaya
5	Gua Musang	12	SMK Bandar Chiku

Bil	Wilayah	Bil	Nama Sekolah
6	Kuantan	13	SMK Selancar
		14	SMK Chini
7	Mempaga	15	SMK Purun
		16	SMK Tersang
8	Jengka	17	SMK Jengka Pusat
		18	SMK Jengka 16
		19	SMK Jengka 2
9	Sahabat	20	SMK Desa Kencana
		21	SMK Umas-Umas
		22	SMK Tungku
10	Alor Setar	23	SMK Lubok Merbau



Program Ramah Mesra Pelajar LimKokWing Bersama FELDA di Grand Ballroom, Menara FELDA

# UNIT BANTUAN & PENGANJURAN

## PENGAJIAN TINGGI

### Dana Khas Pelajar Cemerlang Ke Luar Negara

Dana khas mula dilaksanakan pada 2006 bertujuan untuk memberi bantuan kewangan kepada anak-anak warga FELDA yang cemerlang Peperiksaan SPM untuk melanjutkan pengajian ke Universiti-universiti terkemuka di seluruh dunia. Sehingga kini, seramai 16 orang penerima Dana Khas sedang melanjutkan pengajian di luar Negara dan seramai 21 orang sedang mengikuti Program Persediaan ke Luar Negara di Kolej Yayasan UEM Lembah Beringin. Manakala seramai 11 orang pelajar akan melanjutkan pengajian ke luar negara pada Julai-September 2015 ini. Sementara itu, seramai 66 orang penerima Dana Khas ini telah menamatkan pengajian dan bekerja bersama FELDA, menyambung pengajian atau bekerja bersama agensi luar. Mesyuarat Lembaga FELDA Bil. 326 bertarikh 24 Mac 2015 telah meluluskan Pembiayaan Program Persediaan adalah 100% biasiswa dan pembiayaan pelajar di luar negara adalah berbentuk Pinjaman Boleh Ubah mengikut keputusan akademik para pelajar. Peratusan bayaran kembali pinjaman adalah seperti berikut :

Bil	Pencapaian	% Bayaran Pelajar	% Sumbangan FELDA
1	Ijazah Kelas Pertama atau setaraf dengannya	0%	100%
2	Ijazah Kelas Kedua (Atas) atau setaraf dengannya	0%	100%
3	Ijazah Kelas Kedua (Bawah) atau setaraf dengannya	20%	80%
4	Ijazah Kelas Ketiga atau setaraf dengannya	20%	80%
5	Gagal	100%	0%

### Dana Khas Pelajar Cemerlang ke Luar Negara FELDA

Tahun	Negara	Kursus	Universiti	Bil. Pelajar
Kemasukan 2012	Australia	Kejuruteraan	Southampton	1
			Surrey	1
		Bioteknologi	Monash	1
		Veterinar	Sydney	1
		Pertanian	Adelaide	1
	United Kingdom	Kejuruteraan	Southampton, Surrey	1
<b>Jumlah</b>				<b>6</b>
Kemasukan 2013	United Kingdom	Kejuruteraan	Edinburgh, Sheffield	1
			Nottingham	3
		Ekonomi	Birmingham	1
		Aeroangkasa	Sheffield	1
	London	Sains Biomedikal	Queen Mary London	1
	Scotland	Perubatan Veterinar	Glasgow	1
<b>Jumlah</b>				<b>8</b>



Tahun	Negara	Kursus	Universiti	Bil. Pelajar
Kemasukan 2014	Amerika Syarikat	Kejuruteraan Mekanikal	University at Buffalo	1
	United Kingdom	Perakaunan	Cardiff University	1
Jumlah				2
Kemasukan 2015 (Jan)	Jerman	Kejuruteraan Kimia		1
	Jerman	Kejuruteraan Kimia		1
Jumlah				2
Kemasukan 2015 (Julai-September)	Ireland	Perubatan	College Cork, Ireland	1
		Perubatan	University College Dublin & Penang Medical College, Malaysia	2
			Royal College Of Surgeons & Penang Medical College, Malaysia.	1
	United Kingdom	Perubatan	University Of York, Heslington	2
			University Of Aberdeen	1
		Bioteknologi dan Mikrobiologi	Loughborough University	1
			University Of Herriot Watt, Edinburgh, Scotland	1
Kejuruteraan	Strathclyde Glasgow, Scotland	1		
Jumlah				10
Jumlah Keseluruhan				28



## Pelajar Program Persediaan ke Luar Negara

Bil	Institusi	Program	Tahun Kemasukan	Bil Pelajar
1	Kolej Yayasan UEM (KYUEM)	A-Level Cambridge	2014	15
2	Kolej Yayasan UEM (KYUEM)	A-Level Cambridge	2015	6
Jumlah Keseluruhan				21

- KYUEM : Kolej Yayasan *United Engineers Malaysia*
- IINTEC : *International Education College*

## Pelajar Tajaan FELDA Di Luar Negara Tamat Pengajian

Tahun	Negara	Bil. Pelajar
Tamat 2011	United Kingdom	6
Jumlah		6
Tamat 2012	United Kingdom	10
	Amerika Syarikat	2
	Australia	5
Jumlah		17
Tamat 2013	Australia	9
	United Kingdom	6
	Ireland	1
Jumlah		16
	United Kingdom	7
	Australia	8
Jumlah		15
Tamat 2015	United Kingdom	8
	Australia	1
Jumlah		9
Jumlah Keseluruhan		63

Jangkaan pelajar Dana Khas ke Luar Negara Yang Akan Menamatkan Pengajian Pada Tahun 2016

## Bantuan Anak Peneroka FELDA

### Skim Insentif Anak Peneroka (SIAP)

Bantuan Pendidikan Tinggi Anak Peneroka telah diperkenalkan sejak tahun 2004. Skim Insentif Anak Peneroka (SIAP) merupakan sumbangan khas FELDA yang diberikan kepada anak-anak peneroka FELDA yang berjaya mendapat tempat di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Awam dan Swasta yang disenaraikan FELDA. Kadar bayaran insentif yang diberikan adalah berbeza mengikut peringkat Pengajian pelajar. Kadar Insentif yang diperuntukan adalah seperti berikut:

Tahap Pengajian	Jumlah Insentif
Diploma	RM 500
Ijazah	RM 1000
Ijazah Luar Negara	RM 1500



### Objektif

Bantuan ini bertujuan untuk meringankan beban kewangan keluarga peneroka yang terlibat. Pemohon berstatus anak peneroka, anak tiri atau anak angkat yang telah didaftarkan sahaja yang layak memohon dan umur pemohon mestilah tidak melebihi 23 tahun untuk diploma dan 25 tahun untuk ijazah.

## Pelaksanaan

- Bantuan insentif ini diberikan sekali sahaja kepada setiap anak peneroka yang berjaya memasuki IPTA/IPTS sama ada peringkat Diploma, Ijazah Tempatan atau Luar Negara
- Permohonan bantuan hendaklah dibuat dalam tempoh 1 bulan daripada tarikh Surat Tawaran atau Tarikh pendaftaran.
- Pemohon dikehendaki mengisi maklumat diri melalui Sistem SKB-SIAP di rancangan beserta dokumen yang lengkap.
- Kelulusan permohonan akan dibuat pada setiap 15hb.



Ibu Pejabat	Rancangan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membuat kelulusan Pembangunan Masyarakat di Sistem SIAP</li> <li>• Kemaskini permohonan SIAP mengikut rancangan dan wilayah</li> <li>• Membuat kelulusan SIAP pada setiap 15hb dan dijana ke Jab. Kewangan untuk proses bayaran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengurus hendaklah menyemak status kelayakan pemohon sebelum meluluskan di peringkat rancangan</li> <li>• Pengurus hendaklah menyemak status kelayakan pemohon sebelum meluluskan di peringkat rancangan</li> </ul>

## Tindakan

1. Membuat semakan permohonan di Sistem SKB-SIAP. Memastikan dokumen yang dilampirkan lengkap dan status pemohon memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Membuat jana kewangan permohonan SIAP yang telah diluluskan pada setiap bulan.
3. Membuat rumusan kelulusan SIAP pada setiap bulan.



Ibu Pejabat	Rancangan
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerima borang permohonan bantuan dari wilayah dan rancangan</li> <li>• Membuat semakan maklumat dokumen pemohon</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pemohon dikehendaki mengisi maklumat diri melalui Sistem SKB-SIAP di rancangan beserta dokumen yang lengkap sambil dipantau oleh kakitangan yang berkenaan</li> <li>• Dokumen berkaitan seperti kad pengenalan, surat tawaran dan <i>paysheet</i> peneroka hendaklah diimbas (<i>scan</i>) sebagai lampiran sebelum dihantar untuk proses seterusnya</li> </ul>

## Jadual rumusan kelulusan SIAP

Bulan	Kelulusan 2012 (orang)	Kelulusan 2013 (orang)	Kelulusan 2014 (orang)	Kelulusan 2015 (orang)
Januari	256	68	159	259
Februari	258	43	247	42
Mac	228	51	247	73
April	-	-	30	55
Mei	51	32	77	73
Jun	145	79	210	14
Julai	47	234	166	-
Ogos	22	244	141	-
September	-	3	385	
Oktober	9	197	-	
November	-	-	-	
Disember	-	-	-	
<b>Jumlah</b>	<b>1,016</b>	<b>951</b>	<b>1,662</b>	

## Skim Latihan Kemahiran FELDA (SLKF)

Skim Latihan Kemahiran FELDA (SLKF) merupakan platform kepada pelajar lepasan SPM yang gagal melanjutkan pelajaran ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

### Objektif

Skim ini memberi peluang kepada generasi baharu untuk menyambung Pengajian ke peringkat yang lebih tinggi khususnya kepada pelajar lepasan SPM untuk menyambung Pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, yang meliputi Pengajian di bidang kemahiran dan akademik di peringkat sijil (Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3), Pra-Diploma & Diploma di Agensi Kerajaan Malaysia/ Penyedia Latihan FELDA.

### Jadual Tempoh Pengajian

Bil	Jenis	Tempoh
1	Sijil Kemahiran (Tahap 1, Tahap 2 dan Tahap 3)	6-24 Bulan
2	Pra-Diploma	6 Bulan
3	Diploma	3 Tahun

## Jadual Kuota Skim Latihan Kemahiran FELDA (SLKF) 2015

BIL	Institusi	Kursus	Tempoh	Kuota
<b>A) Agensi Kerajaan Malaysia</b>				
1	Kolej Komuniti	Sijil	20 Bulan	150
		Sijil	16 Bulan	150
2	Politeknik	Pra-Diploma	6 Bulan	150
3		Sijil	24 Bulan (2 Tahun)	425
	MARA	Diploma	36 Bulan (3 Tahun)	500
<b>Jumlah untuk Agensi Kerajaan Malaysia</b>				<b>1375</b>
<b>B) IPTS</b>				
4	Limkokwing University of Creative Technology (LUCT)	Sijil	2 Tahun	300
5	Stamford College	Sijil	18 Bulan	100
6	AI Smart Global Resources	Latihan secara profesional	6 Bulan	50
<b>Jumlah untuk IPTS</b>				<b>450</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				<b>1825</b>



## Pelaksanaan

1. Bermula pada tahun 2015, Skim Latihan Kemahiran FELDA (SLKF) telah bekerjasama dengan pihak Agensi Kerajaan Malaysia (AKM) iaitu MARA, Politeknik dan Kolej Komuniti yang menawarkan kursus latihan di peringkat sijil, pra-diploma dan diploma.
2. Institusi Swasta yang hanya ditawarkan pada tahun ini adalah Limkokwing *University of Creative Technology* (LUCT), Stamford College dan AI Smart Global Resources. Kolej-kolej tersebut hanya menawarkan kursus di peringkat sijil sahaja.
3. Geran pengajian sebanyak RM5,000.00 disediakan kepada (anak kakitangan FELDA, anak peneroka dan cucu peneroka) yang mengikuti pengajian di Agensi Kerajaan Malaysia (AKM)/ Penyedia Latihan FELDA dan lebihan pembiayaan dikira sebagai pinjaman.
4. Pinjaman tersebut perlu dibayar semula oleh setiap pelatih setelah tamat pengajian. Bayaran kembali pinjaman akan mula dikutip selepas enam (6) bulan pelajar menamatkan pengajian

## Tindakan

1. Menyediakan surat hebahan kepada wilayah untuk memaklumkan tawaran SLKF bagi tahun 2015 ke semua rancangan di bawah seliaan masing-masing
2. Generasi baharu (lepasan SPM) boleh membuat permohonan terus kepada institusi berkenaan berdasarkan kursus yang dipilih & dipohon oleh pelajar.
3. Agensi Kerajaan Malaysia/ Institusi Swasta akan memberi senarai nama pelajar yang memohon kepada Jabatan Pendidikan FELDA agar surat tawaran pinjaman dapat dikeluarkan kepada para pelajar berkenaan.

## Jadual Skim Latihan Kemahiran Generasi Baharu FELDA

Bil.	Perkara	Tahun										Jumlah Pelatih
		2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014	2015	
1	Jumlah Dipanggil	8,068	8,377	5,127	3,430	5,192	4,150	4,598	3,450	2,100	1,825	46,317
2	Jumlah Melapor Diri	7,335	7,323	4,565	3,013	4,707	3,672	3,386	3,224	1,219		37,833

## Skim Pinjaman Pelajaran Tinggi FELDA (SPPTF)

Skim Pinjaman Pelajaran Tinggi FELDA ditubuhkan bertujuan untuk memberi bantuan pinjaman kepada anak-anak peneroka yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat diploma, ijazah dan kursus berprofil tinggi di IPTA/ IPTS yang disenaraikan FELDA. Bagi tahun 2014, sebanyak 183 permohonan diluluskan dengan jumlah keseluruhan pinjaman yang dikeluarkan FELDA adalah sebanyak

## Objektif

Tabung ini adalah untuk membantu anak peneroka mendapat sumber kewangan bagi meneruskan Pengajian mereka di Institusi Pengajian Tinggi.

## Bentuk dan Jumlah Pinjaman

Bil.	Institusi Pengajian	Peringkat	Kadar Pinjaman (RM)
1	Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)	Diploma Ijazah	4,500.00/setahun 6,000.00/ setahun
2	Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)	Diploma	35,000.00/ setahun
3	Institusi Pengajian/ Latihan	Latihan Kemahiran Berprofil Tinggi	Tidak melebihi RM180,000.00 atau tertakluk kepada kos sebenar pengajian

Jumlah Bayaran	Kadar Bayaran/ Tempoh Bayaran Kembali
RM25,001 – RM50,000	84 bulan
RM50,001 – RM65,000	96 bulan
RM65,001 – RM80,000	Tidak melebihi 120 bulan

## Jadual Pinjaman Boleh Ubah

Bil.	Pencapaian (CGPA)	% Bayaran Pelajar	% Sumbangan FELDA
i.	3.8 sehingga 4.0	10	90
ii.	3.5 sehingga 3.7	20	80
iii.	3.0 sehingga 3.4	30	70
iv.	2.5 sehingga 2.9	40	60
v.	2.0 sehingga 2.4	50	50
vi.	kurang 2.0	100	0

Tempoh bayaran kembali pinjaman berdasarkan jumlah pinjaman yang dibuat

Jumlah Bayaran	Kadar Bayaran/ Tempoh Bayaran Kembali
Kurang dari 2,000	RM100 sebulan
RM2,001 – RM3,000	20 bulan
RM3,001 – RM4,500	24 bulan
RM4,501 – RM5,000	36 bulan
RM5,001 – RM7,000	48 bulan
RM7,001 – RM9,000	60 bulan
RM9,001 – RM25,000	72 bulan

## Pelaksanaan

- Pinjaman diberi sepanjang tempoh kursus yang diikuti dan bayaran elaun pelajar dikeluarkan mengikut penggal semester Pengajian sesebuah Institusi dimana bayaran dibuat kepada pelajar-pelajar melalui Bendahari Universiti/ Institusi Pengajian Tinggi.
- Pemohon mestilah menandatangani dan mengesahkan empat (4) salinan surat perjanjian pinjaman SPPTF.
- Bayaran dibuat melalui Pejabat Bendahari Universiti/ Institusi Pengajian tinggi masing-masing.
- Mengeluarkan surat arahan potongan kepada majikan peminjam berdasarkan kepada borang yang dilengkapkan oleh peminjam.

## Tindakan

- Membuat kelulusan permohonan SPPTF di rancangan dan Wilayah
- Membuat bayaran elaun dan yuran Pengajian pada setiap semester
- Menggantungkan pinjaman kepada peminjam yang mendapat GPA 2.00 dan kebawah pada semester berikutnya
- Membuat kutipan bayaran balik pinjaman mengikut kadar yang diperuntukan

## Jadual Rumusan Skim Pinjaman Pelajaran Tinggi FELDA (SPPTF)

Kelulusan 2012 (orang)	Kelulusan 2013 (orang)	Kelulusan 2014 (orang)
88	183	

## UNIT HAL EHWAL SISWA

### Misi Unit

1. Bertanggungjawab dalam sahsiah siswa
2. Menentukan aspek kebajikan siswa terpelihara
3. Memantau pencapaian akademik dan disiplin siswa
4. Menjalinkan kerjasama dengan pihak luar/ IPT/ Kementerian

### Objektif

1. Menyediakan program-program bagi meningkatkan kesedaran mahasiswa di IPTA & IPTS;
2. Mengurus dan menjaga kebajikan di IPTA & IPTS;
3. Mewujudkan modal insan dan pembangunan sahsiah dan akademik dengan mengurangkan gejala disiplin dikalangan mahasiswa; dan
4. Menjalankan hubungan kerjasama dan komunikasi korporat dengan agensi luar bagi melahirkan mahasiswa yang berketerampilan.

### Bidang Tugas

Bil	Skop	Perincian
1	Sahsiah / Disiplin	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menentukan penerapan amalan-amalan dan nilai-nilai yang murni melalui program kesedaran dan motivasi</li> <li>• Memastikan undang-undang dan peraturan-peraturan IPTA/ IPTS dipatuhi oleh semua pelajar</li> <li>• Mengambil tindakan yang berkesan terhadap kes-kes pelajar yang melanggar peraturan-peraturan tatatertib dan salahlaku mahupun pencapaian akademik yang kurang memuaskan</li> <li>• Menyediakan dan menyelaras rekod disiplin dan laporan akademik pelajar</li> </ul>
2	Bimbingan dan Kaunseling	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merancang dan menyelaras pelaksanaan program bimbingan dan kaunseling</li> <li>• Memantau kemajuan pelajar-pelajar yang telah diberikan sesi kaunseling</li> <li>• Merancang dan melaksanakan program kebajikan bagi pelajar-pelajar yang masih mengikuti pengajian dan kemasukan pelajar baharu</li> </ul>
3	Pentadbiran	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengenalpasti dan mengambil tindakan ke atas pelajar-pelajar yang mempunyai rekod pencapaian akademik yang kurang memuaskan</li> <li>• Menyemak rekod kehadiran pelajar dan mengambil tindakan susulan terhadap kes pelajar yang membimbangkan</li> <li>• Mengurus pertukaran pelajar sekiranya bermasalah</li> <li>• Menyediakan anggaran belanjawan sekolah dan menyediakan kertas cadangan program yang akan dilaksanakan</li> </ul>

### Piagam Pelanggan Unit:

1. Menerap kemahiran insaniah melalui program pembangunan modal insan pelajar.
2. Melahirkan pelajar yang cemerlang bukan hanya dalam bidang akademik tetapi juga aktif menyumbang di dalam sebarang aktiviti yang di anjurkan oleh organisasi untuk meningkat semangat kekitaan dalam kalangan generasi baharu yang dapat menyumbang kepada negara.
3. Memberi pendedahan tentang pengurusan disiplin dan pembentukan sahsiah pelajar dalam tanggungjawab sebagai pelajar.
4. Mengambil tindakan terhadap setiap aduan dan permasalahan pelajar berdasarkan makluman daripada pihak IPTA/IPTS dengan memberi maklumbalas dalam tempoh lima hari bekerja.




Timbalan Pengarah Besar Komuniti Bersama Pelajar Nilai Universiti di Majlis Penutup Program "Sireh Pulang Ke Gagang"

## Cabaran


Bil

- |   |   |  |
|---|---|--|
| 1 | Keperluan penyediaan kursus atau latihan dan sokongan yang sesuai untuk melahirkan petugas yang lebih berketerampilan bagi mendukung fungsi hal ehwal pelajar   | Mempersiapkan diri petugas dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam menangani masalah disiplin dan sahsiah untuk melahirkan pelajar yang berakademik cemerlang  |
| 2 | Kekangan dalam komunikasi bersama pelajar terutamanya pelajar di luar negara mahupun di Malaysia Timur ( <i>East Malaysia</i> ) dalam pemantauan berkala disebabkan kedudukan IPTA/ IPTS yang meluas di seluruh Malaysia mahupun di luar negara | Menggunakan kemudahan teknologi secara menyeluruh sama ada dari penggunaan emel, telefon atau perunding maya ( <i>virtual consultations</i> )<br><br>Mengadakan lawatan berkala ke IPTA/ IPTS sebagai kunjungan hormat kepada pihak pengurusan universiti dalam mengukuhkan hubungan antara kedua pihak. |
| 3 | Tekanan daripada pihak luar dan dalam untuk menggalas tanggungjawab yang amat berat dalam menjamin kesejahteraan pelajar sehingga tamat pengajian   | Mendekatkan diri dengan persekitaran, suasana kehidupan mahupun mendalami diri pelajar itu sendiri dari segi emosi, rohani dan intelektual   |





# PENGURUSAN



# JABATAN PENTADBIRAN

## LATAR BELAKANG

Merupakan Jabatan yang bertanggungjawab dalam menguruskan hal-hal berkaitan perolehan dan penyelenggaraan aset milik FELDA. Enam unit utama iaitu Kejuruteraan, Pertanian, Bekalan/Perkhidmatan, Urus Harta, Pentadbiran dan Pinjaman Peneroka dibentuk bagi melicinkan peranan jabatan. Meletakkan faktor ketepatan, ketelusan, kualiti dan integriti yang tinggi dalam setiap aspek dan perkara yang diuruskan.

## OBJEKTIF

1. Perolehan dan Pentadbiran
  - a. Menguruskan perihal kontrak bagi kerja kejuruteraan, pertanian, perkhidmatan dan bekalan mengikut peraturan yang ditetapkan.
  - b. Memastikan pelaksanaan projek disiapkan mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan.
  - c. Mengeluarkan bayaran dalam tempoh dan mengikut syarat yang ditetapkan.
2. Pengurusan Hartanah
  - a. Mengurus dan menyelenggara bangunan/ hartanah FELDA secara berjadual dan memberi pulangan.
  - b. Memastikan penyewa di bangunan FELDA mematuhi perjanjian penyewaan yang telah dimuktamadkan.
3. Pengurusan Pinjaman
  - a. Menguruskan hal ehwal pinjaman peneroka secara betul dan segera.
  - b. Penyediaan pangkalan data dan ketepatan/ kesahihan maklumat.



Majlis Pecah Tanah Tapak Masjid Felda Sleancar 3 oleh Pengerusi FELDA



Datuk Hanapi Suhada, Pengarah Besar FELDA melawat kerja-kerja pembinaan stadium bolasepak di Bandar Pusat Jengka, Pahang



## FUNGSI DAN PERANAN

Bil.	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
1.	Kejuruteraan/Pertanian/Bekalan/Urus Harta		
i.	Menjalankan urusan penyediaan spesifikasi kerja	i. Memaklumkan status permulaan kerja yang hendak dilaksanakan	i. Memastikan kerja-kerja dilaksanakan mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan
ii.	Menguruskan pembukaan dan penutupan tender	ii. Memastikan kerja-kerja dilaksanakan mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan	ii. Menyelia keseluruhan kerja pertanian
iii.	Melakukan penilaian tender yang ditutup	iii. Melaporkan status kemajuan projek setiap bulan	iii. Membantu melaporkan status kemajuan projek setiap bulan
iv.	Menyediakan surat lantikan dan dokumen perjanjian bagi kontrak yang ditawarkan	iv. Membantu menyelesaikan permasalahan kontrak ditapak.	iv. Membantu menyelesaikan permasalahan kontrak ditapak
v.	Menguruskan pentadbiran kontrak berdasarkan kemajuan sebenar kerja-kerja yang dilaksanakan	v. Membantu memantau kemajuan projek di rancangan	v. Memastikan kerja-kerja penyelenggaraan ladang dilaksanakan setiap bulan dan berterusan
vi.	Melaksanakan lawatan dan pemantauan projek berdasarkan laporan kemajuan yang dikemukakan oleh Juru Perunding Projek	vi. Memastikan kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan setiap bulan dan berterusan	vi. Mengesahkan penerimaan bekalan baja/racun di rancangan
vii.	Memproses tuntutan bayaran bagi setiap kontrak berdasarkan sistem yang digunakan	vii. Membantu melaksanakan urusan bayaran	vii. Membantu menyediakan tuntutan bayaran projek
viii.	Menyediakan Kira-Kira Akhir bagi kontrak telah selesai	viii. Mengesahkan status setiap projek yang telah siap dilaksanakan	viii. Mengesahkan status setiap projek yang telah siap dilaksanakan
2.	Pentadbiran		
i.	Menjalankan urusan pentadbiran dan kebajikan Jabatan	i. Menjalankan aktiviti penjualan Borang Tender	i. Memastikan bangunan pejabat dan rumah kakitangan diselenggara dengan baik
ii.	Menyelaras aktiviti kaunter surat-menyurat dan tender	ii. Menguruskan iklan dan pembukaan peti tender	ii. Membantu Ibu Pejabat dan Wilayah mengemaskini maklumat bangunan dan kenderaan di rancangan
iii.	Menguruskan perbelanjaan dan belanjawan Jabatan	iii. Menyelenggara kenderaan-kenderaan rasmi FELDA di Wilayah dan rancangan	iii. Menyediakan permohonan penghapusan aset rancangan untuk kelulusan Ibu Pejabat dan Wilayah
iv.	Menguruskan pembayaran bil-bil utiliti, telefon, fotostat, penerbangan, pengangkutan semua Jabatan	iv. Menyediakan dan mengawal perbelanjaan serta penggunaan kad minyak dan kad <i>touch 'n' go</i>	
v.	Menguruskan iklan dan pembukaan peti tender	v. Menyediakan laporan pembaikan kenderaan	

Bil.	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
	vi. Menyelenggara kenderaan-kenderaan rasmi FELDA di Ibu Pejabat.	vi. Menguruskan tuntutan bayaran penyelenggaraan kenderaan	
	vii. Menyediakan dan mengawal perbelanjaan serta penggunaan kad minyak dan kad <i>touch 'n' go</i>	vii. Menguruskan permohonan penghapusan aset wilayah dan rancangan	
	viii. Menyediakan laporan-laporan rasmi Jabatan	viii. Memastikan urusan penyelenggaraan bangunan pejabat dan rumah kakitangan dilaksanakan.	
	ix. Menyelaras aktiviti bayaran dan pelepasan Deposit Jaminan kontrak		
	x. Menyediakan maklumat dan menguruskan permohonan penghapusan aset		
3.	Pinjaman Peneroka		
	i. Menguruskan kelulusan permohonan pinjaman baru bagi pinjaman pembesaran rumah peneroka, komputer dan KPF	i. Menyemak dan memajukan permohonan pinjaman baharu ke Ibu Pejabat	i. Membuat semakan bagi permohonan pinjaman baru yang diterima
	ii. Mengemaskini maklumat pinjaman yang telah diluluskan	ii. Menyimpan rekod permohonan mengikut rancangan	ii. Menyalurkan maklumat permohonan kepada Ibu Pejabat dan wilayah
	iii. Menyediakan dokumen perjanjian pinjaman	iii. Menguruskan pelaksanaan kerja mengikut kelulusan yang dikeluarkan.	iii. Membantu Ibu Pejabat dan Wilayah dalam mengemaskini maklumat pinjaman
	iv. Memaklumkan status permohonan kepada pemohon	iv. Melaporkan kepada Ibu Pejabat bagi kerja-kerja yang telah selesai dilaksanakan	iv. Melaporkan status pelaksanaan kerja yang telah selesai untuk bayaran balik pinjaman
	v. Memantau kemajuan kerja bagi pinjaman yang diluluskan	v. Membantu menyelesaikan isu-isu berhubung pinjaman di rancangan	
	vi. Memelihara dokumen perjanjian sehingga selesai pembayaran balik pinjaman	vi. Menyampaikan dari masa ke semasa maklumat terkini berhubung pinjaman yang ditawarkan	

# JABATAN KEWANGAN

## LATAR BELAKANG

Jabatan Kewangan berperanan memantapkan dan mengukuhkan kedudukan FELDA khususnya terhadap pentadbiran dan pengurusan kewangan. Jabatan Kewangan memberikan perkhidmatan kewangan (*system delivery*) kepada pihak-pihak berkepentingan (*stakeholder*) di Ibu Pejabat, Wilayah, Rancangan dan juga kepada warga peneroka. Kami di Jabatan Kewangan berusaha untuk memastikan pengurusan kewangan FELDA dilaksanakan dengan cekap dan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan (*legality*) dan bertanggungjawab ke atas semua rekod dan laporan kewangan yang disediakan (*accountability*).

Dalam memastikan pengurusan yang efektif dan mapan, Jabatan Kewangan FELDA dibahagikan kepada lapan (8) bahagian utama iaitu:

- a. Bahagian Perbendaharaan
- b. Bahagian Belanjawan, Sistem dan Pelaporan
- c. Bahagian Kawalan Kredit
- d. Bahagian Penerimaan dan Hasil
- e. Bahagian Akaun dan Analisa
- f. Bahagian *Paysheet* Peneroka
- g. Bahagian Akaun Pembangunan Rancangan
- h. Bahagian Pelaburan

## OBJEKTIF

1. Memastikan pengurusan kewangan dan aset dilaksanakan dengan cekap, telus dan berkesan selaras dengan peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan melalui penguatkuasaan, kawalan, siasatan dan pemantauan di peringkat Jabatan, Wilayah dan Rancangan.
2. Merancang, mengurus serta mengawal perbelanjaan tahunan berdasarkan kemampuan serta agihan yang telah diluluskan oleh organisasi.
3. Memastikan kawalan dan pengurusan risiko yang berkesan.
4. Memastikan organisasi mempunyai kedudukan tunai yang stabil dan mantap melalui pelaksanaan perancangan dan pengurusan wang yang cekap dan berhemah.
5. Meningkatkan kualiti perkhidmatan serta kompetensi petugas agar sistem penyampaian maklumat kepada pihak ketiga menjadi lebih mantap.

Jabatan Kewangan adalah komited sepenuhnya melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan bersama 110 orang kakitangan yang terdiri daripada 36 orang kakitangan Kumpulan Pengurusan dan Profesional bersama 74 orang kakitangan Kumpulan Sokongan.



Kaunter Cek Jabatan Kewangan di tingkat 32 Menara FELDA

## FUNGSI DAN PERANAN

Bil.	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
1	Bahagian Perbendaharaan		
	a. Hantaran Wang Projek		
	i. Menerima permohonan wang.	i. Permohonan wang ke ibu pejabat	i. Semakan hasil sebenar PH
	ii. Semak dan kelulusan hantaran wang	ii. Penerimaan wang dari ibu pejabat	ii. Permohonan wang ke ibu pejabat
	iii. Kelulusan penggunaan wang harian	iii. Posting dan Bayaran	iii. Rakam transaksi dalam KAW
	iv. Posting dan hantaran TT ke bank mengikut kelulusan	iv. Rakam transaksi dalam KAW	iv. Posting dan bayaran
		v. Pantau permohonan dari projek Rancangan	
	b. Pengurusan Akaun Projek		
	i. Pemantauan pelarasan akaun projek	i. Rakam KAW, K1008 dan K1008A	i. Rakam KAW, K1008 dan K1008A
	ii. Batal dokumen dan cek	ii. Penyelarasan dan posting GL bank dan tunai Wilayah dan projek.	ii. Penyelarasan akaun bank dan tunai rancangan
	iii. Posting wang tidak dituntut	iii. Permohonan cek batal tempoh projek ke ibu pejabat.	
	iv. Jana buku cek baru projek		
	v. Urusan audit		
	c. Insurans Aset		
	i. Menguruskan pembaharuan insurans aset FELDA	i. Memastikan bajet mencukupi untuk digunakan di peringkat Wilayah dan Rancangan	i. Melaporkan bencana atau kerosakan aset FELDA ke Wilayah
	ii. Mengisi borang tuntutan insurans aset	ii. Menyediakan dokumen dan maklumat yang dikehendaki oleh ibu pejabat berkaitan tuntutan insurans	ii. Menyediakan dokumen berkaitan tuntutan insurans
	iii. Menguruskan urusan tuntutan insurans aset		
2	Bahagian Belanjawan		
	i. Menguruskan urusan berkaitan bajet FELDA	i. Memastikan bajet mencukupi untuk digunakan di peringkat Wilayah dan Rancangan	i. Memastikan bajet mencukupi untuk digunakan di pejabat Rancangan
	ii. Mengemas kini maklumat SKB berkaitan Jabatan Kewangan, mengatur dan mengendalikan kursus berkaitan kewangan	ii. Mengenal pasti dan menyediakan latihan bagi petugas berkaitan kewangan	

Bil.	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
3	Bahagian Kawalan Kredit		
	i. Menguruskan pinjaman peneroka, pinjaman kakitangan dan urusan bayaran balik pinjaman	i. Sokongan permohonan pinjaman daripada Pengurus Rancangan oleh RGM ii. Menguruskan kontrak untuk Pinjaman Pembesaran Rumah Dan SIUF iii. Memantau kutipan bayaran balik semua pinjaman	i. Menerima permohonan pinjaman daripada peneroka dan tanggungan, serta petugas ii. Buat semakan seperti kelayakan, patuhi syarat yang ditetapkan, projek usahawan yang berdaya maju serta status peneroka bersama/ tidak bersama FELDA dan Pengurus rancangan menyokong permohonan pinjaman iii. Pengurus juga bertanggungjawab memastikan kutipan bayaran balik pinjaman dibuat iv. Memantau kemajuan bayaran dan sedia laporan setiap bulan
4	Bahagian Penerimaan dan Hasil		
	i. Memantau dan menyelaraskan semua duit masuk yang dikreditkan ke akaun FELDA sama ada yang berbentuk hasil atau bukan hasil ii. Membuat posting urus niaga sebenar penerimaan seperti sewaan, bayaran pampasan, bayaran semula pinjaman FELDA, insurans, SAWARI dan sebagainya iii. Menyediakan inoivis atau nota debit sebelum 5hb setiap bulan bagi semua kutipan hasil FELDA seperti hasil ladang dan sewaan harta benda/ aset FELDA. iv. Membuat susulan dari semasa ke semasa bagi kutipan sewa yang tidak dibayar termasuk tunggakan bayaran v. Memantau perbelanjaan supaya perbelanjaan terkawal dan hasil dapat ditingkatkan	i. Membekalkan maklumat penerimaan wang ke Ibu Pejabat ii. <i>Posting</i> urus niaga tertentu dan semakan penerimaan wang daripada Rancangan dan Wilayah iii. Membuat susulan kutipan sewa di peringkat Wilayah	i. Membekalkan maklumat penerimaan wang kepada Wilayah/Ibu Pejabat ii. <i>Posting</i> urus niaga tertentu dan semakan penerimaan wang daripada Rancangan iii. Membuat susulan kutipan sewa di peringkat Rancangan

Bil.	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
5	Bahagian Akaun dan Analisa		
	i. Memastikan pelaksanaan sistem kewangan organisasi mematuhi piawaian yang ditetapkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Tahunan FELDA	i. Mematuhi dan melaksanakan peraturan kewangan dengan merekodkan transaksi dengan tepat	i. Melaksanakan operasi berdasarkan peraturan kewangan dengan merekodkan transaksi dengan tepat
	ii. Mengemaskini rekod aset FELDA bagi semua penghapusan dan pindahan	ii. Mengawal perolehan dan penghapusan aset bagi rancangan dan Wilayah	ii. Memastikan rekod aset dan fizikal sama
	iii. Memastikan rekod stok sentiasa dikemaskini. Semakan dan pelarasan Rekod Stok. Melakukan posting pindahan stok antara projek dan FELDA <i>Technoplant Sdn Bhd</i>	iii. Memantau pergerakan stok dan membantu dalam menyelesaikan masalah posting berkaitan stok	iii. Melakukan <i>posting</i> penerimaan dan pengeluaran baja kepada peneroka
	iv. Semakan dan pelarasan Kutipan Baja	iv. Memantau kutipan hutang semasa dan tunggakan baja	iv. Melakukan kutipan dan posting ke atas pengeluaran baja yang telah diambil oleh peneroka
	v. Memastikan FELDA membuat pemfailan GST bulanan ke Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan ansuran cukai bulanan ke Lembaga Hasil Dalam Negeri	v. Memantau posting GST yang dibuat oleh pihak rancangan dan memastikan setiap <i>posting</i> yang dibuat mengikut piawaian yang telah ditetapkan oleh JKDM	v. Memastikan semua <i>posting</i> GST yang dibuat mengikut kategori <i>Tax Code</i> yang betul
6	Bahagian <i>Paysheet</i> Peneroka		
	i. Menyediakan penyata pendapatan peneroka	i. Memastikan Jabatan Hal Ehwal Tanam Semula memberi maklum balas berkaitan permohonan pertukaran status <i>paysheet</i> peneroka	i. Permohonan pertukaran status <i>paysheet</i> peneroka perlu dikemukakan ke Jabatan Hal Ehwal Tanam semula selewat-lewatnya sebulan sebelum tarikh sebenar
		ii. Memantau rekod pengesahan hasil yang dihantar ke ibu pejabat	ii. Maklumat induk peneroka perlu dipastikan betul dan tepat untuk mengelakkan sebarang kecelaruan pada sistem
		iii. Memastikan setiap rancangan mengguna pakai sistem H2H dengan menyediakan kemudahan yang diperlukan	iii. Memastikan semakan hasil, pendahuluan tunai, potongan dibuat sebelum 3hb setiap bulan
			iv. Mengemas kini no akaun bank persendirian setiap peneroka untuk melancarkan proses pelaksanaan sistem H2H

Bil.	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
7	Bahagian Akaun Pembangunan Rancangan.		
	ii. Menguruskan kunci kira-kira hutang tanam semula peneroka	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Membantu rancangan dalam penyediaan kursus / latihan dan servis teknikal yang mencukupi bagi pelaksanaan FLRS di rancangan</li> <li>ii. Memantau secara dekat semua rancangan tanam semula diurus FELDA supaya melaksanakan FLRS pada setiap bulan</li> <li>iii. Membantu rancangan mengenalpasti dan menyelesaikan sebarang isu dalam pelaksanaan FLRS</li> <li>iv. Memantau pengedaran penyata interim pada setiap suku tahunan kepada semua peneroka terlibat (Peneroka tanam semula diurus FELDA dan projek serah daripada FTPSB)</li> <li>v. Memantau pengedaran penyata interim oleh FTPSB pada setiap suku tahunan kepada semua peneroka terlibat (Peneroka tanam semula diurus FTPSB)</li> <li>vi. Menyediakan laporan lengkap status pengedaran penyata interim dan dihantar ke Jabatan Kewangan Ibu Pejabat FELDA</li> <li>vii. Melibatkan diri dalam semua pembentangan akaun oleh FTPSB (Sekiranya perlu)</li> <li>viii. Membantu rancangan dalam pembentangan akaun atau sebarang pertanyaan daripada rancangan berkaitan penyata</li> <li>ix. Memantau rekod – rekod dan dokumen kewangan di rancangan supaya diselenggara dan disimpan dengan baik dan teratur</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyediakan dan memfail dengan teratur rekod dan dokumen kewangan berkaitan semua kos tanam semula peneroka seperti dokumen SPK dan rekod hasil yang mengandungi pecahan mengikut peringkat dan blok</li> <li>ii. Membuat larian (<i>Run</i>) FLRS setiap bulan dan pastikan semua perbelanjaan bulan tersebut tepat dan betul</li> <li>iii. Membuat edaran penyata interim kepada semua peneroka terlibat secara suku tahunan. laporan rumusan edaran penyata tersebut hendaklah disediakan dan dihantar kepada Akauntan Wilayah dengan menggunakan format yang telah diberi</li> <li>iv. Isu – isu yang timbul semasa membuat larian FLRS hendaklah di bincangkan dengan Akauntan Wilayah untuk proses penyelesaian</li> <li>v. Memantau isu – isu yang timbul apabila penyata interim diedarkan kepada peneroka dan memaklumkan ke pengetahuan Akauntan Wilayah untuk laporan tindakan</li> <li>vi. Memastikan semua <i>charging/ posting</i> kos ke akaun terlibat adalah betul dan tepat</li> </ul>



Bil.	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
8	Bahagian Pelaburan		
	i. Menguruskan portfolio pelaburan FELDA ( Saham Siarharga dan Saham Tidak Siarharga)		
	ii. Mengenalpasti peluang-peluang pelaburan dalam pelbagai instrumen kewangan seperti saham amanah, bon, produk berstruktur dan mana-mana projek baharu yang memberi keuntungan yang munasabah kepada FELDA		
	iii. Menjana pendapatan melalui pelaburan di pasaran wang		
	iv. Menguruskan kewangan korporat sama ada daripada aspek pembiayaan atau keperluan modal kerja organisasi		

## MAKLUMAT ASAS

### 1. Bajet vs. Sebenar

#### a. Pendapatan

##### Pendapatan Sehingga September 2015

Keterangan	Bajet 2015 (RM)	Sebenar Sehingga Sep 15 (RM)	Peratus (%)
Pendapatan			
Pajakan Perladangan	251,473,849.00	186,273,434.05	74.07
Perkongsiian untung ladang 15%	156,015,528.00	13,237,954.86	8.49
Pelaburan	509,832,094.74	218,463,740.00	42.85
Kutipan Peneroka	331,363,081.58	189,271,640.92	57.12
Sumber Dalaman	120,903,451.47	51,145,315.79	42.30
Lot FELDA	42,197,213.00	14,536,500.12	34.45
Tuntutan Bekalan Air Pahang	129,600,000.00	-	-
Pembiayaan Semula Grand Plaza, London	418,920,000.00	-	-
Pembayaran Pendahuluan FIC	300,000,000.00	-	-
Jumlah Pendapatan	2,260,305,217.78	672,928,585.74	29.77

b. Perbelanjaan

Perbelanjaan Sehingga September 2015

Keterangan	Bajet 2015 (RM)	Sebenar Sehingga Sep 15 (RM)	Peratus (%)
Pendapatan	2,260,305,217.78	672,928,585.74	29.77
<b>Perbelanjaan</b>			
Perbelanjaan Pengurusan	529,458,043.68	297,463,374.80	56.18
Perbelanjaan Peneroka	428,229,778.00	203,294,524.04	53.33
Cukai	52,500,000.00	38,580,592.13	73.49
Perbelanjaan Modal	103,055,699.00	35,383,290.38	35.05
Lain-lain Pembiayaan	1,146,752,972.85	594,198,794.93	51.91
<b>Jumlah</b>	<b>2,259,996,493.53</b>	<b>1,168,920,576.28</b>	<b>52.91</b>

2. Status Pinjaman sehingga September 2015

a. Pinjaman sosio-ekonomi peneroka

Pinjaman Sosio-ekonomi Peneroka Sehingga September 2015

Bil	Jenis Pinjaman	Baki Pinjaman 31.12.2014		Pinjaman (Januari - Sept)			Kutipan Pinjaman 2015 (Januari - Sept)			Insurans PPP/ Anugerah Geran SIUF RM	Baki Pinjaman 30.9.2015		
		Jumlah (RM)	Bil	Jumlah (RM)	Bil	Seperatus Kutip (RM)	Sebenar Dikutip RM	% Kutipan	Jumlah Tunggalan RM		Jumlah RM	Bil	
1	Komputer Peneroka	247,809.19	665	11,200	5	359,698.00	36,501.00	10.15		169,822.19	218,223.19	624	
2	Pelajaran Tinggi	7,997,995.53		1,014,575.00	181	1,112,636.00	644,874.41	57.86		2,565,904.60	8,795,304.85	1,098	
3	Pembesaran Rumah	1,034,196,599.15	32,089	125,060,937.38	2,642	65,991,885.41	56,659,877.01	85.86		(4,420,067.97)	1,096,706,962.33	34,230	
4	Skim Insentif Usahawan	27,149,019.59	2,697	561,075.90	53	7,895,597.56	1,246,232.13	15.78		22,053,764.88	26,168,912.33	2,553	
5	Pinjaman Saham FGV	243,890,651.27	74,141	-	-	34,229,593.24	26,463,875.37	77.31	1,234,260.29	17,671,346.81	231,578,338.10	77,545	
	<b>Jumlah</b>	<b>914,325,241.41</b>	<b>31,651</b>	<b>126,647,788.28</b>	<b>2,881</b>	<b>109,589,392.21</b>	<b>85,051,359.92</b>	<b>77.61</b>	<b>1,234,260.29</b>	<b>38,040,770.51</b>	<b>1,363,467,740.80</b>	<b>116,050</b>	

b. Pinjaman Kakitangan

Pinjaman Kakitangan Sehingga September 2015

Bil	Jenis Pinjaman	Patut Kutip (RM)	Kutipan Sebenar (RM)	%
1	Komputer	45,659.65	45,659.65	100%
2	Pelajaran Tinggi	385,995.51	385,995.51	100%
3	Persekolahan	133.30	133.30	100%
4	Kenderaan	726,313.17	726,313.17	100%
5	Pembelian Saham FGV	4,736,269.84	4,736,269.84	100%
	<b>Jumlah</b>	<b>5,894,371.47</b>	<b>5,894,371.47</b>	<b>100%</b>

### 3. Urusan Peneroka

#### a. Pendapatan peneroka sehingga September 2015

##### 1. Sawit

##### Pendapatan Peneroka Sawit Sehingga September 2015

Bulan	Berat Hasil BTS (mt)	Nilai Hasil (RM)	RM/MT BTS	CPO (RM)	Pendapatan (RM)					
					Kasar			Bersih		
					Tertinggi	Terendah	Purata	Tertinggi	Terendah	Purata
Ogos	334,663	131,807,843	393.85	1,970	4,502	1,484	3,595	4,384	1,438	3,440
Sept	332,050	134,992,606	406.54	1,986	4,778	1,222	3,751	4,341	1,185	3,602

##### 2. Getah

##### Pendapatan Peneroka Getah Sehingga September 2015

Bulan	Berat Hasil BTS (mt)	Nilai Hasil (RM)	RM/MT BTS	CPO (RM)	Pendapatan (RM)					
					Kasar			Bersih		
					Tertinggi	Terendah	Purata	Tertinggi	Terendah	Purata
Ogos	Ogos	1,251,412	5,238,143	4.19	1,760	1,001	1,371	1,716	955	1,310
Sept	Sept	1,377,189	5,884,215	4.27	1,945	1,158	1,541	1,900	1,112	1,471

#### b. Kedudukan Paysheet peneroka sehingga September 2015

Bil	Jenis Paysheet	BilanganPeneroka			
		Sawit	Getah	Jumlah	(%)
1	Berhasil individu dan Blok	28,954	3,319	32,273	28.65
2	Tanam Semula FELDA	9,682	6,357	16,039	14.24
3	Hasil Kosong	7,294	2,631	9,925	8.81
4	FELDA <i>Technoplant</i>	50,411	1	50,412	44.76
5	Urus sendiri			3,986	3.54
	Jumlah			112,635	100.00

#### c. Peratusan Bayaran Pendahuluan Hasil Sawit sehingga September 2015

##### Peratusan Bayaran Pendahuluan Hasil Sawit Sehingga Ogos 2015

Bil	Nama Wilayah	Berat BTS	Nilai BTS	Jumlah PT	PT/ Hasil (%)
1	Terengganu	18,240.99	7,128,019.82	5,215,480.00	73.17%
2	Gua Musang	2,409.03	970,981.28	903,629.90	93.06%
3	Kuantan	40,638.38	16,146,377.73	10,693,158.30	66.23%
4	Jengka	73,636.85	29,395,043.67	23,394,566.45	79.59%
5	Mempaga	58,081.88	23,436,401.16	16,121,952.00	68.79%
6	Alor Setar	0	0.00	0.00	0.00%
7	Trolak	15,028.69	5,903,074.13	4,883,685.43	82.73%
8	Raja Alias	12,698.26	5,037,819.89	2,866,974.60	56.91%
9	Johor Bahru	29,002.48	12,004,784.51	7,338,606.92	61.13%
10	Segamat	6,561.59	2,609,612.00	1,580,050.00	60.55%
	Jumlah Besar	256,298.15	102,632,114.19	72,998,103.60	71.13%

d. Peratusan Bayaran Pendahuluan Hasil Getah sehingga September 2015

Bil	Nama Wilayah	Jumlah Hasil (RM)	Jumlah PT (RM)	PT/Hasil (%)
1	Terengganu	0.00	0.00	0.00%
2	Kuantan	0.00	0.00	0.00%
3	Jengka	60,312.38	40,685.00	67.46%
4	Mempaga	0	0	0.00%
5	Alor Setar	1,429,847.72	910,184.60	63.66%
6	Trolak	174,628.49	122,606.00	70.21%
7	Raja Alias	2,244,892.99	1,864,208.60	83.04%
8	Johor Bahru	82,233.97	43,885.00	53.37%
9	Segamat	752,516.10	466,238.00	61.96%
	<b>Jumlah Besar</b>	<b>4,744,431.65</b>	<b>3,447,807.20</b>	<b>72.67%</b>

4. Kedudukan Tunai sehingga 30 September 2015

Pada	Jumlah (RM)	Perbezaan (RM)	% Naik/ Turun (-)
31.01.2015	27,618,935	(195,728,735)	(87.63)
28.02.2015	57,783,040	30,164,105	109.21
31.03.2015	112,892,448	55,109,408	95.37
30.04.2015	59,616,112	(53,276,336)	(47.19)
31.05.2015	73,721,340	14,105,228	23.66
30.06.2015	405,731,679	332,010,339	450.36
31.07.2015	155,740,188	(249,991,491)	(61.61)
31.08.2015	52,780,027	(102,960,161)	(66.11)
30.09.2015	23,404,003	(29,376,024)	(55.65)

5. Pendapatan Dividen

Dividen	Suku I RM	Suku II RM	Julai RM	Ogos RM	September RM	Sehingga September RM
Saham Siar Harga	66,157,193	66,921,965	27,529,202	11,192,253	7,606,767	179,407,380
Saham Tidak Siar Harga	5,821,776	3,081,397	75,312	4,539,874	19,837,189	33,355,548
Dana <i>Wholesale</i>	132,325	65,174	269,343	466,568	387,604	1,321,014
Amanah Raya Berhad	1,923,713	107,344	170,643	171,368	-	2,373,068
<b>Jumlah</b>	<b>74,035,007</b>	<b>70,175,880</b>	<b>28,044,500</b>	<b>16,370,063</b>	<b>27,831,560</b>	<b>216,457,010</b>

## 6. Kedudukan Aset Tetap sehingga September 2015

	Tanah milik bebas	Tanah Pajak	Bangunan, struktur & pembaharuan	Bangunan dalam Pembinaan	Kenderaan & jenteraberat	Peralatan pejabat, Perkakas & peralatan lain	Jumlah
<b>KOS</b>							
Baki awal tahun	210,770,773.46	538,593,073.23	1,698,191,752.53	304,797,639.51	48,243,789.03	108,338,063.80	2,908,935,091.56
Tambahan	2,181,860.00*	194,642.00	118,075.57	65,952,119.76*	1,384,962.00	1,411,165.49	71,242,824.82
Pindahan/ Reklasifikasi	-	-	19,034,700.45	(19,034,700.45)	-	-	-
Hapus/ Jualan	-	-	(2,216,379.97)*	-	(552,964.78)	(1,166,439.56)	(3,935,784.31)
Baki	212,952,633.46	538,787,715.23	1,715,128,148.58	351,715,058.82	49,075,786.25	108,582,789.73	2,976,242,132.07
<b>SUSUT NILAI TERKUMPUL</b>							
Baki awal tahun	-	31,174,976.07	333,275,435.09	-	29,636,960.00	62,161,914.93	456,249,286.09
Tambahan	-	4,143,963.78	30,891,658.55	-	2,757,887.82	6,850,064.69	44,643,574.84
Pindahan/ Reklasifikasi	-	-	-	-	-	-	-
Hapus/ Jualan	-	-	(1,772,402.85)	-	(373,410.61)	(1,064,593.93)	(3,210,407.39)
Baki	-	35,318,939.85	362,394,690.79	-	32,021,437.21	67,947,385.69	497,682,453.54
<b>NILAI BUKU BERSIH</b>							
Pada akhir bulan	212,952,633.46	503,468,775.38	1,352,733,457.79	351,715,058.82	17,054,349.04	40,635,404.04	2,478,559,678.53

## PROGRAM UTAMA

- 1 Penutupan Akaun Tahunan
- 2 Sesi Audit Tahunan
- 3 Penyediaan Penyata Hutang Bayaran Kembali Tetap Peneroka FELDA (BKT)
- 4 Penyediaan Penyata Hutang Bayaran Kembali Sementara (BKS) Bagi Rancangan berstatus Projek Serah & Kawasan Pemulihan
- 5 Penyediaan penyata BKAL bagi Peneroka berstatus ambalalih daripada Pengurusan FTPSB
- 6 Pemantauan Kunci Kira - kira Akaun Tanam Semula Peneroka Tanam Semula Diurus FTPSB
- 7 Mewujudkan potongan BKS/BKT di *paysheet* individu peneroka
- 8 LRKPP 2015
- 9 Pemantauan FLRS semua wilayah
- 10 Pengeluaran dan edaran Customer Ageing
- 11 Sesi Penilaian Bajet Setengah Tahun 2016
- 12 Sesi Bajet 2017
- 13 Perkiraan Aset Akhir Tahun
- 14 Membangunkan sistem Permohonan Pelan Khairat Kematian Peneroka Secara Online
- 15 Pemantauan & Kemaskini rekod SES RISDA
- 16 Melaksanakan modul latihan kakitangan kewangan

# SUMBER MANUSIA

## LATAR BELAKANG

1. Menguruskan hal-hal yang merangkumi hal yang berkaitan dengan pengambilan, kebajikan, latihan dan persaraan petugas FELDA
2. satu kumpulan individu yang bertindak secara berkesan mengikut lingkungan kepakaran masing-masing dan bertindak balas secara fleksibel terhadap perubahan seterusnya bergerak sebagai satu pasukan dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik selari dengan pelan transformasi yang dilaksanakan.
3. latihan yang dirancang, jabatan ini mengunjurkan kualiti petugas yang bakal dilahirkan adalah petugas yang berkemampuan yang lengkap dari sudut pengetahuan, kemahiran dan sikap positif
4. Penerapan budaya FELDA dalam kalangan petugas terutamanya pelapis baharu

## OBJEKTIF

1. Meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kompeten petugas.
2. Menyediakan petugas yang mencukupi.
3. Menjaga Kebajikan petugas.
4. Menyediakan ganjaran yang setimpal.
5. Melahirkan petugas yang berintegriti
6. Menerap budaya kerja Berpotensi Tinggi.

## FUNGSI DAN PERANAN

Bil.	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
1	<b>Pengambilan dan Penempatan Petugas</b> <ul style="list-style-type: none"><li>- Menyelaraskan penempatan petugas mengikut norma penempatan yang ditetapkan bagi memastikan aktiviti dan fungsi jabatan/ wilayah/ tanah rancangan dapat diuruskan dengan baik</li><li>- Menguruskan pertukaran petugas, khusus bagi petugas yang telah lama berkhidmat di satu-satu tempat ke tempat yang baharu dan melaksanakan tugas yang baharu (Pusingan Kerja) selaras dengan tujuan meningkatkan kemahiran dan pembangunan kerjaya petugas</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>- Melaporkan status penempatan petugas kepada sumber manusia di peringkat wilayah</li><li>- Memaklumkan kepada Jabatan Sumber Manusia petugas yang layak untuk ditukarkan ke tempat kerja baharu selaras dengan kaedah Pusingan Kerja</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>- Melaporkan status penempatan petugas di tanah rancangan kepada wilayah</li><li>- Memaklumkan kepada wilayah petugas yang layak untuk ditukarkan ke tempat kerja baharu untuk proses pusingan kerja</li></ul>

Bil.	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
	- Mengkaji keperluan struktur dan jawatan baru selaras dengan keperluan dan perkembangan fungsi semasa bagi kemajuan kerjaya petugas	- Memaklumkan kepada Jabatan keperluan di peringkat wilayah	- Memaklumkan ke peringkat wilayah keperluan di peringkat tanah rancangan
2	Pengesahan Jawatan dan Kenaikan pangkat - Menguruskan kenaikan pangkat petugas dilaksanakan berdasarkan penilaian terhadap keupayaan seseorang petugas, prestasi, penilaian khas, kekosongan jawatan serta kekangan dalam perkhidmatan	- Menghantar laporan prestasi tahunan petugas wilayah kepada ibu pejabat - Memberi cadangan nama petugas yang layak untuk dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat	- Menghantar maklumat prestasi & penilaian ke wilayah
3.	Sistem Penyampaian - Menambah baik sistem penyampaian dengan cara meningkatkan mutu perkhidmatan dan layanan kepada pelanggan, serta bertindak secara efisien	- Memastikan dasar & matlamat yang ditetapkan dilaksanakan di peringkat wilayah	- Memastikan dasar & matlamat yang ditetapkan dilaksanakan di peringkat tanah rancangan
4.	Pengurusan Prestasi - Melaksanakan Pementoran & Bimbingan ( <i>Mentoring &amp; Coaching</i> ) - Menguruskan ganjaran kepada petugas - Mengendalikan pengurusan Petugas berprestasi rendah	- Memastikan RGM mengambil peranan sebagai mentor - Memberikan cadangan nama petugas yang layak di peringkat wilayah kepada Sumber Manusia untuk diberikan ganjaran. Contoh: Anugerah Petugas Terbaik - Menganjurkan Anugerah Semai Bakti - Memantau petugas yang berprestasi rendah di peringkat wilayah	- Memastikan pengurus mengambil peranan sebagai mentor - Memberi cadangan nama petugas yang layak bagi berpeluang menerima ganjaran - Memastikan KPI tanah rancangan sentiasa dicapai - Memantau prestasi petugas yang berprestasi rendah di tanah rancangan

## MAKLUMAT ASAS

### Maklumat Asas Kakitangan FELDA

PROJEK	PT/ P&P	Gred 27-40	Gred 17-26	Gred 1-16	JUMLAH	PERATUS (%)
Jumlah Petugas Ibu Pejabat	113	29	219	53	414	10.63
Jumlah Petugas Wilayah	67	76	202	87	432	11.09
Jumlah Petugas Rancangan	159	284	1410	301	2154	55.30
Kursus/Belajar	3	0	82	1	86	2.20
Jumlah Petugas FELDA	342	389	1913	442	3086	79.22
Kakitangan Kontrak	211	45	462	82	800	20.55
Jumlah Petugas Dipinjamkan Ke Syarikat	5	0	4	0	9	0.23
<b>JUMLAH BESAR:</b>	<b>558</b>	<b>434</b>	<b>2379</b>	<b>524</b>	<b>3895</b>	<b>100</b>



## PROGRAM UTAMA

## UNIT LATIHAN

- |    |                          |   |
|----|--------------------------|---|
| 1. | Perjawatan               | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Waran Perjawatan</li><li>2. Perancangan Tenaga Manusia</li><li>3. Penggubalan Dasar &amp; Pekeliling</li><li>4. Sistem Kerja</li><li>5. Dokumen Rahsia Rasmi</li><li>6. Kertas Cadangan Lembaga</li><li>7. Pengambilan Petugas Baru</li><li>8. Pengesahan &amp; Perletakan Jawatan</li><li>9. Pelantikan Pinjaman &amp; Kontrak</li><li>10. Penempatan Petugas Baru</li><li>11. Pertukaran Petugas</li><li>12. Kenaikan Pangkat</li><li>13. Penilaian Prestasi</li></ol> |
| 2. | Perkhidmatan             | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Rekod Perkhidmatan</li><li>2. Pra Persaraan</li><li>3. Majlis Persaraan</li><li>4. Pencalonan Pingat Negeri &amp; Persekutuan</li><li>5. Anugerah Petugas Tahunan/ Bulanan</li><li>6. Anugerah Semai Bakti</li><li>7. Pinjaman Perumahan</li></ol>   |
| 3. | Kebajikan                | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Kemudahan Perubatan &amp; bayaran</li><li>2. Badan Kebajikan</li><li>3. Tabung Kebajikan</li><li>4. Bantuan Pelajaran Tinggi</li><li>5. Tuntutan Insuran</li><li>6. Bantuan Bencana Alam</li><li>7. Urusan Bina Baru Rumah Petugas</li><li>8. NGO / MBJF</li></ol>   |
| 4. | Etika Kerja & Pembedenan | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Tatatertib &amp; Disiplin</li><li>2. Kes Perundangan</li><li>3. Laporan Bulanan &amp; MPR</li><li>4. HRMIS</li><li>5. Inovasi</li></ol>  |
| 5. | Pentadbiran & Emolumen   | <ol style="list-style-type: none"><li>1. Bayaran Emolumen &amp; Pergerakan Gaji</li><li>2. Cukai Pendapatan/ KWSP/ Socso/ GST</li><li>3. Saham FGV petugas</li><li>4. Pengurusan Aset &amp; Kenderaan</li><li>5. Tuntutan perjalanan</li><li>6. Lembaga Kompetensi &amp; Peperiksaan</li><li>7. KPI Dan KRA</li></ol>   |

### Latar Belakang

Unit Latihan FELDA ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan dalam aspek penyediaan tenaga manusia yang cemerlang kepada organisasi melalui latihan berdasarkan transformasi global iaitu kecekapan kemahiran dalam ilmu pengetahuan ke arah matlamat FELDA.

Fungsi utama Unit Latihan, KPI & KRA iaitu Pembangunan Modal Insan berkualiti melalui program latihan yang bersesuaian dan tepat kepada semua petugas berdasarkan kehendak organisasi untuk mencapai visi dan misi FELDA.

### Objektif

- 2.1 Meningkatkan Pengetahuan, Kemahiran dan Kompetensi Pegawai dan kaitangan sokongan mengikut jawatan.  
Pembangunan modal insan merupakan salah satu peranan yang dimainkan oleh Jabatan Latihan FELDA. Sumber yang sedia ada perlulah seorang yang berpengetahuan, berkemahiran, kompeten dan mempunyai nilai-nilai positif dalam melaksanakan tugas. Tumpuan akan diberikan kepada petugas mengikut jawatan yang kurang kompeten, yang sederhana dan yang baik supaya menjadi cemerlang.
- 2.2 Menyediakan Budaya Pembelajaran Sepanjang Hayat.  
Menyediakan peluang kepada petugas melalui kursus jangka pendek dan jangka panjang. Ini bertujuan mempertingkatkan kemahiran dan ilmu pengetahuan mengikut bidang-bidang yang diperlukan untuk mencapai tranformasi.
- 2.3 Melahirkan Petugas yang Berintegriti.  
Membentuk kumpulan petugas yang memiliki tahap intergriti tinggi bagi menerus dan mengekalkan kecemerlangan FELDA ke tahap global.



2.4 Menerap Budaya Kerja Berprestasi Tinggi.  
Ke arah membudayakan prestasi kerja yang tinggi dengan memberi perkhidmatan yang melebihi ekspektasi pelanggan dan Stakeholder serta menjadikan organisasi-organisasi bertahap dunia sebagai *benchmark*.

#### Fungsi Dan Peranan

IBU PEJABAT	WILAYAH	RANCANGAN/ PROJEK
i Mengenalpasti kursus yang sesuai dengan skop kerja jabatan dan kakitangan	Memberitahu kehendak Wilayah untuk keperluan latihan kakitangan	Memaklumkan kepada peserta mengenai kursus yang akan berlangsung
ii Menganjurkan kursus yang sesuai dengan keperluan petugas	Membantu dari segi makluman kepada peserta wilayah dan rancangan	Membantu dari segi makluman kepada peserta wilayah dan rancangan
iii Menganjurkan kursus untuk penambahbaikan pengetahuan dan kemahiran petugas	Membantu dari segi makluman kepada peserta wilayah dan rancangan	Membantu dari segi makluman kepada peserta wilayah dan rancangan

#### Maklumat Asas

##### Pengurusan Dan Pertanian

- Pertanian & Perladangan
- Persediaan Bakal Pengurus/ Penolong Pengurus
- Orientasi
- Induksi/ kenegaraan
- Kursus *Teambuilding (Outward Bound)*
- Profesional dan Pensijilan (Master, Diploma, Sijil)
- Persediaan Bakal Pesara

##### Pengurusan Sistem & ICT

- Kursus *Microsoft Office (Excel, Word & Power Point)*
- ICT & SKB

##### Usahawan & Komuniti

- Pengurusan Ternakan
- Pengurusan Taman & Lanskap
- Pengurusan Perniagaan

##### Profil Tinggi & Agensi Luar

- Kursus Kenaikan Jusa
- Kursus Agensi Luar
- Kursus Luar Negara

##### Program Utama

- Seminar Pengurus
- Kursus Persediaan Bakal Pengurus & Penolong Pengurus



Seminar Memperkasakan Kepimpinan Pengurus FELDA 2015 bertempat di Bukit Gambang Resort City

# PENGURUSAN TANAH

## LATAR BELAKANG

Jabatan Tanah FELDA telah ditukar nama kepada Jabatan Pengurusan Tanah bermula pada tahun 2015, walau bagaimanapun fungsi dan tugas jabatan ini masih lagi dikekalkan seperti tahun-tahun sebelumnya. Bermula pada tahun 2014, Jabatan Pengurusan Tanah FELDA telah merangka strategi dengan merangka rancangan 5 tahun jabatan supaya setiap pegawai dan kakitangan sokongan mempunyai fokus dan hala tuju yang jelas berlandaskan kepada visi dan misi FELDA.

Bermula dengan penstrukturan Bahagian/ Unit di Jabatan Pengurusan Tanah, beberapa siri perbincangan semua Pegawai bersama Kakitangan Sokongan telah diadakan bagi memastikan Bahagian/ Unit yang ada mampu berkerjasama, sebagai satu pasukan serta mampu melaksanakan semua tugas dan tanggungjawab dengan sempurna.


## OBJEKTIF

1. Menguruskan sumber berkaitan tanah bagi menjana pendapatan maksimum kepada FELDA
2. Mempunyai pangkalan data maklumat tanah FELDA dan peneroka yang tepat
3. Menguruskan segala urusan pemberi milikan tanah kepada peneroka dan FELDA oleh Pihak Berkuasa Negeri (PNB)
4. Memastikan pemilikan tanah peneroka dan FELDA dapat dikekalkan
5. Memastikan projek pembangunan hartanah secara bersepadu



Majlis Penyampaian Suratan Hak Milik Peneroka FELDA Keratong 10

## PERANCANGAN 5 TAHUN





## FUNGSI DAN PERANAN

Bil.	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
1	<b>BAHAGIAN UKUR &amp; PENDAFTARAN UNIT UKUR &amp; PEMETAAN UDARA</b>		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenalpasti isu-isu utama bagi data-data tanah</li> <li>Mengeluarkan arahan ukur kepada perunding pengurusan tanah atau Juurukur Berlesen</li> <li>Memantau pelaksanaan kerja-kerja ukur.</li> <li>Menjadi koordinator untuk bengkel penggunaan dan aplikasi LiDAR serta bengkel asas ukur</li> <li>Melengkapkan data asas bagi keseluruhan keluasan rancangan FELDA.</li> <li>Menyusul permohonan pewartaan di setiap Pejabat Tanah Dan Daerah yang masih belum diwartakan</li> <li>Membuat permohonan pembatalan warta bagi projek-projek pembangunan di dalam FELDA bersama kerja-kerja ukur yang terlibat</li> <li>Maklumbalas ke Unit Kawal Selia bagi pembatalan GSA untuk kawasan FELDA.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memantau pelaksanaan kerja.</li> <li>Mengemukakan permohonan ukur ke Ibupejabat pada kawasan-kawasan yang masih belum diukur</li> <li>Mengenalpasti lot-lot kosong di rancangan dan mengemukakan permohonan ukur</li> <li>Mesyuarat bersama Pegawai Tanah Wilayah dengan Jabatan Pengurusan Tanah bagi semua urusan ukur</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu kerja-kerja lapangan di rancangan</li> <li>Mengenalpasti lot-lot kosong di rancangan</li> <li>Memaklumkan kepada pihak wilayah mengenai kawasan-kawasan yang belum lagi diukur</li> <li>Membantu dan mengesahkan kawasan yang diukur oleh Juurukur yang dilantik</li> <li>Menghantar wakil-wakil bagi bengkel-bengkel yang terlibat</li> </ul>
2	<b>UNIT HAK MILIK</b>		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaksanakan susulan secara berkala dengan pihak Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri</li> <li>Menyemak dan mengemukakan permohonan hak milik untuk tanah-tanah peneroka FELDA, ladang-ladang FELDA, tapak-tapak kegunaan FELDA dan lot-lot kosong di dalam rancangan FELDA ke Pejabat Tanah Daerah (PTD)</li> <li>Susulan ke atas kemajuan kerja bagi setiap permohonan hak milik yang telah dibuat ke PTD</li> <li>Mengaturkan perbincangan bersama PTG Negeri, PTD dan menyusul permohonan.</li> <li>Penyediaan Laporan Bayaran CAC kepada PTD</li> <li>Membantu urusan pendaftaran di PTD.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memantau urusan pelaksanaan kerja</li> <li>Menyusul semula permohonan ke PTD</li> <li>Menyelaraskan bantuan petugas ke PTD</li> <li>Melaporkan status permohonan ke Ibu Pejabat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan dokumen permohonan yang lengkap</li> <li>Menghubungi dan menyusul permohonan ke PTD</li> <li>Menyediakan petugas dalam urusan pendaftaran di PTD</li> </ul>




Bil.	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan
3	<b>BAHAGIAN PEMBANGUNAN HARTANAH UNIT PROJEK BARU</b>		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Potensi pembangunan PGBF, Sentuhan Kasih dan Lot-lot Komersial</li> <li>Mengenal pasti kawasan yang sesuai</li> <li>Membentangkan cadangan kepada pengurusan</li> <li>Menyediakan pelan susun atur dan pelan Pra-Hitungan</li> <li>Membuat permohonan hak milik dan pembatalan sebahagian warta kawasan.</li> <li>Membuat susulan ke PTD</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu mengenal pasti tapak yang sesuai</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menentukan kawasan yang sesuai</li> <li>Membantu kerja-kerja bancian keperluan PGBF, Sentuhan Kasih dan Lot-lot Komersial</li> <li>Menunjukkan kerja-kerja yang perlu diukur kepada juruukur</li> </ul>
4	<b>UNIT PENGURUSAN ASET &amp; KUTIPAN HASIL</b>		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyimpan dan merekod semua dokumen berkaitan aset FELDA</li> <li>Mengenalpasti semua kegunaan aset FELDA.</li> <li>Menjelaskan semua bayaran cukai kepada Pemungut Hasil Tanah</li> <li>Melaksanakan kutipan kepada semua aset yang dipajak atau disewa</li> <li>Mengemaskini rekod bayaran dan hasil aset yang diterima setiap bulan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memantau penggunaan aset FELDA di rancangan seliaan wilayah</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenalpasti dan memantau aset FELDA di rancangan</li> <li>Merekod kesemua aset di rancangan</li> </ul>
5	<b>BAHAGIAN ISU &amp; PEWARISAN UNIT ISU &amp; PEWARISAN</b>		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengaturkan program latihan untuk pegawai, pengurus dan petugas FELDA</li> <li>Menyediakan tenaga penceramah pewarisan kepada peneroka</li> <li>Mengambil tindakan isu yang dibangkitkan oleh peneroka atau Agensi Luar berkaitan dengan tanah peneroka dan FELDA</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengaturkan persiapan program</li> <li>Melaporkan status pewarisan ke Ibu Pejabat</li> <li>Menempatkan keperluan ceramah di rancangan dan wilayah</li> <li>Membuat rumusan dari rancangan berkaitan isu dan hantar ke Ibu Pejabat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi penerangan kepada waris</li> <li>Membantu waris dalam urusan pewarisan</li> <li>Menjadi saksi dalam bicara kuasa di pejabat Unit Pesaka Kecil (jika perlu)</li> <li>Membantu waris menguruskan permohonan bicara kuasa di Pejabat Tanah</li> <li>Menguruskan permohonan melalui eTaPP (Modul JKPTG-Dalam Talian)</li> </ul>
6	<b>UNIT PENTADBIRAN &amp; PELAPORAN</b>		
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan maklumat bagi setiap unit mengikut laporan yang diperlukan</li> <li>Mengemaskini maklumat setiap bulan</li> <li>Memantau segala urusan perbelanjaan Jabatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyusul dan mengumpul maklumat dari rancangan yang dikehendaki oleh Ibu Pejabat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi maklumat yang diperlukan oleh Jabatan</li> </ul>

# MAKLUMAT ASAS







Status Kematian Dan Pewarisan Peneroka

## PROGRAM UTAMA


Bil	Program	Strategi
1	Bahagian Ukur & Pendaftaran	
a.	Unit Ukur & Pemetaan Udara	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melengkapkan pengkalan data tanah</li> <li>Penggunaan teknologi bagi penyediaan pengkalan data tanah</li> <li>Menjana pendapatan melalui teknologi LiDAR</li> <li>Melaksanakan bengkel penggunaan dan aplikasi LiDAR</li> <li>Melaksanakan bengkel asas ukur melibatkan di peringkat wilayah dan rancangan</li> <li>Mendapatkan kelulusan pewartaan bagi rancangan yang belum diluluskan melibatkan Seksyen 4, 5 &amp; 6 serta dibuat ukur sempadan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti kawasan-kawasan yang masih belum diukur sama ada kawasan peneroka dan FELDA</li> <li>Merancang dan menguruskan kerja-kerja ukur</li> <li>Menggunakan teknologi LiDAR</li> <li>Menyediakan '<i>Business Plan</i>' bagi penjualan data yang diperoleh daripada LiDAR</li> <li>Bekerjasama dengan pihak Unit Latihan, Unit Pengurusan Risiko/Integriti, Jabatan Hal Ehwal Tanam Semula dan FTPSB bagi menjayakan bengkel penggunaan dan aplikasi LiDAR</li> <li>Bekerjasama dengan beberapa IPTA &amp; IPTS bagi menjayakan bengkel asas ukur</li> <li>Melibatkan 10 rancangan</li> </ul>
b.	Unit Hak Milik	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menguruskan permohonan hak milik tanah peneroka dan FELDA</li> <li>Meningkatkan jumlah aset FELDA melalui pemilikan tanah atau kawasan-kawasan baru</li> <li>Mengekalkan pemilikan tanah-tanah peneroka yang telah mendapat hak milik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Seramai 2,657 orang peneroka yang telah selesai Bayaran Kembali (BK) diproses permohonan hak milik oleh Pengurusan Rancangan</li> <li>Merancang awal bagi kerja-kerja pengukuran lot peneroka agar ia dapat disiapkan sebelum peneroka selesai BK</li> <li>Susulan ke atas Pentadbir Tanah Daerah dibuat setiap bulan bagi mendapatkan maklum balas kemajuan kerja permohonan hak milik di kawasan-kawasan yang dibangunkan oleh FELDA</li> <li>Mengadakan hubungan baik dengan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dengan mengadakan Mesyuarat Penyelarasan 1 kali setahun bagi membincangkan isu-isu berkenaan permohonan Tanah FELDA dengan Kerajaan Negeri yang terliba</li> </ul>

Bil	Program	Strategi
2	Bahagian Pembangunan Hartanah	
a	Unit Projek Baharu	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan pelan perancangan pembangunan hartanah di dalam kawasan FELDA</li> <li>Penjanaan pendapatan melalui pembangunan hartanah</li> <li>Mengadakan sesi perbincangan secara berterusan dengan PTD terlibat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dimajukan dengan projek hartanah bersifat sosial dan komersial</li> <li>Menguruskan semua urusan yang berkaitan dengan pembangunan hartanah bermula dari perancangan sehingga proses akhir yang melibatkan jualan</li> <li>Menyediakan '<i>blue print</i>' perancangan pembangunan tanah FELDA</li> <li>Merangka '<i>business plan</i>' bagi mengoptimumkan pendapatan daripada projek pembangunan hartanah</li> <li>Membuat susulan bagi permohonan hak milik yang telah dibuat bagi mempercepatkan proses kelulusan hak milik</li> </ul>
b	Unit Pengurusan Aset & Kutipan Hasil	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengurusan sewaan tapak Menara Pencawang Telekomunikasi</li> <li>Pengurusan dan perancangan pembangunan tanah kosong dalam rancangan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan <i>Standard Operating Procedure</i> (SOP) bagi menguruskan semua tapak-tapak yang disewa untuk kegunaan Menara Pencawang Telekomunikasi</li> <li>Merangka '<i>business plan</i>' bagi mengoptimumkan pendapatan daripada semua aset-aset FELDA</li> <li>Menyediakan '<i>Standard Operating Procedure</i> (SOP)' bagi pengurusan dan perancangan permohonan tapak tanah kosong dalam rancangan</li> <li>Menyediakan sistem pemfailan yang lebih efisien dalam merekodkan permohonan dan kelulusan permohonan tapak tanah kosong</li> </ul>
3	Bahagian Isu & Pewarisan	
a	Unit Isu & Pewarisan	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyelesaikan masalah pewarisan yang belum selesai.</li> <li>Memberi pendedahan dan maklumat mengenai pewarisan.</li> <li>Membuat susulan kes-kes pewarisan yang bermasalah.</li> <li>Mengadakan mesyuarat pemindahan hak dan penurunan milik 2 bulan sekali.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menyediakan laporan bulanan dan memantau bilangan kes-kes pewarisan secara berkala</li> <li>Mengadakan kerjasama dengan Jabatan Ketua Pengarah Tanah &amp; Galian (JKPTG), Bahagian Pusaka Kecil bagi menadakan program perbicaraan di rancangan</li> <li>Menyediakan taklimat dan program penerangan mengenai pewarisan kepada peneroka dan petugas FELDA</li> <li>Perjumpaan dengan waris bersama pengurusan rancangan bagi memberi penerangan dan kaedah penyelesaian</li> <li>Memberi surat jawapan dan membuat pertukaran nama dalam sistem</li> </ul>

Bil	Program	Strategi
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu balu dan janda peneroka dalam menuntut harta sepencarian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lawatan ke rancangan dan buat perbincangan untuk menyelesaikan tuntutan tersebut</li> </ul>
4	Unit Pentadbiran & Pelaporan	
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengurusan pentadbiran yang lebih berkesan</li> <li>Pengurusan dan pemantauan rekod serta laporan</li> <li>Latihan dan pembangunan modal insan</li> <li>Pengurusan Mesyuarat Pindah Hak dan urusan tata tertib peneroka serta urusan pelarasan lot</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengemaskini dan merangka struktur pentadbiran jabatan supaya lebih berkesan</li> <li>Menjadi <i>one stop center</i> kepada semua unit bagi penyediaan rekod dan laporan jabatan</li> <li>Menjadi sumber utama semua rekod dan laporan jabatan.</li> <li>Merangka modul latihan dan kursus yang berkaitan tanah bagi petugas dan peneroka</li> <li>Mendapatkan maklumat yang tidak lengkap supaya urusan menguruskan Mesyuarat Pindah Hak, urusan tata tertib peneroka serta urusan pelarasan lot dapat dilaksanakan dengan lebih teratur</li> </ul>










# UNIT

## *SOKONGAN*



# UNIT AUDIT DALAM FELDA

## LATAR BELAKANG

Unit Audit Dalam (UAD) telah ditubuhkan mulai 1 Januari 2008, selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004 mengenai "Pelaksanaan Audit Dalam Di Kementerian/ Jabatan Persekutuan/ dan Kerajaan Negeri". Ianya menjadi sebahagian dari komponen kawalan dalaman FELDA bagi membantu menilai tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa. Bidang tugas UAD adalah meliputi pengauditan di Jabatan, Wilayah dan Rancangan serta Badan Jawatankuasa Kemajuan Kerja Rancangan (JKKR). Visi Jabatan ini adalah untuk menjadi penyumbang ke arah kecemerlangan pengurusan kewangan/ perolehan dan meningkatkan akauntibiliti tadbir urus oleh kakitangan di semua peringkat.

## OBJEKTIF

1. Mempertingkatkan keberkesanan kawalan dalaman, pengurusan risiko proses tadbir urus serta tahap pengurusan dan akauntabiliti di FELDA.
2. Memberi pandangan bebas (*independent*) dan memberi kepastian (*assurance*) terhadap keberkesanan proses kawalan dalaman (*internal controls*) di FELDA.
3. Membantu pengurusan mencapai matlamat dan program yang telah dirancang melalui penggunaan sumber yang ekonomik, cekap serta berkesan.

## FUNGSI DAN PERANAN

Fungsi dan peranan yang dimainkan di peringkat Jabatan, Wilayah dan Rancangan dalam proses pengauditan adalah seperti berikut:

	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
a.	Menilai kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman organisasi	Memastikan pelaksanaan sistem kawalan dalaman dan sistem kewangan berkesan	Melaksanakan sistem kewangan dengan cekap dan mengikut peraturan
b.	Menilai tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa	Menyemak tahap pematuhan yang dilaksanakan oleh wilayah	Mematuhi semua dasar, undang-undang peraturan dan arahan yang ada
c.	Menilai keberkesanan pelaksanaan program dan projek pembangunan dilaksanakan secara berhemat, cekap dan berkesan	Memantau projek pembangunan di rancangan	Memastikan KPI dicapai



	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
d.	Menentukan aset dan harta organisasi diurus dan diselenggara dengan selamat dan teratur selaras dengan peraturan-peraturan semasa	Memeriksa pengurusan bekalan ke rancangan dari masa ke semasa	Melaksanakan pengurusan belakan mengikut peraturan
e.	Memeriksa sistem kewangan selaras dengan peraturan semasa	Membantu rancangan menjalankan urusan kewangan	Memahami semua peraturan yang sedia ada
f.	Memberi nasihat/ pandangan mengenai kawalan dalaman	Mengumpul dan mengupas isu dari rancangan	Memberi maklum balas dari masa kesemasa
g.	Menentukan perbelanjaan dilaksanakan dengan teratur dan berkesan	Memantau dan menyediakan rumusan dan perbelanjaan	Memastikan peruntukan diperolehi sebelum membuat perbelanjaan
h.	Menilai sistem pengurusan berasaskan komputer dari sudut keselamatan dan perjalanan sistem	Memberi bimbingan kepada petugas rancangan	Memahirkan diri dalam modul-modul yang dilaksanakan
i.	Melaporkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga dan Pihak Pengurusan berkenaan hasil pengauditan dan mengambil tindakan susulan terhadap perkara yang dibangkitkan	Memberi ulasan terhadap penemuan dalam laporan audit	Mengambil tindakan terhadap teguran audit
j.	Menyediakan Rancangan Tahunan dan Laporan Audit Dalam	Memberi kerjasama supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut jadual	Menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan oleh audit

## MAKLUMAT ASAS

Unit Audit Dalam mempunyai 9 zon/ unit bagi melaksanakan tugas-tugas pengauditan dan pentadbiran Jabatan

### Maklumat Asas Zon /Unit Pengauditan

Bil.	Zon /Unit	Lokasi/Bahagian
1.	Zon A	Raja Alias & Segamat
2.	Zon B	Kuantan, Terengganu & Trolak
3.	Zon C	Johor Bahru, Gua Musang, Alor Star & Sahabat
4.	Zon D	Jengka & Mempaga
5.	Unit TPB Ekonomi	Jabatan Ibu Pejabat
6.	Unit TPB Komuniti	Jabatan Ibu Pejabat
7.	Unit TPB Pengurusan	Jabatan Ibu Pejabat
8.	Unit Pentadbiran	Pentadbiran UAD
9.	Unit Siasatan	Kes Aduan/Siasatan

Unit Audit Dalam mempunyai seramai 33 orang kakitangan bagi melaksanakan tugas-tugas pengauditan dan pentadbiran seperti berikut :

### Bilangan Kakitangan

Jawatan	Gred	Bilangan Kakitangan
Ketua Audit	54	1
Ketua Bahagian	52 / 48	2
Juruaudit	44 / 41	13
Penolong Juruaudit	27	3
Pembantu Juruaudit	22 / 17	11
Pegawai Tadbir	41	1
Pembantu Tadbir	22	1
Pembantu Tadbir (SU)	17	1
<b>Jumlah</b>		<b>33</b>

## PROGRAM UTAMA

Fokus utama Unit Audit Dalam adalah bagi melaksanakan pengauditan di FELDA merangkumi Jabatan, Wilayah dan Rancangan. Jumlah pengauditan yang akan dilaksanakan bagi tahun 2016 adalah sebanyak 268 unit organisasi seperti pecahan berikut :-

Unit Organisasi	Bilangan Unit Yang Ada	Pusingan Pengauditan (Cycle)	Bilangan Pengauditan 2016
Rancangan	305	2 tahun sekali	153
Pejabat Wilayah	11	3 tahun sekali	5
Jabatan – Jabatan di Ibu Pejabat	15	2 tahun sekali	7
Jawatankuasa Kemajuan Kerja Rancangan (JKKR)	210	2 tahun sekali	103
<b>Jumlah</b>	<b>541</b>		<b>268</b>

# UNIT UNDANG-UNDANG

## LATAR BELAKANG

Unit ini adalah merupakan suatu unit yang dinamakan sebagai Unit Undang-Undang dan telah ditubuhkan pada 21 Julai 2008 selaras dengan tugasnya untuk memberi nasihat perundangan kepada pihak pengurusan FELDA, Jabatan-jabatan, Pejabat Wilayah serta Pejabat Rancangan dari aspek perkhidmatan sokongan (*support service*) di dalam hal ehwal yang melibatkan sistem Perundangan dan Perlembagaan Malaysia.

## OBJEKTIF

1. Memberi perkhidmatan perundangan yang bertaraf professional, bermutu tinggi dan bertindak selaras dengan Perlembagaan Persekutuan (*Federal Constitution*) dan undang-undang yang terpakai di Malaysia dengan cekap, adil dan saksama.
2. Menjaga hak dan kepentingan FELDA dari sudut perundangan dan memastikan kepentingan FELDA sentiasa diutamakan di dalam setiap transaksi perjanjian dengan pihak kedua.
3. Mengemaskini serta memperbaharui peruntukan undang-undang yang sedia ada dan menyediakan, menggubal dan/ atau menyemak deraf Undang-Undang Kecil, Perintah, Pekeliling serta Kaedah sama ada **baru** atau pindaan.
4. Membantu Jabatan-jabatan lain dalam mengatasi masalah-masalah yang melibatkan isu-isu perundangan.
5. Membantu serta menasihati FELDA di dalam penyediaan dokumen-dokumen perjanjian.
6. Menyemak segala dokumen perjanjian dan sebarang dokumen yang mempunyai kesan dari segi dan di sisi undang-undang sebelum sesuatu perjanjian itu dimuktamadkan.

## FUNGSI DAN PERANAN

1. Memberi khidmat nasihat, pendapat dan pandangan kepada pengurusan FELDA, Jabatan-jabatan, Pejabat Wilayah serta Pejabat Rancangan yang meliputi segala aspek perundangan dan menjaga kepentingan FELDA samada secara bertulis atau lisan.
2. Mengawalselia dan memantau segala perkara yang melibatkan aspek perundangan.
3. Menyedia dan menyemak dokumen-dokumen perjanjian dan dokumen lain yang mempunyai kesan dari segi dan di sisi undang-undang.
4. Membuat semakan undang-undang (*law revision*) terhadap mana-mana peruntukan atau mana-mana perundangan utama dan subsidiari sepertimana yang diperlukan oleh Pengurusan FELDA.
5. Melantik panel peguam serta memantau pengendalian dan perjalanan kes oleh panel-panel peguam dalam mengendalikan kes yang diberikan.
6. Menyemak undang-undang, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan dokumen perundangan lain yang melibatkan FELDA.

## PROGRAM UTAMA

1. Pengurusan kes-kes di Mahkamah.
2. Pengurusan hal ehwal perundangan Jabatan/ Unit/ Wilayah/ Rancangan.
3. Pelantikan panel-panel peguam.
4. Rundingan/ perbincangan dengan pihak luar dan/atau panel peguam mengenai sesuatu kes atau perjanjian.
5. Menyediakan dokumentasi-dokumentasi yang diperlukan bagi penyediaan kes-kes di mahkamah dan perjanjian-perjanjian yang melibatkan FELDA.
6. Menguruskan serta membantu saksi-saksi memberi keterangan di mahkamah.
7. Penyediaan dan semakan perjanjian – perjanjian berkaitan dengan FELDA.
8. Menjalankan tugas-tugas berkaitan dengan isu-isu perundangan dari masa ke semasa.

# UNIT PENGURUSAN RISIKO/INTEGRITI (UPRI)

## LATAR BELAKANG

Unit Pengurusan Risiko/ Integriti (UPRI) ditubuhkan untuk memberi perkhidmatan dalam aspek sistem kawalan kualiti, pengurusan risiko dan Integriti, penjaan penyelidikan, penghasilan teknologi baharu dan pemantauan KPI & KRA di FELDA. Unit Pengurusan Risiko/ Integriti telah dibuat penstrukturan semula pada 15 Jun 2015 dengan menggabungkan Unit Pengurusan Risiko & Integriti dan Jabatan QC, R&D, Teknologi Baharu, KPI & KRA. Peranan Unit Pengurusan Risiko/Integriti meliputi Lima (5) fungsi utama iaitu Pengurusan Kualiti, Pengurusan Risiko, Pengukuhan Integriti, Keselamatan Perlindungan dan R&D dan Teknologi Baharu.

## OBJEKTIF

Bidang Tugas	Objektif
A. Pengurusan Risiko	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Melaksanakan dan membudayakan Pengurusan Risiko Korporat (ERM) di FELDA</li><li>2. Menyediakan Laporan Profil Risiko Korporat dan tindakan mitigasi bagi kegunaan FELDA</li><li>3. Memastikan komitmen pengurusan melalui Jawatankuasa Risiko FELDA</li></ol>
B. Pengukuhan Integriti	<ol style="list-style-type: none"><li>4. Menerapkan nilai-nilai integriti secara menyeluruh di FELDA menerusi Program Jelajah Integriti FELDA, <i>Integrity Pack</i> dan lain-lain program</li><li>5. Memperkasa tadbir urus dan mekanisme kawalan dalaman bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan pelaksanaan tugas dan fungsi jabatan/Wilayah dan rancangan</li></ol>
C. Keselamatan Perlindungan	<ol style="list-style-type: none"><li>6. Memastikan kriteria-kriteria keselamatan perlindungan di FELDA dipatuhi berdasarkan Buku Arahan Keselamatan yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (PKPKKM)</li><li>7. Memastikan kesedaran berhubung keselamatan perlindungan dapat diterapkan di kalangan petugas-petugas FELDA di Ibu Pejabat, Wilayah dan Rancangan</li></ol>
D. Pengurusan Kualiti (ISO, 5S, KIK, Lean Management, KPI dan OSH)	<ol style="list-style-type: none"><li>8. Mengekalkan pembaharuan pensijilan ISO sekali bagi setiap tiga tahun dan menyediakan SOP</li><li>9. Melaksanakan projek-projek KIK dalam semua jabatan, unit, wilayah dan rancangan yang dipilih</li><li>10. Mengambil bahagian sekurang-kurangnya 1 projek KIK dalam Konvensyen KIK Jabatan Perdana Menteri/ MPC/ Negeri</li><li>11. Memastikan semua wilayah dan rancangan melaksanakan 5S untuk mendapatkan pensijilan 5S yang disahkan oleh MPC</li><li>12. Untuk melaksanakan <i>Lean Management Projects</i> di jabatan/ wilayah yang dipilih</li><li>13. Memastikan semua jabatan, unit dan wilayah melaksanakan KPI dan KRA dengan mengemukakan laporan bulanan sebelum 10 haribulan setiap bulan yang akan digunakan sebagai kayu pengukur dalam penilaian prestasi Jabatan, Unit, Wilayah, Rancangan dan kakitangan</li></ol>

Bidang Tugas	Objektif
	14. Meningkatkan kesedaran dan membudayakan petugas FELDA dalam isu Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA)
	15. Memastikan Keselamatan, kesihatan & Kebajikan petugas di tempat kerja dan mematuhi garis panduan pelaksanaan keselamatan & kesihatan pekerjaan (KKP) dalam persekitaran kerja.
E. R&D dan Teknologi Baharu	16. Melaksanakan projek penyelidikan dan penggunaan teknologi baharu (TOT) berskala kecil (perintis) yang sesuai bagi meningkatkan produktiviti dan berpotensi memberi nilai tambah kepada FELDA
	17. Menyediakan syor bagi projek yang telah tamat untuk dikemukakan kepada pihak pengurusan FELDA untuk pelaksanaan secara berkala
F. Penerbitan	18. Menerbitkan 4 jilid Majalah Pengurus
	19. Menerbitkan buku FELDA

## FUNGSI DAN PERANAN

Fungsi dan peranan yang dimainkan di peringkat Jabatan, Wilayah dan Rancangan dalam proses pengauditan adalah seperti berikut :

	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
<b>A. Pengurusan Risiko</b>			
1.	- Melaksanakan dan membudayakan Pengurusan Risiko Korporat (ERM) di FELDA	- Memastikan ERM dilaksanakan dan dibudayakan peringkat Wilayah	- Memastikan ERM dilaksanakan dan dibudayakan Rancangan
2.	- Menyediakan dan melengkapkan Daftar Risiko Jabatan/ Unit agar Laporan Profil Risiko Korporat 2016 dapat disiapkan - Menghantar Daftar Risiko Jabatan/ Unit/ Wilayah ke Unit Pengurusan Risiko/ Integriti	- Menyediakan dan melengkapkan Daftar Risiko Wilayah agar Laporan Profil Risiko Korporat 2016 dapat disiapkan - Menghantar Daftar Risiko Jabatan/ Unit/ Wilayah ke Unit Pengurusan Risiko/ Integriti	- Menyediakan maklumat kepada Wilayah dalam menyediakan Daftar Risiko - Menyediakan maklumat Daftar Risiko rancangan kepada Wilayah
3.	- Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Risiko FELDA 4 kali setahun secara berkala - Menyediakan Laporan Mitigasi bulanan untuk dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Risiko FELDA - Menyediakan laporan/maklum balas jika diperlukan oleh Jawatankuasa Risiko	- Menyediakan Laporan Mitigasi bulanan untuk dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Risiko FELDA - Menyediakan laporan/maklum balas jika diperlukan oleh Jawatankuasa Risiko	- Menyediakan maklumat kepada Wilayah dalam menyediakan laporan mitigasi - Menyediakan laporan/ maklum balas jika diperlukan oleh Jawatankuasa Risiko
<b>B. Pengukuhan Integriti</b>			
4.	- Merancang dan melaksanakan program bagi memastikan pembudayaan, penginstitusian dan pelaksanaan integriti dalam organisasi	- Bekerjasama dengan ibu pejabat sebagai pegawai penyelarasan untuk program integriti. - Memastikan kehadiran peserta mengikut jumlah yang ditetapkan	- Pengurusan rancangan hendak bekerjasama dan memastikan petugas menghadiri program integriti dan mengamalkannya

	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
5.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Integriti &amp; Tadbir Urus sebanyak 3 kali setahun bagi memastikan tadbir urus terbaik FELDA</li> <li>- <i>Integrity Champion</i> Jabatan/ Unit memberi laporan maklum balas Integriti &amp; tadbir urus kepada UPRI</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Integrity Champion</i> memberi laporan maklumbalas integriti dan tadbir urus kepada UPRI</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- <i>Integrity Champion</i> memberi laporan maklumbalas integriti dan tadbir urus kepada Wilayah</li> </ul>
C. Keselamatan Perlindungan			
6.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- UPRI menyediakan SOP, latihan dan panduan bagi perkara-perkara yang melibatkan keselamatan perlindungan</li> <li>- UPRI mengaudit pelaksanaan keselamatan perlindungan di Ibu Pejabat, Wilayah dan Rancangan Jabatan/ Unit di Ibu Pejabat perlu melaksanakan keselamatan perlindungan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pejabat Wilayah perlu melaksanakan keselamatan perlindungan</li> <li>- Membantu dan memberi maklumat dalam pelaksanaan pengauditan keselamatan</li> <li>- Wilayah perlu melaksanakan keselamatan perlindungan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pejabat Rancangan perlu melaksanakan keselamatan perlindungan</li> <li>- Membantu dan memberi maklumat dalam pelaksanaan pengauditan keselamatan</li> <li>- Wilayah perlu melaksanakan keselamatan perlindungan</li> </ul>
7.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- UPRI menyediakan program kesedaran berhubung keselamatan perlindungan kepada petugas-petugas FELDA di Ibu Pejabat, Wilayah dan Rancangan</li> <li>- Ketua Jabatan/ Unit perlu memberi komitmen dalam mengerahkan petugas-petugas FELDA di Jabatan/ Unit untuk menghadiri kursus kesedaran berhubung keselamatan perlindungan</li> <li>- Petugas FELDA di Jabatan/Unit menghadiri kursus kesedaran berhubung keselamatan perlindungan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Bekerjasama dengan ibu pejabat sebagai pegawai penyelarass untuk program</li> <li>- Pengurus Besar Wilayah perlu memberi komitmen dalam mengerahkan petugas-petugas FELDA di Pejabat Wilayah untuk menghadiri kursus kesedaran berhubung keselamatan perlindungan</li> <li>- Petugas FELDA di Wilayah menghadiri kursus kesedaran berhubung keselamatan perlindungan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengurusan rancangan hendak bekerjasama dan memastikan petugas menghadiri program ini.</li> <li>- Pengurus Rancangan perlu memberi komitmen dalam mengerahkan petugas-petugas FELDA di Rancangan untuk menghadiri kursus kesedaran berhubung keselamatan perlindungan</li> <li>- Petugas FELDA di Rancangan menghadiri kursus kesedaran berhubung keselamatan perlindungan</li> </ul>
D. Pengurusan Kualiti			
8.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menganalisa pencapaian KPI Jabatan/ Unit</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menghantar laporan bulanan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menyediakan maklumat bulanan dan memberi maklum balas kepada wilayah</li> </ul>
9.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggubal dasar kualiti, memberikan latihan kepada petugas dan memastikan pematuhan SOP dan standard ISO</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memberikan latihan kepada petugas dan memastikan pematuhan SOP dan standard ISO</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Memastikan pematuhan SOP dan standard ISO</li> </ul>
10.	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Menggubal dasar Amalan KIK di Jabatan, Wilayah &amp; Rancangan</li> <li>- Melaksanakan KIK di Ibu Pejabat</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengamalkan dasar KIK</li> <li>- Memastikan projek KIK dilaksanakan di peringkat Wilayah dan Rancangan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengamalkan dasar KIK</li> <li>- Memastikan projek KIK dilaksanakan di peringkat Rancangan</li> </ul>



	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
11.	- Menggubal dasar Amalan Persekitaran Berkualiti 5S di Jabatan, Wilayah & Rancangan	- Memastikan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S dilaksanakan di peringkat Wilayah dan Rancangan	- Memastikan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S dilaksanakan di peringkat Rancangan
12.	- Menetapkan fokus dan sasaran bagi Projek <i>Lean Management</i> bagi Jabatan, Wilayah dan Rancangan yang ditetapkan - Melaksanakan <i>Lean Management</i> di Jabatan tertentu	- Memastikan Projek <i>Lean Management</i> dilaksanakan di peringkat Wilayah dan Rancangan yang telah ditetapkan	- Memastikan Projek <i>Lean Management</i> dilaksanakan di peringkat Rancangan yang ditetapkan
13.	- Memantau penghantaran laporan KPI&KRA bulanan Jabatan/ Unit/ Wilayah	- Memastikan KPI peringkat wilayah dicapai	- Memastikan KPI peringkat rancangan dicapai
14.	- Menyediakan dasar dan ISO KKP. - Menganjurkan dan menyediakan kursus kesedaran serta latihan KKP bagi setiap peringkat Ibu Pejabat, Wilayah dan Rancangan	- Memastikan dasar dan ISO KKP dipatuhi dan dilaksanakan. - Memastikan penglibatan terus serta mengamalkan cara kerja mengikut standard SOP dan ISO	- Memastikan dasar dan ISO KKP dipatuhi dan dilaksanakan. - Memastikan penglibatan terus serta mengamalkan cara kerja mengikut standard SOP dan ISO
15.	- Menyediakan dan memastikan kawasan tempat kerja (Jabatan/ Unit) dalam keadaan selamat serta dilengkapi dengan alatan keselamatan yang mencukupi	- Menyediakan dan memastikan kawasan tempat kerja (wilayah) dalam keadaan selamat serta dilengkapi dengan alatan keselamatan yang mencukupi	- Menyediakan dan memastikan kawasan tempat kerja (rancangan) dalam keadaan selamat serta dilengkapi dengan alatan keselamatan yang mencukupi
E. R&D dan Tekonologi Baharu			
16.	- Melaksanakan kajian perintis melalui penyelidikan dan penggunaan teknologi baharu (TOT)	- Membantu dalam menjalankan dan memantau kemajuan projek perintis di peringkat rancangan	- Menyediakan maklumat yang tepat dan lengkap tentang kawasan kajian
17.	- Memantau kemajuan projek perintis dan melaporkan kepada pihak pengurusan FELDA	- Melaporkan isu-isu berbangkit berkaitan dengan projek yang dijalankan di rancangan	- Membantu dan Memberikan kerjasama dalam melaksanakan projek perintis di peringkat rancangan
F. Penerbitan			
18.	- Menerbitkan 4 jilid Majalah Pengurus	- Memajukan artikel ke UPRI	- Memajukan artikel ke UPRI
19.	- Menerbitkan buku FELDA	- Membantu dan memberi kerjasama dalam penerbitan buku FELDA	- Membantu dan memberi kerjasama dalam penerbitan buku FELDA

## PROGRAM UTAMA

Bil	Jenis Program
1	Laporan Profil Risiko Korporat 2016
2	Mesyuarat Jawatankuasa Risiko FELDA 2016
3	Laporan Mitigasi Risiko Bulanan
4	Bengkel Pegawai-pegawai Risiko FELDA
5	Program Jelajah Integriti FELDA 2016
6	Mesyuarat Jawatankuasa Integriti & Tadbir Urus FELDA
7	Bengkel Pengukuhan Integriti bagi Integrity Champion
8	Kajian Integriti FELDA bersama Universiti/ Insititut Integriti Malaysia
9	Lawatan ke Unit Integriti Jabatan Perdana Menteri (JPM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Institut Integriti Malaysia (IIM) dan agensi-agensi berkaitan
10	Sambutan Hari Integriti FELDA 2016
11	Program Pegawai Integriti Bertauliah (CEIO) daripada Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA)
12	Tapisan keselamatan melalui sistem <i>e-vetting</i> 2.0
13	Pelaksanaan keselamatan dokumen rahsia rasmi di Ibu Pejabat dan Pejabat Wilayah
14	Kempen kesedaran berhubung keselamatan perlindungan kepada petugas-petugas FELDA
15	Latihan dan kursus kepada mereka yang dilantik dalam keselamatan perlindungan

Bil	Jenis Program
16	Bengkel Pemantapan Auditor ISO
17	Audit Dalaman ISO
18	Bengkel Penulisan & Penyemakan SOP
19	Bengkel Pemantapan Auditor 5S
20	Audit 5S
21	Bengkel 7 Alat Kualiti
22	Konvensyen KIK FELDA
23	Bengkel <i>Lean Management</i>
24	Latihan Penggunaan sistem e-KPI di wilayah dan rancangan
25	Sesi Penilaian sistem e-KPI
26	Program <i>Occupational Safety and Health Administration</i> (OSHA)
27	Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan & Kesihatan
28	Program penyelidikan dan penggunaan teknologi baharu
29	Membentangkan laporan kemajuan projek 3 bulan sekali dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Projek R&D dan Teknologi Baharu
30	Penerbitan Majalah Pengurus
31	Penerbitan Buku FELDA



# UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## LATAR BELAKANG

Mulai Januari 2015, Unit Komunisi Korporat yang dulunya berstatus jabatan meneruskan tumpuan kepada mengurus dan memudahkan komunikasi dalaman dan luaran FELDA, di samping bertujuan untuk meningkat dan mengekalkan reputasi positif FELDA. Unit ini juga berperanan dalam pengurusan data dan maklumat termasuk pelaporan serta bahagian khidmat pelanggan. Unit ini bertanggungjawab terus kepada Pengarah Besar FELDA dan dipecahkan menjadi enam seksyen iaitu :

- Perhubungan Awam
- Pengurusan Aduan dan Hal Ehwal Parlimen
- Komunikasi Dalaman dan Pengurusan Majlis
- Pengurusan Teknologi Maklumat
- Pengurusan Maklumat
- Pengurusan Tadbiran dan Kewangan

## OBJEKTIF

1. Menyalurkan maklumat secara efektif dan efisien melalui media cetak, media elektronik dan media baharu.
2. Meningkatkan imej FELDA selaras dengan misi dan visi FELDA di bawah usaha penjenamaan semula FELDA.
3. Mengurus komunikasi dalaman dan luaran secara berkesan (surat edaran, laporan, e-mail, sms dan parlimen)
4. Pengurusan maklumat FELDA yang mampu capai (*accessible*).
5. Mengurus aduan berkaitan FELDA secara berpusat dan sistematik.



## FUNGSI DAN PERANAN

Fungsi dan peranan yang dimainkan di peringkat Jabatan, Wilayah dan Rancangan dalam proses pengauditan adalah seperti berikut :-

	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
	Perhubungan Awam		
a.	Merancang pelan komunikasi, promosi dan program publisiti untuk segala aktiviti dan hal ehwal korporat FELDA bagi meningkatkan reputasi serta memperkukuh identiti dan imej FELDA secara berterusan.	Menyalurkan maklumat yang tepat dan terkini apabila diperlukan.	Menggunakan ( <i>utilize</i> ) institusi peneroka, penerokawati dan belia rancangan untuk menyampaikan atau menyalurkan maklumat kepada akar umbi.
b.	Mengurus aspek perhubungan awam FELDA yang merangkumi hubungan media dan hubungan antara pihak luar dengan FELDA termasuk hubungan baik ( <i>rapport</i> ) dengan Jabatan Perdana Menteri dan agensi-agensi berkaitan	Mematuhi <i>standard operating procedure</i> komunikasi, media polisi yang ditetapkan oleh Jabatan Komunikasi Korporat dan Koordinasi.	Sentiasa mengemaskini data untuk tujuan ketepatan dan kesahihan maklumat
c.	Menyediakan dan mengedarkan analisis akhbar berkenaan isu semasa dan isu FELDA kepada semua Ketua Jabatan serta menyediakan teks ucapan,	Memantau dan memastikan maklumat yang akan diberi kepada warga peneroka dan pihak awam adalah tepat dan sah.	
d.	Mengumpul maklumat dari media cetak dan data dalaman untuk penyediaan teks ucapan.	Memastikan logo, kod warna dan motto FELDA yang betul digunakan dalam majlis atau program di peringkat negeri dan daerah.	
e.	Menyediakan maklumat yang lengkap dan tepat bagi bahan edaran dan menggunakan secara efektif melalui saluran media cetak, media elektronik seperti video korporat, sisipan akhbar, buletin, <i>newsletter</i> dan sebagainya.		
f.	Penjenamaan semula organisasi FELDA melalui logo, <i>motto</i> , kod warna, pakaian petugas dan sebagainya.		
g.	Mengurus lawatan rasmi dan kunjungan pelawat rasmi.		
h.	Mewujudkan unit studio FELDA yang bertaraf profesional, selaras dengan taraf industri, bagi mengurus pengambilan gambar dan merakam video program berimpak tinggi FELDA.		

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
<b>Pengurusan Aduan dan Hal Ehwal Parlimen</b>		
<b>a.</b> Memantau, mengurus dan menyelaras maklum balas aduan dan cadangan yang diterima melalui akhbar, surat, laman web dan individu yang hadir sendiri, aduan yang diterima melalui Pusat Panggilan Setempat Kerajaan (1MOCC) serta Biro Pengaduan Awam, untuk memastikan sistem pengurusan aduan yang berkesan dan efisien melalui Sistem Panggilan Satu Pusat FELDA (F1CC) dan di direkodkan serta di dokumenkan secara sistematik.	Mengambil tindakan segera dengan meneliti dan membuat siasatan terhadap aduan yang diterima. Memastikan juga aduan dapat diberi maklumbalas kepada Seksyen Aduan Ibu pejabat FELDA dalam tempoh di tetapkan untuk tindakan selanjutnya.	Membuat siasatan dan mendapatkan maklumat yang tepat berkaitan sesuatu aduan untuk dilaporkan di peringkat Wilayah dan Ibu Pejabat.
<b>b.</b> Menyelaraskan jawapan parlimen dan mengurus hal ehwal berkaitan Parlimen.	Menyalurkan maklumat apabila diperlukan.	Sentiasa mengemaskini data untuk tujuan ketepatan dan kesahihan maklumat
<b>Komunikasi Dalaman dan Pengurusan Majlis</b>		
<b>a.</b> Mewujudkan dan memperkukuh komunikasi dalaman FELDA.	Melaksanakan program yang ditetapkan serta menyediakan tempat dan peralatan yang memenuhi <i>standard</i> profesional.	Menggunakan ( <i>utilize</i> ) institusi peneroka, penerokawati dan belia rancangan untuk menyampai atau menyalurkan maklumat kepada akar umbi.
<b>b.</b> Mengurus program rasmi FELDA secara tersusun dan sistematik, mengikut protokol yang betul..	Mengemaskini maklumat yang terkini dan tepat untuk sesuatu program dan bila diperlukan..	Mengemaskini maklumat yang tepat mengenai rancangan dan warga peneroka.
<b>c.</b> Memastikan penyampaian maklumat dilaksanakan seperti yang dirancang dan memenuhi keperluan pengurusan (seperti <i>SMS Blasting</i> , <i>Website</i> , E-mail, memo, surat edaran dan sebagainya).	Mendapatkan maklumat dari rancangan untuk di panjangkan ke pihak ibu pejabat.	Menyampaikan maklumat yang tepat kepada warga FELDA
<b>d.</b> Menyelaras dan mengurus kerja-kerja percetakan dalaman (buku program, risalah, kad jemputan, akhbar 1Suara, akhbar Sisipan Utusan dan lain-lain berdasarkan permintaan dari semasa ke semasa).	Menyalurkan maklumat dari Ibu Pejabat dengan berkesan kepada rancangan.	
<b>e.</b> Menguruskan penggunaan dewan dan bilik-bilik mesyuarat di bangunan Menara FELDA.		
<b>Pengurusan Teknologi Maklumat</b>		
<b>a.</b> Membina pangkalan data yang lengkap bagi semua peneroka dan generasi mereka serta menyediakan kemudahan untuk mendapatkan maklumat daripada pangkalan data yang mudah dan fleksibel.	Mengemaskini pangkalan data dengan maklumat yang tepat dan terkini.	

Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
<b>b.</b> Mengoptimumkan penggunaan portal FELDA secara sistematik mengikut fasa, termasuk pendaftaran dalam talian bagi semua jabatan untuk kemudahan kakitangan, pelanggan dan orang awam.	Menyalurkan maklumat apabila diperlukan.	Sentiasa mengemaskini data untuk tujuan ketepatan dan kesahihan maklumat
<b>c.</b> Mengurus dan memantau penggunaan perkakasan dan perisian ICT FELDA secara efisien dan efektif.	Menyalurkan kembali maklumat di peringkat wilayah dan rancangan yang sesuai untuk dimasukkan ke portal dan laman web FELDA.	
<b>d.</b> Memastikan operasi yang melibatkan ICT FELDA berjalan dengan lancar.		
<b>e.</b> Sentiasa mengemaskini data untuk tujuan ketepatan dan kesahihan maklumat		
<b>f.</b> Menyelaraskan maklumat yang akan dikemas kini dalam laman web, sama ada berdasarkan pemantauan, permohonan atau arahan.		
<b>g.</b> Mengkaji, merancang dan melaksanakan dasar ICT serta projek pembangunan ICT FELDA.		
<b>h.</b> Meningkatkan penggunaan media baharu di dalam urusan pengurusan dan komunikasi.		
<b>Pengurusan Maklumat</b>		
<b>Pangkalan Data Warga Peneroka</b>		
<b>a.</b> Memperkemaskan pemantauan Projek Pangkalan Data Warga peneroka dengan kerjasama jabatan/unit yang berkenaan, dan pihak Wilayah.	Membantu ibu pejabat dalam memperkemaskan pemantauan Projek Pangkalan Data Warga Peneroka dengan semua rancangan.	Bekerjasama dengan institusi peneroka, penerokawati dan belia rancangan untuk mendapatkan data keluarga dan gen-F.
a. Mewujudkan jawatankuasa audit data keluarga dan generasi baharu FELDA (gen-F) di peringkat ibu pejabat dan wilayah.		
b. Melaksanakan projek percubaan untuk melihat kepentingan data kepada pengurusan. Melaksanakan projek percubaan untuk melihat kepentingan data kepada pengurusan. Melaksanakan projek percubaan untuk melihat kepentingan data kepada pengurusan.		
<b>b.</b> Menyelaras program kesedaran mengenai kepentingan maklumat warga peneroka (data utama pengurusan FELDA) di semua peringkat pengurusan FELDA .	Terlibat dalam jawatankuasa audit data keluarga dan gen-F.	Mengemaskini maklumat keluarga dan gen-F dengan lengkap iaitu maklumat peribadi, akademik dan majikan dalam sistem SLP.



	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
<b>c.</b>	Menyediakan laporan kepada pihak pengurusan tertinggi.	Membantu dalam melaksanakan projek percubaan di peringkat wilayah.	Mengemaskini maklumat keluarga dan gen-F sekiranya berlaku kematian, kelahiran baru, perkahwinan, perceraian dan sebagainya.
<b>d.</b>	Membantu jabatan, unit, wilayah dan rancangan sekiranya terdapat sebarang masalah.	Memantau proses memasukkan dan mengemaskini data oleh pihak rancangan.	Memastikan maklumat yang diberikan oleh peneroka, keluarga dan gen-F adalah betul.
<b>e.</b>		Membantu melaksanakan aktiviti/ program kesedaran mengenai kepentingan maklumat warga peneroka kepada para petugas, pemimpin peneroka dan warga peneroka di peringkat rancangan.	Membantu wilayah dan ibu pejabat dalam melaksanakan aktiviti/ program kesedaran kepentingan data kepada para petugas, pemimpin peneroka dan warga peneroka.
<b>Direktori FELDA</b>			
<b>a.</b>	Mengumpul dan mengemaskini maklumat yang diperlukan dalam direktori melalui; <ul style="list-style-type: none"> <li>a. Mendapatkan maklumat terkini daripada pihak Wilayah.</li> <li>b. Mendapatkan maklumat terkini daripada anak-anak syarikat.</li> <li>c. Berhubung dengan pegawai Komunikasi Korporat daripada agensi yang berkenaan.</li> <li>d. Berhubung dengan Jabatan Sumber Manusia.</li> </ul>	Mengemaskini maklumat direktori wilayah dan rancangan serta menyalurkan maklumat tersebutkan ke Seksyen Pengurusan Maklumat, Unit Komunikasi Korporat, Ibu Pejabat.	Mengemaskini maklumat direktori rancangan dan menyalurkan maklumat tersebutkan ke wilayah masing-masing.
<b>Pelaporan dan Penyelarasan</b>			
<b>b.</b>	Menyelaras dan mengurus kerja-kerja percetakan dalaman (buku program, risalah, kad jemputan dan lain-lain berdasarkan permintaan dari semasa ke semasa).	Sentiasa mengemaskini data untuk tujuan ketepatan dan kesahihan maklumat	Sentiasa mengemaskini data untuk tujuan ketepatan dan kesahihan maklumat
<b>c.</b>	Mengumpul, menyunting dan menyediakan Buku Program Kerja dan Laporan Tahunan setiap tahun, Laporan Suku Tahun setiap suku tahun, serta Laporan Prestasi Pengurusan dan Laporan Jabatan setiap bulan.	Menggunakan buku program dan laporan sebagai rujukan dalam menjalankan tugas supaya selaras dengan Ibu Pejabat.	Menggunakan buku program dan laporan sebagai rujukan dalam menjalankan tugas supaya selaras dengan Ibu Pejabat.
<b>Pengurusan Tadbiran dan Kewangan</b>			
<b>d.</b>	Bertanggungjawab berkenaan cuti dan kehadiran petugas Jabatan.		
<b>e.</b>	Menyemak dan memastikan keperluan Jabatan seperti alat tulis, peralatan pejabat dan lain-lain, sentiasa mencukupi		



	Ibu Pejabat	Wilayah	Rancangan/ Projek
f.	Memastikan proses pembekalan stok dilakukan mengikut prosedur dan norma yang telah ditetapkan oleh Pengurusan FELDA.		
g.	Bertanggung jawab terhadap urusan dokumentasi jabatan seperti Laporan KRA, KPI, 5S, MPK, Fail Meja dan lain-lain.		
h.	Menguruskan hal-hal berkaitan bayaran kepada vendor yang terlibat di dalam urusan peringkat Ibu Pejabat, Wilayah dan Rancangan yang berkaitan Jabatan Komunikasi Korporat dan Koordinasi (JKK)	Memastikan dokumen berkaitan bayaran di semak kesahihannya sebelum dikemuka kepada JKK	Menyemak dan mengesahkan kerja-kerja yang dijalankan telah dibuat dengan sempurna sebelum sebarang tuntutan di buat.

## PRROGRAM UTAMA

### 1. *Media Nite 2016*

Pihak media memainkan peranan yang penting dalam mengetengahkan imej positif FELDA kepada pihak awam. Oleh itu, majlis ini dijadikan satu platform bagi mewujudkan hubungan yang lebih baik di antara FELDA dengan pihak media.

### 2. *Pelancaran FELDA 1 Contact Center (F1CC)*

